

SIRI PERTAMA
BAHAN PERSAHABATAN
GOLONGAN DEWASA

(Belia, Pertengahan Baya, Warga Emas)

Gereja Yesus Benar, Jabatan Penginjilan & Penggembalaan

Pelajaran 1: Injil Matius (1) - Panduan Pembacaan	1
Pelajaran 2: Injil Matius (2)	4
Pelajaran 3: Injil Matius (3)	6
Pelajaran 4: Injil Matius (4)	9
Pelajaran 5: Kemunculan Gereja Yesus Benar (Artikel Tanah Besar)	11
Pelajaran 6: Syarat-Syarat Gereja Benar	17
Pelajaran 7: Komposisi Alkitab	23
Pelajaran 8: Kesahihan Alkitab	32

Persahabatan Belia

Peganglah Berkat Tuhan!

Kuartet Belia: ① Mencari ②Bercinta ③Baru Berkahwin ④Ibu Bapa Baru	42
-------------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 1: Kuartet Pertama

“Sila Panggil Saya Si Bujang Yang Bahagia!” - Pegang Peringkat Pencarian	44
--------------------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 2: Kuartet Kedua

“Ya Tuhan! Diakah Orangnya?” - Pegang Peringkat Percintaan	49
------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 3: Kuartet Ketiga

“Mengapa Begini?” - Pegang Peringkat Baru Berkahwin	58
-----------------------------------------------------------	----

Pelajaran 4: Kuartet Keempat

“Dia Membuatkan Saya Gila!” - Pegang Peringkat Ibu Bapa Baru	64
--------------------------------------------------------------------	----

Persahabatan Pertengahan Baya

Pelajaran 1: Peringkat Sekolah Rendah Yang Menyinari Kebahagiaan	69
------------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 2: Artikel Sekolah Menengah

“Tidak Melampaui Batas Dalam Perkara-Perkara Besar, Kesilapan Dalam Perkara-Perkara Kecil Diperbolehkan”	76
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 3: Interaksi Antara Dua Generasi - Artikel Menengah Atas	84
--------------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 4: Interaksi Antara Dua Generasi - Artikel Institusi Pengajian Tinggi	89
---------------------------------------------------------------------------------------	----

Persahabatan warga emas

Pelajaran 1: Kenali Persekitaran Generasi Baru I - Konsep Keluarga Masa Kini	96
------------------------------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 2: Kenali Persekitaran Generasi Baru II -

Interaksi Dengan Generasi Muda: Artikel Anak Dan Menantu	99
----------------------------------------------------------------	----

Pelajaran 3: Kenali Persekitaran Generasi Baru III -

Interaksi Dengan Generasi Muda: Artikel Cucu	102
----------------------------------------------------	-----

Pelajaran 4: Kenali Persekitaran Generasi Baru IV - Kehidupan Persaraan	105
-------------------------------------------------------------------------------	-----

PELAJARAN 1:

INJIL MATIUS (1) - PANDUAN PEMBACAAN

PERTAMA, PENULIS

Matius, juga disebut “Lewi” (Mrk 2:14). Pada asalnya merupakan seorang pemungut cukai. Oleh panggilan Tuhan Yesus, dia segera meninggalkan segala sesuatu dan mengikut Tuhan. Dia dengan rendah hati menceritakan proses panggilan dan kesaksiannya (bandingkan cara catatan Mat 9:9-11 dan Mrk 2:14-15). Dia menggunakan karunia dengan baik. Dia mencatatkan dan memberitakan tentang hidup Tuhan Yesus.

KEDUA, MASA PENULISAN

Lebih kurang antara tahun 60 - 70M sebab tidak menceritakan hal tentang Yerusalem dimusnahkan pada tahun 70M.

KETIGA, CIRI-CIRI KITAB INI

1. Menegaskan bahawa Tuhan Yesus ialah keturunan Daud dan Dialah Mesias yang diasaskan Tuhan. Namun Dia bukan menjadi raja orang Yahudi secara fizikal tetapi menjadi raja rohani bagi seluruh dunia yang bersedia menerima Injil.
2. Sasaran penulisan ialah orang-orang Yahudi supaya mereka ada pemahaman yang sebenar. Matius banyak memetik ayat-ayat kitab daripada Perjanjian Lama. Dia juga menerangkan dengan lebih lanjut mengenai latar belakang budaya orang Yahudi. Dia membuktikan bahawa Yesus ialah Juruselamat yang telah disediakan oleh Tuhan untuk dunia.
3. Matius membuat catatan tentang pekerjaan dan pengajaran Tuhan Yesus berdasarkan kategori. Dia tidak membuat catatan berdasarkan kronologi masa secara ketat supaya kita dapat melihat pengajaran dan perbuatan Tuhan.

KEEMPAT, PEMBAHAGIAN

Untuk memudahkan penjelasan kitab Injil ini, kita akan membahagikannya kepada empat pelajaran, iaitu dibahagikan kepada empat bahagian:

1. Persediaan Juruselamat (Fasal 1 - 4)
2. Pengumuman Injil (Fasal 5 - 7)
3. Pernyataan Juruselamat (Fasal 8 - 20)
4. Penyempurnaan anugerah keselamatan (Fasal 21 - 28)

Pelajaran ini akan menjadikan “Persediaan Juruselamat” sebagai tema.

KELIMA, PENGENALAN RINGKAS LATAR BELAKANG

Kronologi masa dalam tempoh ini adalah seperti berikut:

1. Maria mengandung dari Roh Kudus (Mat 1:18)
2. Yusuf mengambil Maria sebagai isteri (Mat 1:24)
3. Tuhan Yesus dilahirkan di Betlehem (Mat 2:1)
4. Orang-orang majus dari Timur datang menyembah (Mat 2:1-12)
5. Yusuf membawa seisi keluarga melarikan diri ke Mesir (Mat 2:13)
6. Pulang ke Nazaret dari Mesir (Mat 2:23)
7. Yohanes Pembaptis memberitakan firman tentang pertobatan (Mat 3:1)
8. Tuhan Yesus dibaptis (Mat 3:13-17)
9. Tuhan Yesus dicobai di padang gurun (Mat 4:1-11)

KEENAM, PENGAJARAN PENTING

I. Kenali pekerjaan Tuhan

1. Menyatakan kuasa Tuhan yang ajaib (Mat 1:18)
2. Menyatakan kehendak Tuhan yang ajaib (Mat 1:22)
3. Menyatakan bahawa Tuhan pasti bertanggungjawab (Mat 1:22) - menghapuskan kesukaran, menolong, memimpin, menyempurnakan.
4. Menyatakan kasih Tuhan (Mat 1:23) - Dia diam bersama dengan manusia.

II. Yusuf, orang yang benar (Mat 1)

1. Seorang yang tulus hati, takut kepada Tuhan (Mat 1:19)
2. Seorang yang bertimbang rasa, sudi berfikir untuk orang lain (Mat 1:19) - Tidak mahu mencemarkan nama orang lain.
3. Seorang yang sudi membuat pertimbangan (Mat 1:20) - Bagaimana untuk mengendalikan masalah dengan baik
4. Seorang yang sudi taat kepada perintah Tuhan (Mat 1:24) - harus memikul tanggungjawab.
5. Seorang yang dapat mengawal dirinya (Mat 1:25)

III. Yohanes Pembaptis - hamba Tuhan

1. Tekad untuk hidup secara ringkas (Mat 3:4)
2. Mahir mengajar (Mat 3:7-10), membuatkan orang bertobat secara tulus.
3. Memahami identiti pekerjaan sendiri (Mat 3:11-12) - sentiasa merendahkan hati dan melayani Tuhan.

IV. Tuhan Yesus dicobai

1. Cara-cara pencobaan:
 - a) Keinginan daging (Mat 4:2-3) terlalu mementingkan keperluan daging / fizikal.
 - b) Keinginan mata (Mat 4:8-9).
 - c) Keangkuhan hidup (Mat 4:5-6).
2. Bagaimana memenangnya
 - a) Serahkan hidup kepada Tuhan (Mat 4:4)
 - b) Segenap hati melayani Tuhan dengan hati yang jujur dan benar (Mat 4:10)
 - c) Belajar taat kepada kehendak Tuhan (Mat 4:7), bukan berdasarkan kehendak sendiri sehingga mencobai Tuhan.

KETUJUH, SOALAN KAJIAN

1. Apa pendapat anda tentang sikap pengurusan Yusuf, orang yang benar (Mat 1:19-20)?
2. Apa pendapat anda tentang sikap orang-orang majus dari Timur dan ahli Taurat bangsa Yahudi terhadap nubuat berkaitan dengan kelahiran Juruselamat (Mat 2:1-6)?

PELAJARAN 2: INJIL MATIUS (2)

PERTAMA, TEMA

Pengumuman Injil (fasal 5 - 7). Matius menyusun dan menggabungkan pengajaran penting Tuhan Yesus menjadi “Khotbah di Bukit”. Dari pengumuman ini, kita dapat melihat konotasi seluruh Injil dan memahami semangat, prinsip “Kerajaan Tuhan” yang diberitakan oleh Tuhan Yesus. Apabila kita menerima dan melakukannya dengan hati yang tulus, kita dapat menunjukkan kepercayaan dan kehidupan yang sebenar dengan lebih baik.

KEDUA, KONOTASI INJIL KERAJAAN TUHAN

Satu, konsep nilai rohani (5:1-12)

Dua, makna kepercayaan dan kehidupan (5:13-16) - jadi garam dan terang

Tiga, semangat kepercayaan yang benar:

1. Menunjukkan kebenaran sebagai prinsip hidup (Mat 5:17-20).
2. Kejar penghormatan dan pengampunan yang sebenar (Mat 5:21-26, 7:1-6).
3. Kejar kekudusan yang sebenar (Mat 5:27-32).
4. Kejar hati yang jujur (Mat 5:33-37).
5. Kejar kasih yang sejati (Mat 5:38 - 6:4).
6. Kejar ibadah yang sebenar (Mat 6:5-18, 7:7-14).
7. Kejar kekayaan yang sebenar (Mat 6:19-34) - Oleh itu, belajarlah berserah, percaya dan bersandar kepadaNya, berasa cukup, beri persembahan.
8. Kejar perubahan dan pertumbuhan hidup (Mat 7:15-23).
9. Kejar untuk mendirikan sebuah kepercayaan yang mempunyai dasar (Mat 7:24-29).

KETIGA, PENGAJARAN PENTING

Satu, hal mengasihi musuh

1. Harus mempunyai cita-cita yang lebih tinggi (Mat 5:38) - Tidak berpuas hati dengan tahap orang biasa (Mat 5:20).
2. Menjauhi perselisihan (Mat 5:39) - Untuk mendapatkan damai sejahtera yang sebenar.
3. Mempunyai konsep nilai rohani (Mat 5:40) - Rela menanggung kerugian dari aspek material, apa yang dipentingkan ialah perkara-perkara rohani.
4. Mempunyai hati yang berpengharapan (Mat 5:44) - Berharap dapat mengubah orang yang berbuat salah.
5. Merenungkan teladan Tuhan Yesus (Mat 5:45-48).

Dua, hal berdoa - belajar daripada kata doa Tuhan

6. Minda doa:
 - a) Setiap hari dan setiap perkara (Mat 6:11) - Dalam aspek keperluan yang paling ringkas dan keperluan harian.
 - b) Memikirkan tentang hal Tuhan (Mat 6:9-10).
 - c) Ada pengharapan (Mat 6:13) - supaya kerajaan Tuhan mendapat pujian dan kemuliaan.
7. Prinsip doa:
 - a) Berasa cukup, percaya dan bersandar (Mat 6:11) - makanan harian.
 - b) Kejar perdamaian (Mat 6:12).
 - c) Pertahankan kepercayaan (Mat 6:13).
8. Sumber kuasa doa
 - a) Kerana Tuhan ialah Bapa kami yang di syurga (Mat 6:9).
 - b) Kerana janji Tuhan (Mat 7:7)

Tiga, mendirikan kepercayaan yang mempunyai dasar

1. Kenalpasti pengorbanan yang diperlukan untuk iman kepercayaan (Mat 7:13-14) - (Kis 14:22).
2. Berwaspada terhadap godaan nabi-nabi palsu dan ajaran-ajaran sesat (Mat 7:15) - Harus sentiasa mempunyai minda yang menghormati Kebenaran, mohon Tuhan mengaruniakan hikmat yang rohani untuk membezakannya.
3. Kejar perubahan dan pertumbuhan hidup (Mat 7:21-23).
4. Bertekad untuk berbuat menurut permintaan Kebenaran (Mat 7:24).

KEEMPAT, CATATAN

Mat fasal 5 - 7 digelar sebagai "Khotbah di Bukit". Bukit ini merujuk kepada sebuah bukit kecil di sebelah barat danau Galilea, berdekatan dengan Kapernaum dan jauh daripada hiruk-pikuk kota. Ini membolehkan manusia mendengar pengajaran Tuhan Yesus dengan penuh perhatian di dalam persekitaran yang aman dan tenang.

KELIMA, SOALAN KAJIAN

1. Apakah kesukaran yang dihadapi dalam mengampuni orang lain? Bagaimana untuk mengatasinya?
2. Bagaimana mengelak daripada mengkritik, menghakimi dan menghina orang lain? Bagaimana mengutarakan cadangan dengan niat yang baik?

PELAJARAN 3: INJIL MATIUS (3)

PERTAMA, TEMA

Pernyataan Juruselamat (fasal 8-20). Matius banyak menceritakan tentang pekerjaan Tuhan Yesus tetapi bukan berdasarkan kronologi masa dan tempat. Dengan ini, Tuhan Yesus menyatakan kepada dunia bahawa: Dialah Raja, Dialah Mesias, Juruselamat manusia yang tunggal, Dia Tuhan benar yang di syurga.

KEDUA, CARA PERNYATAAN

Bagaimana Tuhan Yesus membuktikan bahawa Dialah Tuhan benar yang di syurga?

Satu, melalui tanda-tanda mujizat

1. Perbuatan tanda-tanda dan mujizat-mujizat
 - a) Menyembuhkan orang sakit: contoh (Mat 8:1-17).
 - b) Mengendalikan alam semula jadi: contoh (Mat 8:23-27).
 - c) Mengusir setan: contoh (Mat 8:28-34).
 - d) Membangkitkan orang mati: contoh (Mat 9:23-26).
2. Tujuan:
 - a) Menyatakan kasih Tuhan (Mat 8:17)
 - b) Menyatakan kekuatan dan kuasa Tuhan (Mat 9:1-8)
 - c) Mendengar doa manusia (Mat 8:6)
 - d) Mengiktiraf iman manusia (Mat 15:28)
 - e) Menyatakan bahawa Tuhan berkuasa atas nyawa manusia (Mat 9:24)

Dua, melalui kebenaran yang diberitakan (Mat 10:14-15). Kebenaran ini ada kuasa yang sepenuhnya

1. Tuhan menjelaskan makna sebenar hukum Taurat (Mat 12:1-8, 15:1-9)
2. Menyatakan kebenaran melalui perumpamaan (Mat 13)
3. Mengajar manusia dengan kebenaran (Mat 15:10-20)
4. Menegur kesalahan manusia dengan kebenaran (Mat 16:11-12, 12:22-30)

Tiga, melalui janji yang Dia berikan

1. Damai sejahtera dalam roh (Mat 11:28-30)
2. Upah pada masa kelak (Mat 19:28-30)

Empat, melalui penderitaan yang Dia bakal tanggung

1. Mati di atas kayu salib (Mat 20:18-19) - mengalirkan darah yang bernilai, mati untuk manusia, menyucikan dosa manusia.
2. Bangkit dari antara orang mati (Mat 20:19) - membuktikan Dialah Tuhan benar yang di surga.

KETIGA, PENGAJARAN PENTING

Satu, keluarga yang mendapat kasih karunia (Mat 8:14-16). Tuhan tiba di rumah Petrus bersama murid-murid yang lain dan menyembuhkan ibu mertua Petrus lalu keluarga ini mendapat kasih karunia. Keluarga ini mendapat kasih karunia kerana mempunyai prestasi yang baik dan ini berbaloi untuk kita pelajari:

1. Keluarga yang diam bersama dengan rukun (Mrk 1:29): menunjukkan bahawa Petrus tinggal bersama adik-beradiknya dan bersama-sama menjaga orang yang sakit (Mzm 133:1-3).
2. Keluarga yang menyokong pekerja: walaupun ada yang sakit, Petrus dua beradik masih keluar bekerja bersama dengan Tuhan. Ini menunjukkan sokongan keluarganya.
3. Keluarga yang saling membantu doa (Mrk 1:30): ada yang memberitahukan keadaannya kepada Yesus.
4. Keluarga yang melayani dan menerima / menyambut tetamu (Mat 8:15): orang tua ini menunjukkan teladan yang baik dengan menerima / menyambut Tuhan dan murid-muridNya. Dia juga menerima / menyambut sanak-saudara yang datang untuk mendapatkan penyembuhan.

Dua, bangunlah! Beritakan Injil Tuhan

1. Peroleh anugerah keselamatan dengan cuma-cuma, harus pergi memberitakannya dengan rela hati (Mat 10:8)
2. Harus tumpukan perhatian (Mat 10:9-10) tidak diseret / disusahkan oleh hal-hal yang bercampur-aduk
3. Harus ada hati yang hidup secara ringkas (Mat 10:9-10)
4. Mohon Tuhan memberikan hikmat (Mat 10:16)
5. Harus ada persediaan untuk menanggung penganiayaan (Mat 10:21-26)
6. Harus bersandar kepada Roh dan kuasa Tuhan (Mat 10:20)

Tiga, perumpamaan tentang berhutang (Mat 18:21-35)

1. Harus jelas tentang berapa banyak pengampunan yang diri sendiri perlukan.
2. Harus hidup dengan rendah hati dan sentiasa menguji diri sendiri.
3. Harus ada hati yang bersyukur dan bertimbang rasa dalam menghadapi hutang orang lain.
4. Harus menerima dan mengampuni orang lain dari hati / secara ikhlas.

KEEMPAT, SOALAN KAJIAN

1. Apa pendapat anda selepas mengkaji tentang keluarga Petrus mendapat kasih karunia?
2. Dalam pekerjaan memberitakan Injil pada masa kini, apa aspek-aspek yang perlu ditambahbaik?

PELAJARAN 4: INJIL MATIUS (4)

PERTAMA, TEMA

Penyempurnaan anugerah keselamatan (Mat fasal 21 - 28). Ketika Matius menceritakan tentang pekerjaan Tuhan Yesus dalam dua puluh fasal yang awal, ia tidak berdasarkan kronologi masa atau tempat. Namun ketika menceritakan tentang Tuhan Yesus bakal menyempurnakan amanat anugerah keselamatan, bermula dengan Tuhan Yesus masuk ke Yerusalem, dia secara seriusnya mencatatkan perbuatan Tuhan dengan sangat terperinci. Ini untuk membuktikan penyempurnaan anugerah keselamatan lalu menjadi kasih karunia dan kekuatan kita yang paling besar.

KEDUA, PROSES PENYEMPURNAAN ANUGERAH KESELAMATAN

Satu, Tuhan masuk ke Yerusalem dengan cara yang sangat mulia (Mat 21:1-11)

Dua, Tuhan berkonflik dengan orang-orang Yahudi (Mahkamah Agama) secara rasmi

1. Mencabar kuasa mereka: contohnya menyucikan bait suci (Mat 21:12-16)
2. Mengetahui tipu muslihat mereka: contoh (Mat 22:15-17)
3. Menegur kesalahan mereka: contoh (Mat 23)

Tiga, keluhan Tuhan (Mat 23:37-39)

Empat, peringatan Tuhan (Mat 24:1-44)

Lima, janji Tuhan (Mat 25:31-46)

Enam, penyaliban dan penguburan Tuhan (Mat 27:33-60)

Tujuh, kebangkitan Tuhan (Mat 28:1-7)

Lapan, perintah Tuhan (Mat 28:18-20)

KETIGA, PENGAJARAN PENTING

Satu, perumpamaan tentang perjamuan kahwin (Mat 22:1-14)

1. Harus ketahui bahawa ini perjamuan yang diadakan oleh raja (Mat 22:2) - alangkah kaya, harus mengasihi dan merindukannya
2. Berjaga-jaga dan mengelak daripada diseret / disusahkan oleh hal-hal duniawi dan mengabaikan tentangnya
 - a) Ladang, harta (Mat 22:5)
 - b) Pergi mengurus usaha / berjualan (Mat 22:5)
3. Berjaga-jaga dan mengelak daripada hati yang tegar dan yang mengolok-olok (Mat 22:6) - tidak mengutamakan dan tidak taat
4. Harus bertumbuh besar dalam kasih karunia (Mat 22:12) - pakaian pesta boleh merujuk kepada prestasi dalam kerohanian. Hanya dengan bertumbuh besar sahaja kita tidak akan disesatkan semula oleh perkara-perkara duniawi.

Dua, umat Kristian dalam zaman akhir

1. Harus jelas dengan bahaya zaman akhir
 - a) Penyesatan ajaran sesat (Mat 24:5)
 - b) Bahaya perang (Mat 24:6)
 - c) Bencana alam semula jadi (Mat 24:7)
 - d) Penganiayaan kepercayaan (Mat 24:9)
 - e) Halangan daripada kedurhakaan (Mat 24:12) - kehilangan kasih
2. Bagaimana menghadapinya
 - a) Memohon Tuhan berikan hikmat supaya dapat menilai dan membezakan secara berwaspada berdasarkan kebenaran (Mat 24:25-26)
 - b) Mengutamakan pemberian yang rohani melebihi manfaat material kerana material mudah kehilangan (Mat 24:7-9)
 - c) Berjaga-jaga dan berdoa (Mat 24:20)
 - d) Menantikan janji Tuhan dengan sabar (Mat 24:13)

Tiga, perumpamaan tentang talenta (Mat 25:14-30)

1. Kenalpasti karunia diri sendiri (Mat 25:15)
2. Hormati pemberian Tuhan - tidak memegahkan diri, juga tidak terlalu merendahkan diri
3. Manfaatkan karunia dengan segenap hati dan segenap kekuatan (Mat 25:21), jangan curi tulang (Mat 25:18)
4. Faham bahawa Tuhan pasti menghakimi semuanya (Mat 25:26)
5. Bertumbuh besar secara berterusan (Mat 25:29)

KEEMPAT, SOALAN KAJIAN

Satu, apa pendapat anda tentang reaksi orang-orang Farisi (Mat 21:45)?

Dua, bagaimana berwaspada dan mengelak daripada kasih menjadi dingin serta dipergunakan oleh orang lain?

PELAJARAN 5: KEMUNCULAN GEREJA YESUS BENAR (ARTIKEL TANAH BESAR)

Pekerja-pekerja awal Gereja Yesus Benar ialah Paul Wei, Zhang Ling Sheng dan Barnabas Zhang. Pada tahun 1917, Paul Wei menyebarkan agama di Beiping / Beijing dengan menggunakan nama “Gereja Yesus”, “Pereformasi Gereja Benar Yesus”, “Gereja Baru Yesus”, “Gereja Benar Yesus” dan sebagainya. Ketika Peter Wang menulis sepanduk penginjilan yang besar pada tahun 1917, dia terlebih dahulu menuliskan perkataan “Benar” dan kemudian nama “Gereja Yesus Benar” ditetapkan.

Satu, Tempoh Pengawasan: Gerakan Rohani Pentakosta (Pentecostalism)

“Pada awal abad ke-20, ciri Gerakan Pentakosta (Pentecostalism) yang paling istimewa adalah terdapat bukti luaran apabila orang dipenuhi dengan Roh Kudus iaitu “bercakap dalam bahasa roh”. Titik penegasan ini telah berkembang langkah demi langkah daripada “Gerakan Methodis” (Methodism / Methodist movement), “Gerakan Kekudusan” (Holiness movement) dan “Gerakan Keswick” (Keswick movement / Higher Life movement). “Gerakan Methodis” (Methodism / Methodist movement) mengejar “dikuduskan sepenuhnya”. “Gerakan Kekudusan” (Holiness movement) pula mengejar kekudusan yang selanjutnya serta mengejar “baptisan Roh Kudus dan api”. Mengapa “Gerakan Keswick” (Keswick movement / Higher Life movement) tidak menekankan tentang “dikuduskan sepenuhnya” seperti dua gerakan reformasi yang terdahulu? Mereka bukan tidak mementingkan tentang kekudusan, namun kekudusan adalah berdasarkan kuasa Roh Kudus, bukan berdasarkan keazaman diri dalam batiniyah. Pada masa ini, trend mengejar untuk berkata-kata dalam “bahasa roh” dimulakan.

Pada masa ini juga, China membawa “Gerakan Karismatik” (Charismatic Movement) ke dalam China melalui denominasi gereja gerakan ini - Apostolic Faith Church, Assemblies of God, Pentecostal Church dan sebagainya. Permulaan Gerakan Pentakosta (Pentecostalism) di China dimulakan oleh Apostolic Faith Church yang ditubuhkan di Shanghai.

1. Zhang Ling Sheng: Namanya “Bin”, dari Weixian, Shandong, diaken di gereja Presbyterian. Anak sulungnya Zhang Pu Quan pernah melaporkan bahawa beliau: “menerima Roh Kudus di Apostolic Faith Church di Shanghai”. Beliau pergi ke Shanghai untuk mengkaji Alkitab dan memohon Roh Kudus dengan ditumpang tangan. Namun usahanya tidak membuahkan hasil selepas dua minggu. Dia pulang ke rumahnya di Shandong dan memohon dengan penuh semangat lalu menerima Roh Kudus.
2. Paul Wei: Namanya “En Bo”, dari Rongcheng, wilayah Zhili. Beliau menghidap penyakit yang serius namun tidak ada ubat yang berkesan untuknya. Selepas penatua Apostolic Faith Church menumpang tangan ke atasnya dalam doa, penyakitnya disembuhkan lalu beliau memeluk ke dalam gereja tersebut. Terima Roh Kudus semasa berdoa di kilang kainnya sendiri.

3. Barnabas Zhang: Namanya “Dian Ju”, dari Weixian, Shandong, pemercaya gereja Presbyterian. Pada tahun 1912, Zhang Ling Sheng memberitakan Injil ke kampungnya. Dia bertobat dan mengaku dosanya serta memohon karunia Roh dengan bersungguh-sungguh. Terima Roh Kudus pada 16 Mac. Kemudian, Zhang Ling Sheng memupuknya dalam firman selama 3-4 tahun.

Dua, Tempoh Kelahiran: Penubuhan Gereja Yesus Benar

Pada 28/05/1917, semasa Paul Wei sedang berdoa, terdapat suara dari langit dan berkata kepadanya: “Kamu harus terima baptisan Yesus!”. Dia dipimpin oleh Roh Kudus ke sungai Dahongmen di luar pintu Yongding. Beliau sujud di dalam air dan berdoa. Terdapat suara yang nyaring berkata kepadanya: “Kamu harus dibaptis dengan muka menghala ke bawah!”. Selepas itu, beliau mengangkat kepalanya dan melihat Tuhan menampakkan diri kepadanya. Pada 30 Mei, beliau diarahkan oleh Roh kudus untuk memperbetulkan beberapa peraturan gereja:

- A. Harus memohon baptisan Roh Kudus. Sebab barangsiapa yang tidak dilahirkan dari Roh Kudus tidak dapat memasuki kerajaan syurga.
- B. Harus terima baptisan dengan seluruh tubuh ditenggelami air kerana Tuhan Yesus pernah dibaptis dengan cara ini.
- C. Harus membaptis dalam nama Tuhan Yesus Kristus, bukan membaptis dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus.
- D. Harus memegang hari Sabat, hari Ahad tidak boleh dijadikan sebagai hari Sabat.
- E. Harus membatalkan gelaran pastor kerana kita hanya mempunyai satu guru iaitu Kristus.
- F. Tidak boleh memanggil Shangdi atau Tianzhu, harus memanggil Tuhan atau Tuhan yang benar.

Pada 2/01/1918, beliau menulis surat kepada Ketua Pengarah Wu di Ibu Pejabat Polis untuk memohon kebenaran bagi menubuhkan Gereja Yesus Benar di Kilang Kain En Zhen Hua (Kasih Karunia Menyegarkan China / Grace Invigorating China) di Damochang. Pada tahun yang sama, Zhang Ling Sheng tiba di Tianjin. Beliau ditumpangkan tangan oleh Paul Wei lalu bekerjasama untuk mengeluarkan surat berita “Pereformasi Agama Global” (Global Church Correction) dan isu pertama dikeluarkan pada 1/02/1919.

Tiga, Tempoh Pemisahan Dan Integrasi:

Selepas Paul Wei dipanggil Tuhan pada equinox musim luruh tahun 1919, pekerjaan Injil terus berkembang. Pada tahun yang sama, Injil telah berkembang di wilayah Hunan dan Shanxi setelah mereka membaca surat berita “Pereformasi Agama Global” (Global Church Correction) dan datang mencari firman. Selain itu, Barnabas Zhang pergi memberitakan firman di Jiangsu, Hubei, Zhejiang, Fujian dan lain-lain tempat di bahagian selatan dengan berdasarkan wahyu yang

diperolehnya sebelum itu. Isaac Wei dan lain-lain pula terus menyebarkan agama di China Utara. Mereka menyebarkannya ke Jilin dan Liaoning di timur laut China, dan Shaanxi dan Gansu di kawasan pedalaman serta tempat-tempat lain. Kerja suci di utara dan selatan sangat aktif dan maju, dan ia berkembang pesat.

Oleh sebab kerja suci berkembang dengan sangat cepat, maka adalah sangat penting untuk mengintegrasikannya melalui organisasi:

1. Masa persidangan dan resolusi penting:

- a) Tahun 1920 - Mesyuarat agung kali pertama diadakan di Beijing. Resolusi ialah Beijing sebagai ibu pejabat.
- b) Tahun 1922 - Mesyuarat agung kali kedua diadakan di Wuchang.
- c) Tahun 1924 - Mesyuarat agung kali ketiga diadakan di Changsha. Terdapat pemisahan antara Utara dan Selatan.
- d) Tahun 1924 - Ibu pejabat di Beijing dipindahkan ke Tianjin pada hujung tahun (Bahagian Utara)
- e) Tahun 1926 - Ibu pejabat di Tianjin mengadakan undian semula. (Bahagian Utara)
- f) Tahun 1926 - Mesyuarat agung kali keempat menubuhkan ibu pejabat di Nanjing. (Bahagian Selatan)
- g) Tahun 1928 - Mesyuarat agung kali kelima diadakan di Shanghai. Menetapkan 90 peraturan. (Bahagian Selatan)
- h) Tahun 1929 - Mesyuarat agung kali keenam diadakan di Shanghai. (Bahagian Selatan)
- i) Tahun 1929 - Ibu pejabat di Tianjin mencadangkan Gao Da Ling sebagai Ketua Penilik, mesyuarat membincangkan tentang Barnabas Zhang. (Bahagian Utara)
- j) Tahun 1930 - Mesyuarat agung kali ketujuh diadakan di Shanghai. Barnabas Zhang dilucutkan jawatan dan namanya dipecat. Membincangkan tentang langkah-langkah penyatuan bahagian Selatan dan Utara. (Bahagian Selatan)
- k) Tahun 1931 - Mesyuarat perwakilan Selatan dan Utara diadakan di Shanghai. Semua gereja disatukan. Nama gereja juga diputuskan untuk tidak lagi didahului dengan frasa Gereja Pereformasi Agama Global.
- l) Tahun 1932 - Mesyuarat agung kali kelapan diadakan di Shanghai. Selepas penyatuan Selatan dan Utara, wakil masing-masing menghadiri persidangan itu dan melancarkan bangunan ibu pejabat.

2. Penubuhan cawangan:

Cawangan yang paling awal ditubuhkan di wilayah Hunan (1926), kemudian: Taiwan (1928), Henan (1929), Hubei, Shandong, Jiangsu (1932), Hebei, Shanxi (1933), Fujian, Guangdong (1937), Shaanxi (1942), Gansu (1946), Sichuan, Liaoning (1947). Penubuhan cawangan menunjukkan bahawa Injil telah memasuki tempoh yang stabil di kawasan setempat. Ia juga menunjukkan ruang dan kelajuan perkembangan Injil.

3. Keadaan Keseluruhan Gereja:

Jadual berikut disusun mengikut statistik edisi khas Memorial 30 Tahun Gereja Yesus Benar (1948):

Republik China	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35	36	Tidak diketahui	Total	
Hebei	1												1											1										3
Shandong			1												1		1					1					1							5
Shanxi														2				1	1			1				1							4	
Jiangsu			1			1				1	1					1	1							1	1				1	3	2		10	
Hubei					1										3	1	3	3	2	2	3	3	1	1	2	3				4	1		33	
Hunan			2		1	1		4	4	3	1	1	4	5	5	4	6	3	5	5	1	3	4	5	5	4	3	3	3	3		1	90	
Henan					5	1	2	1	1	3	2	3	3	2	5	4	1	2	7	2	1	4	3	4	3	4	3	6	5	3	2	3	6	84
Liaoning						1																		1				1		2	1		5	
Anhui											1	1												1							1		4	
Zhejiang																	1	1												1			3	
Fujian						1	1	5	5	9	6	3	5	1		3	3	1	3	3	1						1				31	86		
Guangdong											1	1					2	1		1			1										33	
Sichuan																			1	2		1	1			1	2	6				14		
Shaanxi																							1	1	1	1		1	1	1			7	
Gansu																										1		1					3	
Yunnan																														1			1	
Taiwan									5	1		6	1	3			3	1			1	2	1						2	3	4		33	
TOTAL	1		4		1	7	4	7	1	1	1	1	2	1	1	1	1	1	1	2	9	1	1	1	1	1	2	1	2	2	1	4	8	40

1. Selepas peperangan, cawangan di Shaanxi, Gansu, Sichuan, Yunnan, dan Guizhou telah dimulakan dan dihidupkan semula, dengan jumlah lebih daripada 40 buah. Lebih daripada 200 buah telah ditambah dalam wilayah yang sedia ada.
2. Di 13 daerah Gaoyi, Linzhang, Zanhuang, Yuanshi di Wilayah Hebei, terdapat lebih daripada 300 buah gereja di masa lalu. Walaupun ada puluhan tempat yang boleh dipulihkan pada masa ini, namun ia tidak dapat dilaporkan dalam Red Terror.

3. Seluruh wilayah Shanxi tidak menghantar statistik yang lebih lengkap. Cawangan Jinnan, sekitar Taiyuan dan Jinbei tidak dapat menghantar berita baik. Maklumat yang disimpan oleh ibu pejabat juga telah dibakar. Ini menyebabkan kekurangan dari segi kesusasteraan.
4. Cawangan Hunan melaporkan bahawa terdapat lebih daripada 220 gereja subzon, lebih puluhan buah berbanding sebelum perang. Bilangan sebenar tidak dapat dilaporkan disebabkan oleh kesukaran laporan pendaftaran.
5. Banyak gereja di Henan yang hilang di dalam pelbagai bencana dalam masa lebih daripada sepuluh tahun.
6. Adalah agak mustahil untuk bahagian Timur Laut mempunyai pendaftaran yang terperinci dalam kesusahan yang besar iaitu dalam keadaan yang tidak menentu dan tidak stabil.

KESIMPULAN:

1. Gereja Yesus Benar ialah gereja yang diasaskan oleh Tuhan sendiri. Pekerja-pekerja awal bukan pengasas melainkan hanya sebagai hamba Tuhan sahaja. Jika berjuang untuk mendapatkan nama yang sia-sia, pastinya akan ditinggalkan oleh Tuhan. Barnabas Zhang dilucutkan jawatan dan namanya dipecat, Zhang Ling Sheng kemudiannya telah meninggalkan gereja dan kembali ke Apostolic Faith Church. Ini sememangnya merupakan peringatan bagi kepercayaan kita pada hari ini.
2. Penerbitan dan pengedaran surat berita “Pereformasi Agama Global” (Global Church Correction) merupakan medium penting untuk kerja penyebaran agama awal. Penggunaan bahan-bahan kesusasteraan membuatkan para intelektual yang dipanggil oleh Tuhan pada tahap awal mengendalikan kerja kepemimpinan dan penyebaran agama gereja pada tahap awal.
3. Selepas mesyuarat penghapusan rasi dan penyatuan bahagian Selaan dan Utara pada tahun 1930, kerja suci berkembang dengan pesat. Gerakan penyucian dan keharmonian gereja merupakan faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan gereja. Dalam proses ini, apa yang paling diperlukan ialah orang-orang yang bekerja keras bagi mempertahankan kebenaran. Golongan senior pada masa itu telah meninggalkan teladan yang baik dan ini sememangnya berbaloi untuk kita renungkan secara mendalam.
4. Pemercaya awal berhadapan dengan peperangan namun mereka menjadi semakin berani dan memberitakan Injil ke tempat-tempat lain. Bagi kita yang hidup dalam rahmat pada hari ini, jika tidak tahu memberitakan Injil, kita harus berasa lebih malu.
5. Pernyataan tanda-tanda dan mujizat-mujizat merupakan cara yang paling langsung untuk menunjukkan perbuatan Tuhan yang hebat. Namun ia akan menjadi lebih kukuh dengan adanya pengajaran kebenaran.

RUJUKAN:

1. Ibu Pejabat Nanjing Gereja Yesus Benar. (1948). Memorial Khas Ulang Tahun ke-30 Gereja Yesus Benar. Nanjing. Ibu Pejabat Nanjing Gereja Yesus Benar.
(Commemorative volume on the thirtieth anniversary of the founding of the True Jesus Church)
2. Jawatankuasa Editorial Gereja Yesus Benar. (1956). Memorial Ulang Tahun ke-30 Penyebaran Agama di Taiwan. Taichung. Ibu Pejabat Taiwan Gereja Yesus Benar.
3. Jawatankuasa Editorial Gereja Yesus Benar. (1986). Memorial Ulang Tahun ke-60 Penyebaran Agama di Taiwan. Taichung. Ibu Pejabat Taiwan Gereja Yesus Benar.
4. Jawatankuasa Editorial Gereja Yesus Benar. (1996). Memorial Ulang Tahun ke-70 Penyebaran Agama di Taiwan. Taichung. Ibu Pejabat Taiwan Gereja Yesus Benar.

TAJUK PERBINCANGAN:

1. Mengapakah pekerja awal Gereja Yesus Benar gagal? Bagaimana kita harus berjaga-jaga?
2. Apakah kegunaan dan fungsi bahan-bahan kesusasteraan dalam penyebaran agama?
3. Apa yang harus dilakukan jika terdapat percanggahan pendapat dalam gereja?
4. Bagaimana mempertahankan kepercayaan dalam kesukaran?

PELAJARAN 6: SYARAT-SYARAT GEREJA BENAR

PENDAHULUAN

Apakah itu gereja (jemaat)? Gereja (jemaat) ialah persekutuan orang yang dipilih, dipanggil daripada kalangan semua umat manusia dan dibeli (diperoleh) dengan darah Tuhan (Kis 20:28; Why 5:9-10). Gereja (jemaat) ialah tubuh Kristus (Ef 1:23; Kol 1:24), Kristus ialah kepala gereja (jemaat) (Ef 5:23). Kita tahu bahawa orang yang berbeza mempunyai tubuh badan yang berbeza. Tubuh kanak-kanak kecil dan lincah, tubuh orang tua pula besar tetapi pergerakannya sukar dan perlahan. Tubuh dan tingkah laku lelaki juga berbeza dengan wanita. Haiwan yang berbeza juga semestinya mempunyai badan yang berbeza. Sebagai contoh, walaupun orang utan boleh berjalan di atas dua kaki seperti manusia, ia mempunyai bulu hitam yang sangat berbeza dengan manusia dan tidak dapat berkomunikasi sesama mereka melalui kata-kata seperti manusia. Oleh sebab gereja (jemaat) ialah tubuh Kristus, ia harus mempunyai ciri-ciri tubuh Kristus. Tanpa ciri-ciri khas ini, ia tidak boleh dianggap sebagai gereja (jemaat) benar yang sejati milik Kristus, tetapi hanya sebagai komuniti agama umum. Jadi apakah ciri-ciri tubuh Tuhan Kristus yang sejati? Apa yang paling penting adalah mempunyai Kebenaran, Roh Kudus, dan tanda mujizat. Ini diterangkan seperti berikut:

SATU, KEBENARAN

Kristus ialah Tuhan benar yang di syurga. Dia jugalah “Firman” yang telah wujud sejak pada mulanya (Yoh 1). Maka gerejaNya juga harus mempunyai Firman ini. Oleh itu,

1. Gereja benar harus memegang seluruh Kebenaran dalam Alkitab: Sebagai tubuhNya, gereja harus memiliki Firman Dia - Firman Alkitab, Kebenaran. Firman Tuhan tercatat dalam Alkitab (Yoh 5:39; 2 Tim 3:16-17). Oleh itu, gereja benar haruslah merupakan gereja yang bertindak menurut Alkitab. Dalam kehidupan dan tindakan gereja, gereja benar harus mendapatkan Kebenaran yang dicatatkan di dalam Alkitab. Pada saat-saat genting sebelum terangkat ke syurga, Tuhan sendiri mengatakan bahawa Dia akan menyertai mereka yang melakukan apa yang telah Dia perintahkan (Mat 28:20). Dengan kata yang lain, doktrin gereja benar harus didirikan di atas dasar para rasul dan para nabi (Ef 2:19-20). Jika gereja didirikan di atas dasar doktrin-doktrin yang lain, pastinya itu gereja yang palsu dan terkutuklah ia (Mrk 7:13; 1 Kor 3:11; 2 Kor 11:4; Gal 1:6-9). Gereja yang didirikan di atas dasar doktrin mana-mana orang kenamaan ialah gereja manusia, bukan gereja Tuhan.
2. Gereja tidak boleh menambah atau mengurangi firman dalam Alkitab: Pergerakan tubuh Kristus haruslah tertakluk kepada Kristus, tidak boleh melampaui Alkitab (1 Kor 4:6; 2 Yoh 9-11). Jika tubuh manusia kekurangan satu kaki ataupun terlebih satu tangan orang utan, itu bukan manusia yang normal. Jika gereja menambah atau mengurangi apa-apa Kebenaran dalam Alkitab, itu bukan gereja yang benar (Why 22:18-19).

3. Gereja benar tidak boleh menafsir / menjelaskan Alkitab menurut kehendak sendiri (2 Ptr 1:20-21, 3:16). Firman dalam Alkitab harus ditafsir / dijelaskan dengan bersandar kepada Roh Kudus dan menurut Alkitab (menafsir Alkitab dengan Alkitab). Jangan berkata bahawa ia merupakan tradisi gereja maka boleh melakukannya dengan tidak menurut Alkitab. Ini ialah perbuatan menggantikan Firman Alkitab dengan adat istiadat manusia (Mat 15:1-9).¹

DUA, ROH KUDUS

1. Nilai tubuh terletak pada nyawa (roh dan jiwa) di dalamnya. Walaupun mayat kelihatan sama seperti orang yang hidup, namun nilainya adalah bagai bumi dengan langit. Tubuh manusia perlu mempunyai roh barulah ia tidak menjadi mayat (Yak 2:26). Jika tubuh Kristus tidak mempunyai roh Kristus, itu merupakan gereja yang tidak bernyawa. Gereja begini tidak mempunyai hidup dan bukan gereja yang benar-benar milik Tuhan yang hidup (Rm 8:9). Orang yang percaya kepadanya tidak akan memperoleh kehidupan dan ia tidak ada hidup rohani milik syurga pada masa kelak.²
2. Roh Kudus ialah jaminan bagian kerajaan syurga (2 Kor 1:22; Ef 1:14). Tujuan kita percaya kepada Tuhan adalah untuk mendapatkan kerajaan syurga (Mat 25:34; Ef 1:14; Ibr 9:15) dan supaya jiwa diselamatkan (1 Ptr 1:9). Bagaimana dapat memasukinya jika tidak mempunyai lesen kerajaan syurga? Oleh itu, jika tidak memohon Roh Kudus di gereja yang mempunyai Roh Kudus, maka seseorang itu tidak mempunyai pas kerajaan syurga dan tidak mempunyai bahagian dalam kerajaan syurga (Mat 15:7-9; Rm 8:16-17).
3. Ada Roh Kudus, ada kuasa untuk mengampuni dosa (Yoh 20:21-23), ada kuasa untuk menyembuhkan penyakit, mengusir setan, menjalankan tanda-tanda dan mujizat-mujizat (Mrk 16:16-17). Tidak takut dengan serangan Iblis dan dapat memelihara Firman.

¹ Berikut ialah beberapa pemesongan Firman bagi gereja-gereja umum:

- a. Tidak menjalankan baptisan di dalam air (Mat 3:6; Yoh 3:23; Kis 8:38-39) tetapi menggunakan kaedah renjisan air; tidak membaptis dalam nama Yesus Kristus (Kis 2:38, 8:16, 10:48, 19:5), tetapi dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus.
- b. Memegang hari Ahad sebagai hari Tuhan, tidak memegang hari Sabat yang dipegang dalam Alkitab sejak dari Kejadian hingga Wahyu (Kej 2:3; Luk 4:16,31; Kis 15:21).
- c. Tidak melaksanakan Sakramen Pembasuhan Kaki seperti yang diperintahkan oleh Tuhan (Yoh 13:1-17).
- d. Tidak memohon penyertaan Roh Kudus, tidak menjadikan bahasa roh sebagai jaminan (Mrk 16:17; Kis 2:1-4, 10:44-46, 19:6-7).
- e. Memakan makanan yang dipersembahkan kepada berhala dan darah (Kis 15:28-29).
- f. Memegang perayaan yang tidak tiada dalam Alkitab. Contoh: Krismas, Easter, Good Friday....

² Roh Kudus ialah Roh Allah (Rm 8:9), Roh Kristus (Rm 8:9; 2 Kor 3:17), Roh Bapa (Mat 10:20), Roh Tuhan (Luk 4:18), Roh Yesus (Kis 16:7)....

4. Ada Roh Kudus, ia akan memimpin manusia ke dalam Kebenaran (Yoh 16:13). Oleh sebab kepercayaan ialah hal rohani dan ilahi, hanya Roh Tuhan sahaja yang dapat memahami Firman Tuhan (1 Kor 2:10). Dengan itu, barulah hal-hal rohani dapat dijelaskan dengan kata-kata yang rohaniah secara tepat (1 Kor 2:13). Gereja yang tidak dipimpin oleh Roh Kudus, mereka tidak menyedari bahawa firman mereka terpesong daripada Alkitab dan ini sesuatu yang normal.³
5. Hanya Roh Kudus sahaja yang benar-benar dapat membuatkan manusia bertobat dan meninggalkan dosa (Yeh 11:19, 36:26; Rm 8:13; Gal 5:22-23). Manusia mempunyai sifat inersia. Kuasa jahat dalam hati mereka sering menggoda mereka untuk berbuat dosa dan adalah sukar bagi manusia untuk mengatasinya sendiri. Justeru, harus ada bantuan Roh Kudus barulah manusia dapat melepaskan diri daripada dosa dan kejahatan dengan lancar (Rm 7:9, 7:18 - 8:4). Boleh dikatakan bahawa orang yang tidak mempunyai bantuan Roh Kudus tidak mempunyai kekuatan untuk menjaga dirinya daripada tidak melakukan dosa. Oleh itu, orang yang mahu diselamatkan harus masuk ke dalam gereja benar yang mempunyai Roh Kudus. Kalahkan dosa dan kejahatan dengan bersandar kepada Roh Kudus barulah dapat diselamatkan.

TIGA, TANDA-TANDA DAN MUJIZAT-MUJIZAT: ⁴

1. Tanda-tanda dan mujizat-mujizat merupakan satu lagi bukti penting yang membuktikan adanya penyertaan Roh Tuhan (Mrk 16:17-20). Rasul benar yang dilantik oleh Tuhan juga perlu mengadakan tanda-tanda dan mujizat-mujizat sebagai bukti bahawa Tuhan mengutusnyanya (2 Kor 12:12). Sejak dahulu kala, Musa (Kel 4:1-9), Elia (1 Raj 18:30-39) ... diberi kuasa mengadakan tanda-tanda dan mujizat-mujizat oleh Tuhan untuk membuktikan bahawa dia sememangnya diutus oleh Tuhan. Tuhan Yesus sendiri juga membuktikan bahawa Dia diutus oleh Tuhan dengan tanda-tanda dan mujizat-mujizat yang diberikan oleh Tuhan (Yoh 5:36, 10:37-38; Mat 11:2-6). Semasa Tuhan mengutus murid-murid keluar memberitakan firman, Dia juga memberikan mereka kuasa untuk mengadakan tanda-tanda dan mujizat-mujizat (Mat 10:1,8; Luk 9:1-2, 10:17-19). Paulus juga mengakui bahawa tanda-tanda dan mujizat-

³ Jika tidak ada pimpinan Roh Kudus, bahkan doktor teologi pun tidak akan dapat mengenali manakah Kebenaran keselamatan dalam Alkitab. Oleh itu, walaupun terdapat banyak gereja yang mempunyai ramai doktor teologi, namun firman yang mereka tegaskan tidak mendapat persetujuan daripada Tuhan. Maka mereka tidak dapat terima Roh Kudus dan tanda-tanda mujizat. Ini bukan bermaksud bahawa ilmu teologi tidak perlu dipelajari, melainkan bahawa firman keselamatan yang asas adalah bersandarkan wahyu, pimpinan dan pemeliharaan Roh Kudus. Isi kandungan Alkitab masih perlu dikaji dan dipelajari.

⁴ Sebenarnya segala sesuatu di dalam alam semesta ialah jejak langkah Tuhan. Kita memandang enteng tentangnya kerana kita telah terbiasa dengannya. Oleh itu, Tuhan membuatkan manusia merasai kewujudan Tuhan dengan hal-hal istimewa dan ajaib yang tidak dapat dilakukan oleh manusia. Tanda-tanda dan mujizat-mujizat yang dinyatakan dalam pelajaran ini tertumpu kepada aspek ini.

mujizat adalah diberikan oleh Tuhan dan merupakan bukti nyata bagi murid-murid diutus (2 Kor 12:12). Lebih-lebih lagi gereja di zaman Perjanjian Baru sepatutnya disertai oleh tanda-tanda dan mujizat-mujizat untuk membuktikan bahawa firman yang diberitakan itu benar (Mrk 16:17-18; 1 Kor 12:9-10).⁵

2. Tanda-tanda dan mujizat-mujizat merupakan bukti penting yang membimbing manusia berbalik kepada Tuhan (Kis 8:5-8, 13:9-12; Rm 15:18). Pada masa-masa lepas, ramai orang yang mengenalpasti bahawa Tuhan wujud dan percaya kepada Tuhan kerana telah melihat tanda-tanda dan mujizat-mujizat (Kis 5:12-16, 8:5-8, 13:9-12). Alkitab mencatatkan bahawa ramai orang yang mengenalpasti penyertaan Tuhan kerana melihat tanda-tanda dan mujizat-mujizat. Ini dapat membuktikan bahawa gereja yang ada tanda-tanda dan mujizat-mujizat ialah gereja yang benar, itulah gereja yang diutus oleh Tuhan.⁶

EMPAT, KETIGA-TIGANYA SALING BERKAITAN

1. Dapat menguasai dan berpegang kepada kebenaran dengan adanya bimbingan Roh Kudus.
2. Dapat mengadakan tanda mujizat dengan adanya Roh Kudus. Walau bagaimanapun, adanya keajaiban menyembuhkan penyakit dan mengusir setan tidak semestinya ada Roh Kudus kerana setan juga dapat mengadakan tanda mujizat (Mat 24:24; Kel 7:8-12; 2 Kor 11:14).
3. Roh Kudus hanya sudi selama-lamanya menyertai gereja yang ada Kebenaran. Jika gereja menjadi sekular, Roh Kudus akan pergi meninggalkannya. Oleh itu, gereja benar harus berjaga-jaga setiap masa, sentiasa membaca Alkitab, menyelidiki apa yang diberitakan dan yang dilakukan; jangan bersikap sambil lewa dengan melakukan sesuatu menurut tradisi lepas atau tradisi gereja luar (Mat 15:2-9, 24:5). Jikalau tidak, Roh Kudus akan pergi meninggalkan gereja dan tanda mujizat akan berkurang.^{7 8}

⁵ Setan besar juga boleh mengusir setan kecil (Mat 9:34). Oleh itu, hanya tanda-tanda dan mujizat-mujizat sahaja tidak cukup untuk membuktikan bahawa itu gereja benar. Harus sangat berhati-hati dalam aspek ini. Kadang-kala, tanda-tanda dan mujizat-mujizat juga terjadi di kalangan agama umum. Walau bagaimanapun, dengan sedikit analisis statistik, kita boleh dapati bahawa frekuensi tanda-tanda dan mujizat-mujizat di gereja ini jauh lebih tinggi berbanding mereka. Nampaknya ini bukanlah terjadi secara kebetulan.

⁶ Tanda mujizat bukan untuk kegunaan hamba Tuhan bagi memegahkan keupayaan. Ini kerana kuasa menjalankan tanda mujizat ialah kepunyaan Tuhan. Manusia tidak mempunyai kuasa ini dan ia tidak boleh dijadikan sebagai sasaran urusniaga lalu memandang ringan terhadap tanda mujizat (rujuk Kis 8:18-22). Manusia juga tidak boleh menerima hadiah daripada orang-orang yang menerima kasih karunia kerana mengadakan tanda mujizat.

⁷ Sama seperti gereja rasul-rasul, gereja benar bukanlah sempurna, bukan sepenuhnya menepati Alkitab. Namun, sekurang-kurangnya doktrin keselamatan yang penting adalah menepati Alkitab. Selepas Tuhan mencurahkan Roh Kudus, kita harus rajin membaca Alkitab dan berdoa, memperbetulkan kepercayaan sendiri supaya bertepatan dengan Alkitab. Dengan itu, Roh Kudus akan terus sentiasa berada di kalangan kita, memimpin kita menjadi pengantin perempuan Kristus yang sempurna dan siap berhias (Why 21:2). Jikalau tidak, gereja akan meninggalkan Kebenaran sama seperti zaman akhir gereja rasul (Yud 3), Roh Kudus juga meninggalkan mereka lalu gereja berubah menjadi organisasi sekular.

KESIMPULAN:

Pokoknya,

1. Tubuh perlu mempunyai roh dan jiwa untuk menjadi tubuh yang hidup. Gereja perlu mempunyai Roh Tuhan untuk menjadi gereja yang benar, gereja yang membolehkan manusia memperoleh Roh Kudus dan hidup yang kekal.
2. Harus selalu membaca Alkitab dan berdoa, fahami dan pegang Kebenaran Alkitab dengan bersandar kepada Roh Kudus. Dengan itu, Roh Kudus akan menyertai selama-lamanya.
3. Tanda mujizat dapat membuktikan bahawa gereja benar sememangnya ada Kebenaran dan Roh Kudus.
4. Perlu ada Kebenaran dan Roh Kudus untuk menjalankan tanda mujizat. Gereja yang tidak lengkap dalam ketiga-tiga aspek ini bukan gereja yang benar. Tidak akan terima Roh Kudus jika percaya kepada Tuhan di sana dan sia-sialah kepercayaan kepada Tuhan.

Kiranya Tuhan memimpin kita sentiasa memegang Kebenaran Alkitab, tidak terpesong atau meninggalkannya, dipenuhi Roh Kudus, tanda mujizat sentiasa dinyatakan supaya kita benar-benar berkeyakinan untuk mendapatkan hidup dan kemuliaan yang kekal di kerajaan syurga pada masa kelak. Amen!

SOALAN RENUNGAN:

1. Mengapa gereja benar berkeras / tegas tentang gereja yang menurut Alkitab dan mengikut gereja rasul? Bukankah sangat baik jika mengikut peraturan kepercayaan, tabiat kepercayaan dan ajaran orang-orang agung zaman-berzaman?
2. Apakah gereja umum tidak mempunyai Roh Kudus? Jika tidak ada gerakan Roh Kudus, bagaimana mereka percaya kepada Tuhan? ⁹

⁸ Roh Kudus ialah Kebenaran (1 Yoh 5:6). Hanya dengan pemberitaan Kebenaran yang sempurna sahaja baru ada penyertaan Roh Kudus. Dengan adanya Roh Kudus, barulah dapat memahami Kebenaran dan memberitakan Kebenaran yang sempurna (Yoh 14:17,26).

⁹ Gerakan Roh Kudus membuatkan manusia mengenali Tuhan yang benar. Namun gerakan ini berbeza dengan penyertaan. Selepas Tuhan menggerakkan seseorang untuk mengenali Tuhan, jika dia tidak memohon penyertaan Roh Kudus secara positif, Roh Kudus juga tidak akan sentiasa menyertainya. Dalam sebahagian gereja, terutamanya gereja Pentecostal, terdapat ramai orang yang pernah menerima Roh Kudus, dapat menyembuhkan penyakit dan mengusir setan. Namun selepas terima Roh Kudus, mereka tidak berusaha mengejar Kebenaran Alkitab dengan bersandar kepada Roh Kudus. Oleh itu, Roh Kudus beransur-ansur akan meninggalkan mereka.

3. Gereja umum juga kadang kala mempunyai tanda-tanda dan mujizat-mujizat, namun mengapa tanda-tanda dan mujizat-mujizat dalam gereja ini lebih banyak berbanding mereka?¹⁰
4. Sila semak semula jika terdapat mana-mana aspek dalam gereja ini yang tidak bertepatan dengan Alkitab dan perlu ditambah baik? Adakah gereja beransur-ansur meninggalkan prinsip Alkitab dan mencontohi perbuatan gereja-gereja atau organisasi-organisasi lain?

¹⁰ Iblis juga dapat mengadakan tanda mujizat. Semangat manusia juga kadang-kala dapat menyembuhkan penyakit dan melakukan sesuatu yang luar biasa tetapi ianya jarang berlaku. Orang yang dipenuhi dengan Roh Kudus, yang mana kepercayaannya bertepatan dengan Alkitab dapat mengadakan tanda mujizat pada bila-bila masa sahaja asalkan Tuhan menganggapnya perlu.

PELAJARAN 7: KOMPOSISI ALKITAB

SATU, ASAL-USUL ALKITAB

1. Datang daripada Tuhan: Alkitab merupakan sebuah kitab di mana Tuhan Pencipta menyampaikan kehendakNya kepada dunia
 - (1) Alkitab diilhamkan oleh Tuhan (2 Tim 3:16).
 - (2) Tuhan mahu manusia mengenaliNya melalui Alkitab (Hos 6:3).
 - (3) Tuhan Yesus berkata, inilah Alkitab yang memberi kesaksian tentangNya (Yoh 5:39).
2. Hasil daripada nabi-nabi dan rasul-rasul Tuhan: Alkitab merupakan sebuah kitab bagi manusia menyampaikan dan mengumpulkan perkataan Tuhan
 - (1) Memerintah seluruh umat melalui nabi-nabi (Ul 18:18; Rm 1:2, 16:26).
 - (2) Berbicara atas nama Allah melalui dorongan Roh Kudus (2 Ptr 1:20,21; 1 Kor 2:13).
 - (3) Dalam rancangan Tuhan, ia perlahan-lahan terintegrasi menjadi Alkitab Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru pada hari ini.
3. Cara Tuhan menyampaikan firman-firmanNya yang kudus
 - (1) Tuhan menulis Sepuluh Hukum di atas dua loh batu dengan jariNya sendiri dan diberikan kepada Musa (Kel 31:18, 32:15-16).
 - (2) Tuhan berbicara dengan Musa secara berhadap-hadapan dan mengajarnya dalam banyak perkara (Bil 12:7-8).
 - (3) Tuhan bersuara dan berbicara kepada nabi (1 Raj 19:12-18; 1 Sam 3:10-14).
 - (4) Tuhan mengutus Malaikat menyampaikan perkataan kepada manusia (Dan 9:21-23; Ibr 2:2).
 - (5) Tuhan memberi wahyu kepada manusia melalui mimpi atau penglihatan (Yeh 40:1-4; Why 1:2).
 - (6) Roh Kudus menggerakkan manusia untuk menyampaikan kehendak Tuhan (2 Sam 23:2; Gal 1:12).

DUA, TEMA ALKITAB

1. Anugerah keselamatan
 - (1) Anugerah keselamatan yang dirancang oleh Tuhan (Ef 1:4-7)
 - (2) Anugerah keselamatan datang daripada bangsa Yahudi (Yoh 4:22)
 - (3) Anugerah melimpah kepada seluruh bangsa (Kis 28:28)

2. Kebenaran

- (1) Hukum Taurat Tuhan merupakan kebenaran yang menjadi norma orang Yahudi
 - A. Merupakan asas bagi hidup mati, berkat dan kutuk umat pilihan (Ul 11:26-28)
 - B. Yesus datang untuk menggenapi hukum Taurat (Mat 5:18)
- (2) Yesus ialah jalan kebenaran yang menuju kepada hidup kekal
 - A. Yesuslah jalan dan kebenaran dan hidup (Yoh 14:6)
 - B. Kasih karunia dan kebenaran datang oleh Yesus (Yoh 1:14,17)
 - C. Harus digenapi semua yang ada tertulis tentang Yesus dalam Alkitab (Luk 24:44)
- (3) Perkataan Yesus ialah kebenaran
 - A. Perkataan Yesus kekal untuk selama-lamanya dan tidak akan berlalu (Mat 24:35)
 - B. Perkataan Yesus ialah piawai dan kuasa bagi penghakiman (Yoh 12:47-48)
 - C. Perkataan Yesus memberi kesaksian tentang kebenaran (Yoh 18:37)

3. Kasih

- (1) Tuhan melayan umatNya dengan kasih yang kekal (Yer 31:3)
- (2) Pada kasih inilah tergantung seluruh hukum Taurat dan kitab para nabi (Mat 22:37-40)
- (3) Kasih tidak berkesudahan (1 Kor 13:8)

TIGA, ISI KANDUNGAN ALKITAB (CARA SUSUNAN KLASIFIKASI ALKITAB BAHASA CINA DAN BAHASA INGGERIS)

1. Kitab Perjanjian Lama

- (1) Kitab Taurat: Kejadian, Keluaran, Imamat, Bilangan, Ulangan (Kitab Taurat juga disebut sebagai Lima Kitab Musa. Antaranya juga terkandung sejarah manusia.)
- (2) Kitab sejarah: Yosua, Hakim-hakim, Rut, 1 Samuel, 2 Samuel, 1 Raja-raja, 2 Raja-raja, 1 Tawarikh, 2 Tawarikh, Ezra, Nehemia, Ester.
- (3) Kitab hikmat: Ayub, Mazmur, Amsal, Pengkhotbah, Kidung Agung.
- (4) Kitab nabi-nabi (terbahagi kepada dua kategori berdasarkan kepanjangannya)
 - A. Kitab nabi besar: Yesaya, Yeremia, Ratapan, Yehezkiel, Daniel.
 - B. Kitab nabi kecil: Hosea, Yoel, Amos, Obaja, Yunus, Mikha, Nahum, Habakuk, Zefanya, Hagai, Zakharia, Maleakhi.

2. Kitab Perjanjian Baru

- (1) Kitab Injil: Injil Matius, Injil Markus, Injil Lukas, Injil Yohanes.
- (2) Kitab sejarah: Kisah Para Rasul.
- (3) Surat-surat Paulus: Roma, 1 & 2 Korintus, Galatia, Efesus, Filipi, Kolose, 1 & 2 Tesalonika, 1 & 2 Timotius, Titus, Filemon.
- (4) Surat-surat lain: Ibrani, Yakobus, 1 & 2 Petrus, 1, 2 & 3 Yohanes, Yudas, Wahyu.

EMPAT, KANON (CANNON) DAN KITAB APOKRIFA

“Standard” merujuk kepada 66 gulungan dalam Alkitab Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru (39 gulungan dalam Perjanjian Lama, 27 gulungan dalam Perjanjian Baru). Kitab Apokrifa pula merujuk kepada kitab-kitab di antara dua perjanjian. Kebanyakan catatan dalam kitab Apokrifa ialah firman yang tidak murni dan ajaran sesat. Oleh itu, ia digelar sebagai “Apokrifa” atau “Deuterokanonika”. Septuaginta menambah 14 gulungan kitab Apokrifa ke dalam “karya tulis (Ketuvim atau Hagiographa)”. Alkitab Vulgata juga ditambah dengan 7 gulungan kitab Apokrifa. Gereja Roman Katolik menganggap kitab Apokrifa ini sama dengan Kanon.

Sejak zaman-berzaman, umat Kristian percaya bahawa Alkitab merupakan perkataan Tuhan. Ia merupakan kewibawaan yang tertinggi dan juga piawaian bagi kepercayaan dan hidup. Namun umat Kristian rata-ratanya jarang bertanyakan tentang asal-usul dan proses pengumpulan Alkitab lalu akhirnya bagai kucing kehilangan anak apabila orang lain bertanya mengenainya. Oleh itu, pemahaman tentang pembentukan Kanon Alkitab merupakan sebahagian daripada pengenalan asa yang perlu ada pada setiap pemercaya. Perkataan “Kanon” datang daripada perkataan “kaneh” dalam bahasa Ibrani dan “kanon” dalam bahasa Yunani yang bermaksud “tongkat pengukur” (Yeh 40:3, 42:16) dan “tongkat pengukur” (Why 11:1). Perkataan ini kemudiannya dirujuk sebagai “standard” (dari idea piawaian pengukur), terutamanya piawaian atau pengajaran kebenaran (rujuk kebenaran di Yoh 14:6; patokan di Gal 6:16; iman kita bersama di Tit 1:4; ajaran yang sihat di Tit 2:1; pengajaran di Rm 6:17... dan lain-lain) yang merujuk kepada gulungan-gulungan kitab dalam Alkitab. Secara langsungnya, “Kanon” ialah “standard”. Semua kebenaran juga menggunakan ini sebagai pengukur, dan ia juga digunakan sebagai ukuran untuk dipilih. Walaupun perkataan “standard” mula digunakan oleh umat Kristian dalam gulungan Alkitab, tetapi konsep ini mempunyai sejarah yang panjang. Konsep “standard” merupakan asas bagi agama Yudaisme dan dikenali oleh setiap orang Yahudi yang soleh sejak dari kecil lagi. Atas sebab ini, orang-orang Yahudi tidak pernah menerima kitab Pseudopigrafa, kitab Apokrifa atau lain-lain kitab sebagai Alkitab.

Akar umbi konsep Kanon: Permulaan konsep Kanon adalah berdasarkan tiga konsep orang Yahudi yang mempunyai asas yang mendalam dan tidak mudah digoyahkan: Satu, konsep tentang Tuhan: Tuhan adalah unik, mutlak, dan yang mahatinggi. Memandangkan Dia unik, mutlak, dan yang mahatinggi, maka Dia ada kewibawaan. Oleh itu, apa yang dikatakan dan dilakukannya

ada kewibawaan. Hanya Tuhan sahaja yang mempunyai kewibawaan mutlak ini. Dua, konsep tentang wahyu: Tuhan yang orang Yahudi percayai bukanlah Tuhan yang menongkat langit dan menikmati penyembahan manusia secara eksklusif melainkan Tuhan yang proaktif dan bersedia berinteraksi dengan manusia dan dekat kepada manusia. Tuhan yang mereka percayai ialah Tuhan yang memberi wahyu, Tuhan yang berkata-kata, Tuhan yang menyatakan keinginan, rancangan, harapan dan permintaanNya kepada manusia supaya manusia mengenali Dia melalui wahyuNya (perkataan dan perbuatan). Tiga, konsep tentang ilham: Orang Yahudi telah ditugaskan untuk merekodkan wahyu Tuhan. Kewibawaan rekod ini adalah selaras dengan kewibawaan wahyu. Kewibawaan wahyu berasal daripada kewibawaan yang ada pada Tuhan (inherent); kewibawaan ilham pula berasal daripada kewibawaan yang dipercayakan (delegated). Kewibawaan bagi kedua-duanya adalah sama. Orang Yahudi beranggapan bahawa sifat kitab (rekod wahyu) menentukan sama ada ia ialah Kanon. Mereka percaya bahawa Roh Tuhan bekerjasama dengan manusia. Kehendak Tuhan direkodkan melalui penulisan manusia digandingkan dengan pemahaman sendiri dari ajaran Roh Kudus. Maka, Perjanjian Lama merupakan hasil kerjasama antara Tuhan dengan manusia. Walaupun perkataan “ilham” merupakan perkataan dalam Perjanjian Baru, tetapi konsepnya bukanlah hanya pada zaman Perjanjian Baru sahaja. Konsep ini telah dinyatakan sejak dalam zaman Perjanjian Lama. Kitab Yesaya digelar sebagai “penglihatan” (2 Taw 32:32), kitab-kitab yang dituliskan oleh nabi-nabi digelar sebagai “nubuat” atau “penglihatan-penglihatan” (contoh: 2 Taw 9:29), bergantung kepada dari sudut mana ia dilihat. Nampaknya konsep “ilham” telah wujud di kalangan sisa-sisa orang Yahudi yang soleh sejak dahulu lagi (rujuk 1 Sam 3:1,7,21 dll).

Pokoknya, Kanon merupakan sintesis wahyu secara langsung dan ilham secara tidak langsung daripada Tuhan. Wahyu dilakukan sepenuhnya oleh Tuhan. Ilham pula melibatkan manusia merekodkan tentang perkataan yang diwahyukan oleh Tuhan. Bagi ilham, walaupun ditulis melalui pemahaman, etika sastera, retorik dan tafsiran penulis, namun dengann adanya penglibatan Tuhan, maka terdapat pemeliharaan Tuhan bukan sahaja dalam prosesnya, tetapi juga dalam produk. Inilah pekerjaan Roh Kudus (rujuk Yoh 14:26, 16:13). Oleh sebab Tuhan mempunyai kewibawaan (kewibawaan dalaman), maka rekodNya juga ada kewibawaan (kewibawaan yang dipercayakan) lalu menjadi Kanon.

Cara pembahagian Kanon terbahagi kepada tiga jenis: Pertama ialah pembahagian kepada tiga (kitab Taurat, kitab nabi-nabi, kitab Mazmur, rujuk Luk 24:44). Pembahagian kepada tiga yang terawal dicatatkan dapat dilihat dalam Sirakh (Sirach / Ecclesiasticus). Kedua ialah pembahagian kepada dua (hukum Taurat dan kitab para nabi, Luk 16:16-17; Mat 5:17). Ketiga ialah pembahagian kepada satu (secara kolektif dirujuk sebagai “hukum Taurat”, Luk 24:27; Yoh 10:34; Mat 5:18, 26:56). Antara tiga jenis pembahagian ini, pembahagian kepada dua adalah yang paling kuno, jauh mendahului pembahagian kepada tiga. Walau bagaimanapun, pembahagian kepada tiga adalah yang paling biasa digunakan, universal dan termudah untuk difahami. Walaupun pembahagian kepada satu disokong oleh Perjanjian Baru Naskah Skrol Laut Mati, namun nampaknya ia tidak popular dalam zaman gereja awal.

LIMA, PROSES KOMPOSISI ALKITAB

1. Alkitab Perjanjian Lama

Alkitab dalam bahasa Ibrani hanya dibahagikan kepada 24 gulungan sahaja dengan tiga bahagian iaitu 5 gulungan kitab Taurat, 8 gulungan kitab nabi-nabi (Nevi'im), 11 gulungan karya tulis (Ketuvim atau Hagiographa). Masa penulisan bagi gulungan kitab yang pertama, Kejadian adalah kira-kira pada tahun 1500 SM, masa penulisan bagi gulungan kitab yang terakhir, Maleakhi adalah kira-kira pada tahun 400 SM. Walau bagaimanapun, kompilasi lengkap menjadi Kanon adalah kira-kira pada tahun 100 M yang diputuskan secara rasmi oleh orang-orang Yahudi dalam Persidangan Jamnia (The Council of Jamnia).

(1) Hukum Taurat (Laws / Pentateuch)

Mengandungi 5 gulungan kitab Kejadian, Keluaran, Imamat, Bilangan, Ulangan. Semua ini digelar sebagai "Taurat Musa" atau "kitab Musa" (2 Tau 30:16, 35:12). Sebaik sahaja Musa menyiapkan lima kitab Taurat ini, ia terus menjadi Taurat Tuhan. Alkitab banyak kali menyebut lima kitab Musa sebagai Taurat Tuhan. Pewaris Musa, Yosua juga dari awal lagi telah mengakui kitab-kitab Taurat ini sebagai Kanon dan meminta umat untuk mematuhi (Yos 1:8). Kitab-kitab Taurat ini dijaga dengan ketat oleh para imam pada masa itu dan diletakkan di samping tabut perjanjian untuk menunjukkan rekod firman Tuhan dan dipandang sebagai perkataan yang diperintahkan oleh Tuhan kepada mereka (rujuk Ul 31:9-11, 24-26, 17:18, 27:1-8). Perintah-perintah ini juga diakui dan dihormati oleh para nabi pada kemudian hari (rujuk Yer 8:8; Yeh 44:24; Hos 8:12; Mal 2:5-8). Walaupun hukum Taurat telah lama digunakan di kalangan bangsa Yahudi, tetapi untuk ianya dilengkapkan menjadi Kanon, itu adalah kira-kira pada tahun 400 SM.

(2) Kitab nabi-nabi (Nevi'im) (Prophets)

Terbahagi kepada kitab nabi awal dan kitab nabi akhir. Oleh sebab penulis-penulis ada jawatan atau pekerjaan sebagai nabi, maka merekalah jurucakap Tuhan. Wahyu Tuhan menjadikan mereka sebagai objek (Bil 12:6). Gulungan-gulungan kitab ini disebut sebagai kitab nabi-nabi dalam Skrol Qumran. Nampaknya, walaupun mereka menulis sejarah atau penulisan-penulisan lain, tetapi mereka mempunyai kuasa yang diberikan oleh Tuhan. Contohnya kuasa yang diberikan di sebalik frasa "beginilah firman Tuhan", "datanglah firman Tuhan kepada" dan lain-lain lagi. Oleh itu, semua rekod yang berkata-kata bagi pihak Tuhan ialah Kanon. Kitab-kitab para nabi ini telah dipilih selama empat ratus tahun dan diputuskan sebagai Kanon pada tahun 250 SM.

A. Kitab nabi awal: Yosua, Hakim-hakim, Samuel, Raja-raja.

B. Kitab nabi akhir: Yesaya, Yeremia, Yehezkiel, kitab 12 nabi kecil.

(3) Karya tulis (Ketuvim) (Writings or Hagiographa)

Terdiri daripada 11 gulungan kitab dengan sifat yang berbeza. Selepas penulis yang berbeza menyiapkan sisa-sisa gulungan kitab, gulungan-gulungan kitab ini secara beransur-ansur dihormati oleh orang-orang pada masa itu serta memeliharanya. Ini kerana mereka

terlebih dahulu menyadari kuasa yang dibawa oleh kehidupan dan pelayanan penulis-penulis ini di kalangan mereka lalu memerhatikan perkataan mereka dan merekodkannya. Sebaik sahaja penulisan orang-orang ini diterbitkan, mereka segera menggunakannya, membacanya, bermeditasi tentangnya dan dijadikan sebagai piawai dalam mengajar. Kerja penyuntingannya mungkin berlaku pada masa akhir suntingan kitab para nabi dan disiapkan pada kira-kira tahun 100 M.

- A. Kitab puisi: Mazmur, Amsal, Ayub.
- B. 5 gulungan kitab: Kidung Agung, Rut, Ratapan, Pengkhotbah, Ester.
- C. Nubuat: Daniel.
- D. Sejarah: 1 & 2 Tawarikh, Ezra dan Nehemia (digabungkan)

2. Alkitab Perjanjian Baru

Terdapat 27 gulungan kitab dalam Alkitab Perjanjian Baru. Injil Markus yang terawal disiapkan pada tahun 34 M manakala gulungan terakhir, Wahyu pula selesai dituliskan dalam bahasa Yunani pada kira-kira tahun 90 M. Sebelum penghujung abad kedua, kebanyakan karya dalam Alkitab Perjanjian Baru dilihat sebagai Kanon. Dalam Persidangan Carthage (Council of Carthage) kali ketiga pada tahun 397 M, semua 27 gulungan ini diluluskan secara rasmi untuk disuntingkan sebagai Alkitab Perjanjian Baru.

(1) Empat kitab Injil

Ini merupakan kumpulan yang pertama dalam Perjanjian Baru yang meliputi Injil Matius, Injil Markus, Injil Lukas dan Injil Yohanes. Dalam tempoh 30 tahun selepas Tuhan Yesus disalibkan, bangkit dan terangkat ke syurga, kisah dan pengajaran Tuhan secara beransur-ansur dikumpulkan dan direkodkan. Pada masa ini, gereja telah diberitakan dari Yerusalem dan Samaria ke Siria. Kira-kira pada tahun 42 AD, Yakobus, murid Tuhan, anak Zebedeus terlebih dahulu mati syahid (Kis 12:2). Selepas itu, gereja umumnya dianiaya secara kecil-kecilan. Pada masa yang sama, murid-murid generasi pertama Tuhan meninggal dunia satu persatu, murid-murid generasi kedua pula terpisah ke merata tempat. Ini menyebabkan maklumat secara langsung mengenai perkataan dan perbuatan Tuhan Yesus mesti dikumpulkan dengan segera. Pada tahun 64 AD, Raja Nero menyalahkan umat Kristian untuk kebakaran di Rom lalu cuba untuk memusnahkan gereja. Rom menyerang dan memusnahkan Yerusalem pada tahun 70 AD. Umat Kristian di Palestin menyeberangi sungai Yordan dan melarikan diri ke Pella serta memberitakan firman kepada orang Yunani dan orang Yahudi di tempat asing. Petrus dan Paulus mati syahid. Bagi umat Kristian yang sedang berada dalam kesukaran, perihal tentang Yesus dan Injil kerajaan Tuhan yang bertulis adalah lebih baik daripada penyebaran secara lisan demi misi sejarah untuk memelihara dan meneguhkan kepercayaan serta mengembangkan agama Kristian. Dalam upacara ibadah, gereja awal mengamalkan cara gereja orang Yahudi. Selain membacakan Alkitab Perjanjian Lama, mereka juga membaca surat-surat Paulus dan rekod-rekod pengajaran Tuhan Yesus. Pada masa ini, pengajaran Tuhan Yesus

dan kisahNya dikumpulkan, direkodkan secara lengkap dan besar-besaran untuk tujuan pembacaan dan penjelasan pada setiap hari Sabat; dan ini sememangnya perlu. Pada mulanya, bagi umat Kristian berbangsa Yahudi, selain menggunakan Alkitab Perjanjian Lama, perkataan dan perbuatan Tuhan juga dianggap sebagai kewibawaan yang tertinggi dalam kehidupan umat Kristian. Oleh itu, empat kitab Injil telah berkembang secara beransur-ansur dan diakui oleh orang-orang yang percaya. Menjelang pertengahan abad kedua, kumpulan pertama Perjanjian Baru ini disiapkan.

(2) Surat-surat Paulus dan Kisah Para Rasul

Sepuluh pertama Kisah Para Rasul (fasal 1-12) fokus kepada rasul Petrus, sepuluh kedua (fasal 13-28) pula fokus kepada rasul Paulus. Kerja Paulus fokus kepada pemberitaan Injil kepada orang-orang bukan Yahudi di luar negara. Paulus menjalankan pengembaraan pemberitaan firman lalu mendirikan gereja Efesus, Filipi, Tesalonika dan lain-lain lagi. Pengembaraan pemberitaan firman menghasilkan keperluan dari segi kerja penulisan. Oleh itu, terhasillah 13 pucuk surat yang diberi nama surat Paulus iaitu dari kitab Roma hingga kitab Filemon dalam Alkitab Perjanjian Baru. Susunan surat Paulus untuk gereja-gereja tempatan adalah seperti berikut:

Pengembaraan pemberitaan firman Paulus yang pertama (tahun 47-48).

Kitab Galatia dituliskan pada tahun 48 AD.

Persidangan Yerusalem (tahun 49).

Pengembaraan pemberitaan firman yang kedua (tahun 49-50).

Kitab Tesalonika, hujung tahun 50.

Kitab 1 Korintus, musim bunga tahun 54.

Kitab Filipi, kira-kira hujung tahun 54 dan awal tahun 55.

Kitab 2 Korintus, tahun 56.

Kitab Roma, awal tahun 57 AD.

Bulan Februari tahun 60 AD, selepas Paulus tiba di Rom, kitab Kolose, Filemon dan Efesus dituliskan satu persatu antara tahun 60-61.

Surat-surat pengembalaan dituliskan antara tahun 62 hingga tahun 65 iaitu pada masa dia mati syahid.

Surat-surat Paulus dan Kisah Para Rasul yang disenaraikan di atas mendapat pengiktirafan semua pada akhir abad kedua lalu membentuk kumpulan kedua dalam Alkitab Perjanjian Baru.

(3) Gulungan-gulungan kitab lain

Sembilan gulungan kitab dalam Alkitab Perjanjian Baru iaitu dari kitab Ibrani hingga ke kitab Wahyu akhirnya juga dimasukkan ke dalam Kanon dan disunting menjadi sebahagian daripada Alkitab. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan mengenai status kitab Ibrani. Senarai maklumatnya adalah seperti berikut:

NAMA SURAT	TAHUN PENULISAN (AD)	PENULIS	TEMPAT PENULISAN
Yakobus	45-48, 62-64	Yakobus	Yerusalem
Ibrani	64	Tidak diketahui	Tidak diketahui
1 Petrus	64	Petrus	Rom
2 Petrus	66	Petrus	Rom
Yudas	67-68	Yudas	Yerusalem
1 Yohanes	80	Yohanes	Efesus
2 Yohanes	80	Yohanes	Efesus
3 Yohanes	80	Yohanes	Efesus
Wahyu	95	Yohanes	Pulau Patmos

ENAM, PENULIS ALKITAB

Terdapat 66 gulungan kitab dalam Alkitab. Ia merupakan sebuah kitab ajaib yang mana isi kandungannya adalah konsisten walaupun telah melalui 1600 tahun, dituliskan oleh lebih daripada 35 orang, dengan identiti penulisnya yang luas yang boleh dikatakan datang dari pelbagai tempat dan pelbagai jenis. Antaranya ada nabi (Yesaya, Samuel), imam (Yehezkiel), ahli kitab (Paulus, Ezra), raja (Daud, Salomo), hero bangsa (Musa), penggembala (Daud), pemungut cukai (Matius), nelayan (Petrus, Yohanes), petani (Amos), tabib (Lukas), pahlawan / prajurit, pegawai kerajaan (Nehemia, Daniel), penulis yang luar biasa hebatnya. Ia telah melalui proses yang berulang kali dan dalam pelbagai cara (Ibr 1:1) serta dituliskan di dalam persekitaran yang berbeza. Contohnya di padang gurun gunung Sinai, istana Persia, gunung di Libanon, bukit di Arab, penjara di Rom, bait suci yang agung, pulau Patmos dan lain-lain lagi. Ia juga mempunyai gaya penulisan yang berbeza. Walau bagaimanapun, tema utama dan watak utamanya tetap sama dan konsisten. Ia menjadikan salib sebagai tema utama, juruselamat sebagai pusat / fokus utama dan kemuliaan Tuhan sebagai keseluruhan (rujuk Yoh 5:39; Luk 24:44-45; Kis 28:32). Ia tidak ada cacat cela, sebaliknya konsisten dan teratur. Sebenarnya, orang-orang yang menulis ini merupakan pen dalam tangan Tuhan yang menuliskan firman Tuhan untuk diberikan kepada dunia. Jadi penulis sebenar ialah Tuhan yang benar di syurga.

TUJUH, FASAL DAN AYAT DALAM ALKITAB

Pada mulanya, tidak ada pembahagian fasal dan ayat dalam Alkitab. Pada sekitar tahun 1236 M, Uskup Rom membahagikan seluruh Alkitab kepada fasal-fasal. Pada tahun 1660 M, rabbi Yahudi membahagikan Alkitab Perjanjian Lama kepada ayat-ayat manakala pembahagian ayat bagi Alkitab Perjanjian Baru dilakukan oleh tukang cetak Perancis pada kemudian hari. Terdapat 1189 fasal dalam Alkitab Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru (Perjanjian Lama: 929 fasal, Perjanjian Baru: 260 fasal) dengan jumlah 31171 ayat.

LAPAN, TEKS ALKITAB

Teks asal Perjanjian Lama dituliskan dalam bahasa Ibrani kecuali beberapa bahagian (Ez 4:8 - 6:18, 7:12-26), (Yer 10:11), (kalimat kedua Dan 2: 4 - 7:28) yang dituliskan dalam bahasa Aram. Teks yang digunakan dalam Perjanjian Baru ialah bahasa Yunani.

SEMBILAN, TERJEMAHAN ALKITAB

Berikutan dengan kemajuan masa dan penyebaran Injil, terjemahan Alkitab juga menjadi semakin banyak. Berikut disenaraikan terjemahan yang berwibawa dan yang ada nilai rujukan:

1. Septuaginta (Alexandrian Version Septuagint)
2. The Vulgate Version - terjemahan popular bahasa Latin
3. Authorized Version atau juga digelar sebagai King James Version
4. American Standard Version
5. Basic English Version
6. New English Version
7. Union Version
8. Lü Zhen Zhong Bible Translation

PERSOALAN DAN PERBINCANGAN:

- I. Apakah tema utama Alkitab? Bagaimana melihat tema-tema utama ini dalam proses komposisi Alkitab?
- II. Apakah perbezaan antara Kanon dan kitab Apokrifa? Bagaimana membezakan antara ajaran sesat dan firman yang murni?
- III. Apakah syarat-syarat bagi Kanon? Mengapa?
- IV. Permulaan bagi konsep Kanon adalah berdasarkan tiga konsep orang Yahudi yang mempunyai asas yang mendalam dan tidak mudah digoyahkan. Adakah konsep-konsep ini bertepatan dengan pemikiran manusia pada zaman kini? Bagaimana menjelaskan konsep sebegini supaya manusia zaman kini percaya dan taat kepada Alkitab?
- V. Kita percaya bahawa Alkitab ialah perkataan Tuhan. Namun bagaimana kita mengenalpasti bahawa proses komposisi Alkitab adalah berasal daripada kehendak Tuhan?
- VI. Terdapat banyak terjemahan Alkitab. Bagaimana menggunakannya secara tepat untuk memahami kehendak Tuhan dengan jelas? Adakah dengan mengkaji teks asal sepenuhnya

PELAJARAN 8: KESAHIHAN ALKITAB

SATU, TUHAN YESUS MENGESAHKAN KESAHIHAN ALKITAB

1. Tuhan Yesus mengesahkan tidak ada kesilapan tentang penulis Alkitab. Contoh-contohnya seperti berikut:
 - (1) Yesus menyebut tentang penulisan Musa (Yoh 5:45-47) (Mrk 12:26)
 - (2) Ketika Tuhan Yesus memetik daripada kitab Mazmur, Dia pernah menyebut tentang penulisnya iaitu Daud (Luk 20:41-43)
 - (3) Tuhan Yesus memetik daripada kata-kata nabi Yesaya (Mat 13:14-15)
 - (4) Tuhan Yesus memetik daripada nubuat nabi Daniel (Mat 24:15)
 - (5) Tuhan Yesus mengiktiraf penulisan-penulisan para nabi (Luk 18:31, 24:44)

2. Tuhan Yesus mengesahkan bahawa Alkitab ialah perkataan Tuhan. Contoh-contohnya seperti berikut:
 - (1) Semasa memetik daripada Alkitab Perjanjian Lama, Tuhan Yesus menggunakan frasa “Allah berfirman” (Mat 15:4, 22:31)
 - (2) Tuhan Yesus menyebut hukum Taurat dalam Perjanjian Lama sebagai “firman Allah” (Mat 15:6)
 - (3) Tuhan Yesus menyatakan bahawa nubuat yang dituliskan oleh Daud dalam kitab Mazmur adalah berasal daripada pimpinan Roh (Mat 22:43)

3. Tuhan Yesus mengesahkan bahawa peristiwa-peristiwa dalam Alkitab Perjanjian Lama adalah benar. Contoh-contohnya seperti berikut:
 - (1) Tuhan menciptakan umat manusia (Mat 19:4-5)
 - (2) Air bah pada zaman Nuh (Luk 17:27)
 - (3) Sodom dan Gomora dimusnahkan oleh hujan api dan hujan belerang dari langit (Luk 17:29)
 - (4) Tuhan menampakkan diri kepada Musa di dalam nyala api yang keluar dari semak duri (Mrk 12:26)
 - (5) Tuhan menurunkan manna di padang gurun untuk memberi makan kepada orang-orang Israel (Yoh 6:31-35)
 - (6) Musa meninggikan ular tembaga di padang gurun (Yoh 3:14)
 - (7) Penyakit kusta panglima Naaman ditahirkan (Luk 4:27)
 - (8) Perempuan janda di Sarfat tetap hidup kerana menerima / menyambut nabi Elia (Luk 4:25-26)
 - (9) Yunus tinggal di dalam perut ikan selama tiga hari tiga malam (Mat 12:39-40)

DUA, PENGGENAPAN NUBUAT-NUBUAT DALAM ALKITAB MENGESAHKAN KESAHIHAN ALKITAB

1. Nubuat-nubuat berkaitan dengan orang-orang Israel digenapi. Contoh-contohnya seperti berikut:
 - (1) Janji yang dikatakan oleh Tuhan kepada Abraham digenapi
 - Keturunannya akan menjadi bangsa yang besar, akan mendapat anak pada umurnya 100 tahun (Kej 15:1-5, 21:1-7)
 - (2) Nubuat yang dikatakan oleh Tuhan kepada Abraham digenapi
 - Umat pilihan Tuhan, keluarga Yakub masuk ke Mesir, menjadi bangsa besar selepas 430 tahun dan keluar dari Mesir (Kej 15:13-14) (Kel 12:40-41)
 - (3) Nubuat yang dikatakan oleh Tuhan kepada umat Israel melalui perantaraan Yeremia digenapi
 - Kerajaan dimusnahkan oleh Babel, bait suci dimusnahkan, umat pilihan ditawan. Pulang selepas 70 tahun dan mendirikan semula bait suci (Yer 25:11-12) (2 Taw 36:14-23)
 - (4) Nubuat amaran yang dikatakan oleh Tuhan kepada keluarga Eli melalui perantaraan abdi Allah dan Samuel digenapi
 - Eli membiarkan anak-anak lelakinya berbuat jahat dan berdosa kepada Tuhan. Seluruh keluarganya akan berhadapan dengan malapetaka dan kutukan (1 Sam 2:27-34; 4:16-18)
 - (5) Nubuat amaran yang dikatakan oleh Elia kepada raja Ahab digenapi
 - Raja Ahab dan ratu Izebel merampas kebun anggur Nabot, orang benar itu dan mengambil nyawanya. Akibatnya, mereka mendapat kesudahan yang buruk dan mati dengan dahsyat (1 Raj 21:19, 22:37-38; 2 Raj 9:30-37)
 - (6) Nubuat Elisa tentang kota Samaria digenapi
 - Kota Samaria dikepung oleh musuh dan bekalan makan terputus. Elisa bernubuat bahawa mereka akan mendapat makanan yang berkelimpahan (2 Raj 6:24-29, 7:16-20)
2. Nubuat-nubuat berkaitan dengan Kristus digenapi. Contoh-contohnya seperti berikut:
 - (1) Kristus akan dilahirkan oleh seorang perempuan muda / anak dara (Yes 7:14), digenapi (Mat 1:18-25)
 - (2) Kristus dilahirkan dari keturunan Daud (Yer 23:5) (Mat 22:41-42), digenapi (Mat 1:1,20)
 - (3) Kristus akan dilahirkan di Betlehem (Mi 5:1) (Mat 2:4-6), digenapi (Luk 2:1-7)
 - (4) Kristus akan diserahkan dengan nilai tiga puluh wang perak (Za 11:12-13), digenapi (Mat 27:3-5)
 - (5) Keadaan apabila Yesus dihukum di atas kayu salib demi umat manusia (Mzm 22:15-19), digenapi (Yoh 19:17-30)
 - (6) Yesus bangkit dari kematian (Mzm 16:10), digenapi (Mat 28:1-7) (Kis 2:25-32)

3. Nubuat-nubuat yang dikatakan oleh Yesus digenapi. Contoh-contohnya seperti berikut:
 - (1) Bernubuat tentang tempat kematianNya (Mat 16:21)
 - (2) Bernubuat tentang masa kematianNya (Mat 26:18)
 - (3) Bernubuat tentang siapa yang menyerahkanNya (Mat 26:20-25)
 - (4) Bernubuat tentang bagaimana caranya Dia akan mati (Yoh 3:14, 12:32-33)
 - (5) Bernubuat tentang kebangkitanNya pada hari ketiga selepas kematianNya (Mat 12:40, 17:22-23)
 - (6) Bernubuat tentang Yerusalem akan diruntuhkan (Mat 24:1-2; Luk 19:41-44)
 - (7) Berjanji bahawa Dia pasti mencurahkan Roh Kudus selepas terangkat ke syurga (Kis 1:4-5; Yoh 16:7, 14:1,8; Kis 2:1-4)

4. Akhir sekali, Yesus berjanji bahawa Dia akan datang kembali dan menyambut pemercaya ke kerajaan syurga (Yoh 14:1-3; Mat 24:29-31; Why 22:20)

Walaupun nubuat ini belum lagi direalisasikan, namun oleh sebab nubuat-nubuat lepas telah digenapi satu-persatu, maka orang-orang yang percaya kepadaNya boleh percaya dengan sepenuhnya bahawa Tuhan pasti segera datang kembali dan mengerjakan kerajaan hidup kekal yang mulia bagi pemercaya (Why 22:20).

TIGA, STRUKTUR ORGANISASI ALKITAB MENGESAHKAN KESAHIHANNYA

1. Tema yang konsisten: Terdapat 66 gulungan kitab dalam Alkitab. Ia merupakan sebuah kitab ajaib yang mana seluruh isi kandungannya adalah konsisten. Walaupun telah melalui 1600 tahun dan dituliskan oleh lebih daripada 35 orang, tetapi tema Alkitab adalah konsisten. Ia menjadikan kayu salib sebagai tema utama, Juruselamat sebagai titik pusat / fokus dan kemuliaan Tuhan sebagai keseluruhan (rujuk Yoh 5:39; Luk 24:44-45; Kis 28:23). Dari zaman purba hingga ke abad ke-21, tema utama yang sama ditafsirkan dalam era yang berbeza. Ini menyatakan tentang kredibiliti dan sifat transenden perkataan Tuhan.
2. Teratur dan jelas: Susunan isi kandungan Alkitab juga sangat jelas dan semulajadi. Ini dapat mengesahkan bahawa Alkitab adalah berasal daripada wahyu Tuhan. Ini kerana wahyu Tuhan adalah berulang kali dan dalam pelbagai cara (Ibr 1:1-2). Ia tidak henti-henti memimpin manusia dengan segala hikmat dan jelas memberitahu manusia jalan yang harus ditempuhi. Wahyu Tuhan juga bersistematik yang membuka rahsia anugerah keselamatan langkah demi langkah (Ef 3:3,8-9). Wahyu Tuhan teratur supaya manusia dapat menyelidiki, menganalisis dan menilai (Kis 17:11). Wahyu Tuhan adalah tepat pada masanya. Ia tidak akan disingkirkan oleh masa, sebaliknya ia menjadi semakin jelas dan menyatakan nilai keabadiannya. Di samping itu, wahyu Tuhan ada pembahagiannya. Terdapat matlamat yang ditetapkan untuk setiap peringkat di mana ia adalah sangat terperinci dan jelas dengan hanya sekilas pandang.
3. Saling bergerak balas: Pembahagian yang paling ketara dalam Alkitab ialah pembahagian Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Perjanjian Lama merupakan dasar manakala Perjanjian

Baru pula merupakan pembangunan. Oleh itu, segala kitab nabi-nabi dan hukum Taurat dalam Perjanjian Lama harus direalisasikan dan digenapi (Mat 5:17-18) untuk mengerjakan kasih karunia dan anugerah keselamatan dalam Perjanjian Baru (Ibr 8:10-12). Kebenaran dalam Perjanjian Baru tersembunyi di antara Perjanjian Lama (Ibr 8:5), nubuat dalam Perjanjian Lama akan menjadi ketara / dinyatakan dalam Perjanjian Baru. Oleh itu, kitab nabi-nabi terlebih dahulu bernubuat tentang Mesias Yesus Kristus (Yes 9:6). Semasa memberitakan firman, Yesus juga selalu memetik daripada Alkitab Perjanjian Lama. Perjanjian Lama ialah masa penyediaan bagi anugerah keselamatan, Perjanjian Baru ialah masa penyempurnaan anugerah keselamatan. Kedua-duanya saling bergerak balas dan saling memperlengkapi.

4. Logik: Semua firman dalam Alkitab adalah murni. Jika melihatnya dengan sikap yang rasional dan semangat kajian saintifik, isi kandungan Alkitab sangat logik. Pemikiran, ciptaan dan perbuatan Tuhan semuanya sesuai dengan prinsip kebenaran. Contohnya, segala sesuatu dalam alam semesta yang diciptakannya adalah begitu teratur dan sekata. Ini membuatkan manusia tidak dapat menafikan kesahihannya.

EMPAT, PENEMUAN NASKAH KUNO ALKITAB MENGESAHKAN KESAHIHAN ALKITAB

1. Asal-usul naskah kuno

Naskah kuno ialah manuskrip purba Alkitab. Setakat yang diketahui pada hari ini, untuk 66 gulungan dalam Alkitab Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru, tiada manuskrip asalnya yang tersimpan sehingga kini. Manuskrip-manuskrip asal ini telah hilang dalam kegawatan sejarah ataupun ia masih tersembunyi di tempat paling rahsia dan belum lagi ditemui. Apa yang tersimpan sehingga hari ini ialah manuskrip yang dituliskan di atas kulit binatang atau kertas papyrus. Tentu sekali, orang yang pakar dalam membuat salinan juga tidak dapat mengelak daripada kesilapan. Kadang-kala, kesilapan dibawa masuk ke dalam salinan manuskrip secara tidak sengaja. Tetapi apabila ahli-ahli Taurat Yahudi menyunting manuskrip Alkitab, walaupun hanya terdapat kesilapan yang kecil sahaja, halaman tersebut tidak akan dibenarkan wujud. Mereka membuat salinan dengan begitu serius sekali! Tentang perbezaan yang disebabkan oleh salinan tangan, Perjanjian Baru menyumbang kurang daripada satu per seribu dalam seluruh Alkitab dan kebanyakannya merujuk kepada perbezaan kata-kata. Perbezaan yang terdapat dalam Perjanjian Lama adalah lebih sedikit berbanding Perjanjian Baru. Rujukan silang antara pelbagai naskah kuno adalah sangat penting. Tuhan membangkitkan ramai orang yang pakar dalam mengkaji teks Alkitab. Mereka menyemak banyak manuskrip Alkitab, kata demi kata, setiap titik dan gambar. Seluruh Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru telah disemak perkataan demi perkataan. Sekiranya terdapat perbezaan dalam satu perkataan, mereka kadang-kadang perlu pergi ke beberapa muzium dan ke beberapa negara untuk memperbetulkan kesilapan ini. Alkitab yang kita baca pada hari ini, setiap perkataannya telah diperbetulkan. Kita boleh membacanya dengan penuh keyakinan.

2. Penemuan naskah kuno

Penemuan naskah kuno adalah sangat menarik sekali di mana ianya sering ditemui tanpa disengajakan. Contohnya Codex Sinaiticus ditemui seperti berikut: Pengkritik terkenal Jerman, Tischendorf menjumpai satu bakul besar di dalam perpustakaan di sebuah biara di gunung Sinai pada tahun 1844. Di dalam bakul tersebut, didapati beberapa helaian naskah kuno yang sangat bernilai. Menurut pustakawan perpustakaan tersebut, dua bakul penuh buku lama telah digunakan untuk menyalakan api. Beliau kembali lagi ke sana pada tahun 1853 dan tidak menemui apa-apa. Pada tahun 1859, beliau pergi ke biara tersebut untuk kali yang ketiga dan tetap kecewa. Pada malam sebelum beliau meninggalkan tempat tersebut, beliau melihat pengurus biara memegang sebuah bungkusan dalam kain merah dan di dalamnya mengandungi banyak helaian daripada naskah besar. Penemuan naskah kuno Codex Sinaiticus ini memang sangat tidak disengajakan. Penemuan baru pada tahun 1947 juga adalah tidak disengajakan: Ketika sekumpulan penggembala Arab menggembala kawanan dan tinggal di utara Laut Mati, seekor domba telah melarikan diri secara tiba-tiba. Ketika mengejar domba tersebut, salah seorang daripada mereka tersandung dan terjatuh ke bawah tanah. Dia merangkak ke dalam sebuah lubang kecil dan melihat beberapa periuk tanah liat dengan mulut yang bertutup dan di dalamnya tersembunyi gulungan-gulungan kulit. Dia mengeluh kerana tidak dapat menemui harta karun. Siapa sangka, apabila naskah kuno ini dipaparkan di Washington, ia dianggarkan dengan nilai sekurang-kurangnya setengah juta dolar. Kita harus bersyukur kepada Tuhan. Walaupun telah melalui tempoh masa yang panjang dan berada di atas dasar tanah yang sentiasa berubah, Dia tetap memelihara firmanNya dengan cara yang luar biasa. Dia juga membangkitkan ramai hamba yang setia untuk melakukan kerja pembetulan kata dengan sikap yang berhemat dan soleh. Kita masih mempunyai Alkitab yang lengkap ini pada hari ini, betapa kita harus menghargainya! Pada hari ini, kita masih mempunyai firman Tuhan untuk dibacakan, betapa besarnya kebahagiaan ini!

3. Manuskrip naskah kuno yang popular

- (1) Codex Vaticanus - Mendapat nama ini kerana disimpan di Perpustakaan Vatican, Rom.
- (2) Codex Sinaiticus - Mendapat nama ini kerana ditemui di sebuah biara di gunung Sinai. Kini disimpan di Muzium British, London. Perjanjian Baru adalah yang paling lengkap dan tidak ada satu helaian pun yang kehilangan.
- (3) Codex Alexandrinus - Mendapat nama ini kerana disalin di Mesir. Kini disimpan di Muzium British.

Manuskrip yang tertua antara manuskrip-manuskrip yang popular ini ialah Codex Vaticanus dan yang kedua tertua ialah Codex Sinaiticus. Masanya adalah pada abad keempat dan kelima. Ia merupakan yang paling lengkap dan jelas antara naskah-naskah kuno. Ia merupakan rujukan yang terbaik dalam memperbetulkan teks Alkitab.

4. Nilai naskah kuno Alkitab

Salinan dan warisan naskah kuno Alkitab ada kehendak dan aturan Tuhan yang indah di dalamnya iaitu supaya firmanNya dapat bertahan dalam dunia ini untuk selama-lamanya dan tidak putus-putus memimpin orang-orang dalam dunia kembali kepadaNya. Naskah kuno Alkitab merupakan sesuatu yang terdahulu bagi Alkitab hari ini. Ahli arkeologi menemui naskah-naskah kuno ini dan membuktikan bahawa Alkitab dalam tangan kita bukannya tidak berasas dan bukan juga datang daripada imaginasi beberapa orang melainkan benar-benar diturunkan dari zaman purba hingga sekarang. Tambahan pula, isi kandungan naskah-naskah kuno ini nampaknya tidak ada perbezaan dengan Alkitab pada hari ini. Ini membuktikan kredibiliti Alkitab yang kita gunakan. Jika terdapat sedikit perbezaan, adalah dipercayai bahawa perbezaan ini berada dalam lingkungan “ralat yang dibenarkan” di mana ianya tidak akan menjejaskan kesahihan subjeknya.

LIMA, BUKTI SAINTIFIK MENGESAHKAN KESAHIHAN ALKITAB

1. Kajian sains semulajadi dapat membuktikan naratif yang berkaitan dalam Alkitab

Rekod Alkitab muncul dahulu dan penemuan saintifik datang kemudian. Ini membuktikan kesahihan Alkitab. Oleh sebab manusia mempunyai batasan, maka sains belum dapat mengesahkan sepenuhnya Alkitab. Namun bahagian-bahagian yang dapat disahkan adalah benar. Kedua, bahagian-bahagian dalam Alkitab yang tidak dapat disahkan dengan sains juga tidak dapat dinafikan dengan sains. Nampaknya, perkara-perkara yang didedahkan oleh kajian saintifik manusia adalah sangat terhad. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- (1) Tuhan menetapkan umatNya memegang tahun perhentian penuh yang mana ini merupakan konsep penanaman lestari bagi tanah pertanian moden (Im 25:3-5). Tuhan juga menetapkan prinsip “menangkap anak-anak dan melepaskan induk” dalam penangkapan hidupan liar yang mana ini merupakan konsep pemuliharaan haiwan (Ul 22:6-7).
- (2) Raja Salomo berkata “Angin bertiup ke selatan, lalu berputar ke utara, terus-menerus ia berputar, dan dalam putarannya angin itu kembali.” dan ini adalah sejajar dengan penemuan kajian meteorologi moden (Pkh 1:6). Dia juga berkata “Semua sungai mengalir ke laut, tetapi laut tidak juga menjadi penuh; ke mana sungai mengalir, ke situ sungai mengalir selalu.” dan ini merupakan fenomena kitaran hidrologi dalam bidang hidrologi (Pkh 1:7).
- (3) Dalam Ayub mencatatkan “Allah mengetahui jalan ke sana, Ia juga mengenal tempat kediamannya. Karena Ia memandang sampai ke ujung-ujung bumi, dan melihat segala sesuatu yang ada di kolong langit. Ketika Ia menetapkan kekuatan angin, dan mengatur banyaknya air.” (Ayb 28:23-26). Seawal 3,500 tahun yang lalu lagi, Alkitab telah menjelaskan fenomena fizikal yang ditemui oleh saintis moden. Selain itu, “Allah membentangkan utara di atas kekosongan, dan menggantungkan bumi pada kehampaan” merupakan fenomena astronomi yang kita ketahui pada hari ini.

2. Kajian sejarah dan geografi kemanusiaan dapat mengesahkan rekod yang berkaitan dalam Alkitab

Alkitab ialah sebuah kitab sejarah iaitu sejarah bangsa Israel dan sejarah Tuhan. Oleh itu, sejarah berkait rapat dengan firman keselamatan Tuhan. Masa dari Abraham dipanggil hinggalah berakhir dengan Samuel disebut sebagai “tempoh pemerintahan Tuhan”. Masa dari Saul memulakan kerajaannya hinggalah kerajaan berakhir dengan Yoyakhin disebut sebagai “tempoh pemerintahan raja”. Selepas itu sehingga masa sebelum Kristus membangunkan kerajaan Mesias secara kolektifnya disebut sebagai “tempoh pemerintahan asing”. Dalam setiap masa, Tuhan berulang kali dan dalam pelbagai cara berfirman kepada nenek moyang melalui “nabi” (tidak semestinya yang bernubuat) untuk menunjukkan bahawa Tuhan masih Raja di atas segala raja dalam sejarah bangsa-bangsa. Oleh yang demikian, sejarah Israel bukan sahaja bersifat sejarah, tetapi juga bersifat nabi. Ini kerana niat asal para nabi menuliskan kitab-kitab sejarah adalah untuk menyatakan kehendak Tuhan terhadap umat pilihanNya dan realisasi anugerah keselamatan. Dari dahulu hingga sekarang, ia membuatkan pembaca mendapat inspirasi dan pengajaran rohani yang tidak terhingga.

Alkitab merupakan rekod awal bagi sejarah manusia dan sejarah Alkitab ialah asas kepada sejarah dunia. Di samping mencatatkan sejarah orang Ibrani, ia juga mencatatkan sejarah sistem budaya pelbagai negara yang berkaitan dengan orang Ibrani. Contohnya Mesir, Babel, Asyur, Kasdim, Persia, Yunani, Rom dan negara-negara yang lain. Oleh itu, semua orang, peristiwa, masa, tempat, dan perkara yang dicatatkan di dalam Alkitab adalah dari kehendak Tuhan dan rekod manusia. Maklumat setiap catatan tersebut ialah fakta. Jika dibandingkan dengan catatan sejarah manusia yang rasmi, isi kandungannya lebih luas dan kredibilitinya lebih tinggi. Ia hampir tidak ada kesilapan dalam meletakkan kebenaran di hadapan mata dunia. Oleh itu, secara umumnya, isi kandungan Alkitab dapat disahkan dengan dokumen-dokumen yang dicatatkan dalam sejarah manusia. Ia dapat melalui ujian masa tanpa disingkirkan dan ini mengesahkan kesahihan Alkitab. Namun, nilai sejarah Alkitab bukan terletak pada catatannya tentang sejarah dunia tetapi terletak pada makna agamanya. Ia mencatatkan fakta sejarah tentang nenek moyang manusia beroleh persekutuan dengan Tuhan. Ia juga menggambarkan dengan terperinci tentang bangsa Ibrani meninggalkan Tuhan yang benar dan malapetaka yang menimpa mereka. Ini bertujuan untuk menunjukkan satu kebenaran yang sama kepada semua bangsa: tanah lembah kandungan air, kayu bengkok titian kera. Di belakang sebab dan akibat ini, adanya kewujudan Tuhan yang benar dan pengasih. Catatan-catatan fakta sejarah dalam Alkitab adalah seperti yang berikut:

- (1) Terdapat catatan yang jelas tentang laluan perjalanan bagi pemberitaan firman rasul Paulus. Maklumat geografi bagi tempat-tempat yang dilaluinya dapat dikaji dengan terperinci.
- (2) Dinasti raja-raja Israel dalam Alkitab dapat dikaji dan disahkan.
- (3) Kisah Yesus ialah fakta yang diakui secara universal.

- (4) Perbincangan dalam persidangan di Jamnia (90) bukan tentang “gulungan-gulungan kitab yang mana harus dimasukkan ke dalam Kanon Perjanjian Lama”, tetapi adalah tentang “gulungan-gulungan kitab yang mana tidak seharusnya dimasukkan ke dalam Kanon”. Ini menunjukkan hakikat bahawa Kanon sudah wujud sejak awal lagi dan Kanon tersebut ialah Kanon bagi gereja awal ataupun agama Yahudi / Yudaisme.
- (5) Penemuan Naskah Laut Mati mengukuhkan lagi skop dan status Kanon pada hari ini. Semua gulungan kitab dalam Perjanjian Lama muncul dalam Naskah Laut Mati dan jumlah Kanon juga ditetapkan.

ENAM, HAKIKAT PENGALAMAN KEPERCAYAAN MENGESAHKAN KESAHIHAN ALKITAB

1. Hakikat perubahan hidup

Pusat iman kepercayaan agama Kristian ialah Alkitab ini. Alkitab sama seperti kontrak perjanjian antara Tuhan dan manusia. Di dalamnya banyak mencatatkan tentang janji dan permintaan Tuhan kepada manusia; tentang bagaimana manusia melakukan sesuatu supaya berkenan kepada Tuhan dan mendapat berkat yang dijanjikan. Dengan itu, manusia akan mendapat pengalaman iman kepercayaan secara beransur-ansur dan mendapat perubahan dalam hidup kerana Tuhan yang hidup dan yang benar ini. Jadi tanpa mengira kaum dan negara, zaman dan wilayah, jantina dan umur, setiap orang yang percaya akan dapat merasai pengalaman yang sebenar ini (Rm 1:16). Sekiranya Alkitab hanyalah sebuah buku biasa yang mengajar ke arah kebaikan atau cerita mitos, ia tidak mungkin dapat membuatkan hati dalaman manusia mempunyai perasaan yang sebenar tentang Tuhan. Ia juga tidak mungkin dapat mengubah hidup manusia. Hakikat perubahan hidup seperti ini merupakan bukti yang kuat tentang kesahihan Alkitab.

2. Hakikat tentang Alkitab yang tidak berkesudahan

Apakah keajaiban yang membuatkan sebuah buku kuno yang menjangkau ribuan tahun tidak hilang dalam banjir sejarah sebaliknya tersebar dengan lebih banyak dan lebih meluas? Bilangan edaran Alkitab semakin meningkat tahun demi tahun dan versi terjemahannya juga semakin banyak. Ini sesuatu fakta yang tidak dapat dipertikaikan. Apa sebenarnya yang menyebabkan Alkitab menjadi begitu menarik sekali? Apabila kita membincangkan isu ini dengan sikap yang objektif dan rasional, kita akan mendapati bahawa hanya terdapat sebuah jawapan iaitu pengalaman iman kepercayaan yang diperoleh oleh semua orang yang percaya kepada Alkitab. Pengalaman sebenar ini merupakan kesaksian sebenar Alkitab! Dalam sejarah, begitu banyak kesaksian kehidupan manusia yang mengesahkan tentang kesahihan Alkitab. Ini membolehkan Alkitab tidak pernah disingkirkan sebaliknya ia boleh bertahan untuk selamanya.

PERSOALAN DAN PERBINCANGAN

1. Mengapa Tuhan Yesus memetik daripada Alkitab Perjanjian Lama? Bolehkah dengan ini memberikan kata putus bahawa Yesus mengiktiraf seluruh isi kandungan Perjanjian Lama?
2. Bagaimana Tuhan Yesus menggenapi hukum Taurat dalam Perjanjian Lama? Mengapa kitab Ibrani mengatakan bahawa Perjanjian Lama telah dekat kepada kemusnahannya? Adakah keduanya bercanggahan?
3. Alkitab memberitakan Injil damai sejahtera. Mengapa ia mencetuskan perang pembunuhan? Adakah hakikat ini membuatkan manusia meragui kesahihan Alkitab?
4. Bagaimana mengesahkan kesahihan Alkitab dengan sains? Bagaimana menjelaskan bahagian-bahagian dalam Alkitab yang dinafikan oleh sains?
5. Cuba aturkan semua peristiwa penggenapan nubuat dalam Alkitab.
6. Jika bilangan edaran Alkitab digunakan untuk menggambarkan tentang kesahihannya, bagaimana kita menjelaskan tentang situasi yang sama bagi buku klasik agama lain?
7. Terdapat beberapa kesukaran yang tidak dapat dijelaskan dalam Alkitab. Sekiranya kita percaya secara membuta tuli, adakah ia menjadi tahyul? Bagaimana untuk membezakan perbezaan antara iman dan tahyul?
8. Cuba jelaskan tentang penemuan naskah kuno Alkitab mengesahkan kesahihan Alkitab.
9. Alkitab telah melalui masa yang begitu lama sekali. Bagaimana untuk memastikan ketepatan isi kandungannya bagi setiap patah perkataan semasa proses penyebaran lisan, salinan secara manual dan penterjemahan? Jika terdapat kesilapan, bagaimanakah kita dapat menjamin bahawa Alkitab yang kita baca adalah dari firman Tuhan?
10. Adakah terdapat pendapat peribadi penulis dalam Alkitab? Jika ada, bagaimana dapat membuktikan bahawa ia ialah kehendak Tuhan?



**PERSAHABATAN
BELIA**

PEGANGLAH BERKAT TUHAN!

KUARTET BELIA:

- ① **MENCARI** ② **BERCINTA** ③ **BARU BERKAHWIN**
④ **IBU BAPA BARU**

“Aku tidak akan membiarkan engkau pergi, jika engkau tidak memberkati aku.” (Kej 32:26)

Tuhan mengasihi Yakub. Keistimewaan Yakub yang paling besar ialah dia berpegang teguh kepada berkat Tuhan. Bukankah sia-sia jika percaya kepada Tuhan tetapi tidak dapat memegang berkat Tuhan?

PENDAHULUAN:

“Belia”! Sesungguhnya, inilah peringkat bagi perubahan yang paling besar dalam kehidupan. Ini juga merupakan peringkat yang paling tidak stabil. Belia pada masa ini telah meninggalkan bangku sekolah, menghabiskan latihan khidmat negara dan masuk ke dalam pasaran pekerjaan yang pesat berubah. Tidak kira samada masih tinggal di rumah, mental dan tingkah lakunya telah terlepas daripada kawalan ibu bapa. Pada masa ini, tugas yang paling penting dalam kehidupannya adalah untuk membina kerjaya dan mendirikan rumah tangga.

Reka bentuk pelajaran ini dibahagikan kepada empat topik utama yang berturut-turut berikutan perkembangan empat peranan hidup belia. Pensyarah boleh mengubahsuai sebahagian daripada bahan pengajaran yang sesuai dengan merujuk kepada reka bentuk pelajaran ditambahkan dengan pengetahuan tentang belia tempatan serta ciri-ciri mereka. Dalam isu utama majalah Roh Kudus Bil. 290: “Hamba Tua Masa Kini” dan Bil. 297: “Sebelum dan Selepas Karpas Merah - Perbincangan Kaunseling Perkahwinan”, terdapat banyak monograf dan bibliografi yang disyorkan. Contohnya:

TAJUK BUKU:	PENULIS	PENERBIT
Should I Get Married?	M. Blaine Smith	IVP Books
How to Make Your Marriage Exciting	Charles Hunter, Frances E Hunter	Hunter Books
Finding the Love of Your Life: Ten Principles for Choosing the Right Marriage Partner	Neil Clark Warren	Gallery
Worth The Wait	Tim Stafford	Tyndale House Pub
Preparing for Your Marriage	William McRae	Zondervan
The First Years of Forever	Ed Whea & Gloria Okes Perkins	Zondervan
Meditations for the Newly Married	John M. Drescher	Herald Press

Growth Counseling for Marriage Enrichment	Howard J. Clinebell, Jr.	Fortress Press
How to Be Your Wife's Best Friend	Dan Bolin & John Trent	NavPress Publishing Group
How to Be Your Husband's Best Friend	Cindy Trent & Cay Bolin	Pinon Press
Marriages and Families: Intimacy, Diversity, and Strengths, 9th Edition	David H. Olson & John DeFrain	McGraw-Hill Education
Getting the Love You Want : A Guide for Couples	Harville Hendrix	Holt Paperbacks
Making Love Last Forever	Gary Smalley	Thomas Nelson
Givers, Takers And Other Kinds of Lovers	Josh McDowell & Paul Lewis	Christian Focus
Women in Midlife Crisis	Jim and Sally Conway	Living Books
How to Avoid Divorce	Luciano L'abate & Bess L'abate	John Knox Press

Dengan adanya perkongsian kesaksian yang indah daripada penatua dan diaken, telangkai, saudara dan saudari di gereja setempat, kiranya para belia di dalam Tuhan dapat berpegang teguh kepada berkat Tuhan dalam perkahwinan mereka lalu membina keluarga yang bahagia serta menjadi hamba yang baik di dalam gereja benar.

Kuartet pertama: "Sila panggil saya si bujang yang bahagia!" Pegang peringkat pencarian...

Kuartet kedua: "Ya Tuhan! Diakah orangnya?" Pegang peringkat percintaan...

Kuartet ketiga: "Mengapa begini!?" Pegang peringkat baru berkahwin...

Kuartet keempat: "Dia membuatkan saya gila!" Pegang peringkat ibu bapa baru...

PELAJARAN 1: KUARTET PERTAMA

“SILA PANGGIL SAYA SI BUJANG YANG BAHAGIA!” - PEGANG PERINGKAT PENCARIAN

OBJEKTIF PELAJARAN:

1. Biarkan para belia berkongsi tentang keseronokan menjadi orang bujang dan menggalakkan persefahaman bersama.
2. Berbincang tentang apakah jenis keupayaan dan mentaliti yang diperlukan untuk menyediakan diri sendiri menjadi pasangan yang comel.
3. Pegang kasih karunia Tuhan dalam peringkat ini
 - a) Pegang identiti yang kudus
 - b) Pegang peringkat membangunkan kepercayaan yang berdikari
 - c) Pegang sukacita persekutuan / persahabatan dalam pergaulan antara saudara dan saudari
 - d) Pegang masa yang baik untuk melayani Tuhan dengan sepenuh hati
 - e) Pegang masa yang baik untuk menyediakan diri sendiri
 - f) Pegang ketibaan “peluang yang baik”

CARA PELAKSANAAN PELAJARAN INI:

1. 30 minit - “Saudara dan saudari adalah sangat berbeza”

Sediakan dua keping kertas mahjong. Bahagikan saudara dan saudari ke dalam dua kumpulan. Pemimpin bertanyakan 5 soalan (rujuk Lampiran 1). Setiap soalan dihadkan kepada 3 minit (boleh juga tidak menghadkan soalan dan masa menjawab). Selepas 15 minit, kedua-dua keping kertas mahjong yang dituliskan dengan jawapan ditampal di bahagian depan untuk dikongsikan soalan demi soalan tanpa membuat ulasan panjang.

Aktiviti ini membantu pemimpin pelajaran memahami suara hati para belia dengan lebih mendalam.

2. 60 minit - Masa untuk pemimpin pelajaran (sediakan diri sendiri → nikmati masa bujang → mencari)
3. 30 minit - Jamuan + perkongsian kesaksian (boleh khasnya mengatur orang memberi kesaksian dan boleh berkongsi pendapat tentang pelajaran hari ini)

LAMPIRAN 1: SAUDARA DAN SAUDARI ADALAH SANGAT BERBEZA (SOALAN RUJUKAN)

1. Sila pilih filem / wayang yang anda suka pada kebelakangan ini.

Tuliskan:

- a) Tajuk filem / wayang.
 - b) Mengapa anda menyukai filem / wayang ini?
 - c) Dengan siapa anda menonton filem / wayang tersebut?
2. Terlihat rancangan yang “tidak patut ditonton” di saluran televisyen secara tidak sengaja. Apa yang akan anda lakukan?
3. Apa perasaan dan mentaliti anda semasa menghadiri kebaktian persahabatan belia?
4. Pandangan dan pengalaman tentang “mencari jodoh di dalam Tuhan”.
5. Jika anda akan berkahwin pada bulan hadapan, apa kerja rumah yang belum anda kuasai dan perlu belajar melakukannya dengan segera?
6. Sila senaraikan hidangan yang boleh anda masak. Semakin banyak semakin baik.
7. Apa perasaan anda apabila melihat rakan kerja anda berpasang-pasangan / bercinta?
8. Jika berkenan dengan saudara / saudari dalam gereja, apa tindakan yang anda ingin lakukan?
9. Apa yang anda mahu penatua, diaken, pendeta, dan telangkai gereja lakukan untuk belia?
10. Apakah sukacita terbesar bagi orang bujang?

(Pemimpin pelajaran juga boleh merancang soalan sendiri. Bilangan soalan dan masa menjawab boleh ditentukan sendiri. Namun harus ingat untuk memberikan masa bagi sesi perkongsian.)

LAMPIRAN 2: “SILA PANGGIL SAYA SI BUJANG YANG BAHAGIA!” - MEMEGANG PERINGKAT PENCARIAN...

Memegang berkat Tuhan merupakan hidup yang paling bijaksana, paling berhikmat dan paling diberkati. Hai belia-belua yang dikasihi, dalam masa bujang yang bahagia ini, anda belum lagi memikul beban rumah tangga, beban kemanisan juga belum ditambahkan kepada anda. Inilah masa dan peluang yang terbaik untuk anda memperkukuhkan profesion sendiri, bekerja keras, menyempurnakan rohani dan melayani Tuhan dengan sepenuh hati.

Pada peringkat ini, apa yang harus dipegang?

1. Pegang identiti yang kudus

“Karena itu, saudara-saudara, demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus dan yang berkenan kepada Allah: itu adalah ibadahmu yang sejati. Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah: apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna.” (Rm 12:1-2)

- (1) Kongsikan tentang helah syaitan yang mudah menggoda kita untuk melakukan dosa dalam kehidupan.
- (2) Kongsikan tentang pengalaman pergelutan? Kongsikan bagaimana individu mengatasi godaan.
- (3) Hati, tubuh dan roh adalah kudus dan berkenan kepada Tuhan. Hanya dapat terpelihara dengan bersandar kepada Tuhan.
- (4) Kongsikan tentang pengajaran Daniel dan Yusuf.

2. Pegang peringkat membangunkan kepercayaan yang berdikari

Pengalaman kepercayaan datuk, nenek, bapa dan emak bukan hubungan sendiri dengan Tuhan. Memasuki peringkat belia, latihan daripada majikan dan rakan sekerja, perubahan dan perkembangan samada yang besar ataupun kecil di dalam hidup, kesihatan fizikal dan latihan di gereja, semua ini merupakan proses untuk memikirkan semula kepercayaan sendiri dan menjadi lebih yakin dengan kepercayaan ini.

- (1) Kongsikan kesaksian meninggalkan ibu bapa, berhadapan dengan kepercayaan sendiri dan membangunkan kepercayaan sendiri dengan jujur.
- (2) Kongsikan kesaksian pernah tersesat dan balik ke pangkal jalan (Mzm 119:67).

3. **Pegang sukacita persekutuan / persahabatan dalam pergaulan antara saudara dan saudari**
“Sungguh, alangkah baiknya dan indahnya, apabila saudara-saudara diam bersama dengan rukun.”

- (1) Kongsikan kemanisan kawan rohani.
- (2) Bagaimana mencari kawan rohani.
- (3) Penerangan Alkitab tentang Daud dan Yonatan (1 Sam 18:1-4)

4. **Pegang masa yang baik untuk melayani Tuhan dengan sepenuh hati**

“Aku ingin, supaya kamu hidup tanpa kekuatiran. Orang yang tidak beristeri memusatkan perhatiannya pada perkara Tuhan, bagaimana Tuhan berkenan kepadanya. Orang yang beristeri memusatkan perhatiannya pada perkara duniawi, bagaimana ia dapat menyenangkan isterinya.” (1 Kor 7:32-33)

Sebenarnya, samada beristeri ataupun tidak, berkenan kepada Tuhan merupakan kewajipan yang harus kita laksanakan. Apabila mendapat isteri yang baik, saudara juga dapat melayani Tuhan tanpa bimbang tentang apa-apa (begitu juga saudari). Namun, dalam peringkat belum berkeluarga, kita sememangnya mempunyai satu tempoh masa yang dapat melayani Tuhan dengan fokus dan sepenuh hati. Selain dapat melayani Tuhan, Tuhan juga memberikan kita peluang untuk bertemu dengan rakan sekerja yang baik. Ramai yang memberi kesaksian bahawa pasangan mereka merupakan rakan sekerja mereka yang mana mereka bergaul bersama untuk satu jangka masa lalu saling mengenali antara satu sama lain, kemudiannya bercinta dan berkahwin.

5. **Pegang masa yang baik untuk menyediakan diri sendiri**

- (1) Dari segi keupayaan untuk hidup, operasi setiap peralatan elektrik, kerja rumah dan kemahiran memasak.
- (2) Dari segi persediaan psikologi, tidak lagi bergantung kepada ibu bapa dalam hal percintaan dan kehidupan, boleh menjaga orang lain.
- (3) Dari segi keupayaan ekonomi, ada kerjaya yang baik, ada simpanan sebagai persediaan untuk mendirikan rumah tangga.
- (4) Jalani kehidupan bujang dengan baik untuk menjalani kehidupan perkahwinan yang baik.

6. **Pegang ketibaan “peluang yang baik”**

Terdapat saudara saudari yang menetapkan “jangkaan umur untuk berkahwin” bagi diri sendiri. Contohnya, saudari menetapkan untuk berkahwin pada umur 28 tahun. Oleh itu, apabila ada orang yang diperkenalkan kepadanya ketika dia berumur 24, 25 dan 26 tahun, dia tidak bertindak. Huh! Mengapa tidak ada orang yang diperkenalkan ketika berumur 27 dan 28 tahun? Alamak! Pada masa ini barulah dia berasa cemas dan gementar.

Sebenarnya, “peluang yang baik” di dalam Tuhan harus dipegang dengan sebaik-baiknya. Seorang pendeta senior memberi dorongan bahawa saudara dan saudari sebaik-baiknya berusaha untuk berkahwin pada usia kira-kira 25 tahun. Berumur 25 tahun tidak dikira sebagai “kahwin awal”. Selain masih ada keanjalan untuk saling menyesuaikan diri, kaum saudara juga dapat mengurangkan peluang daripada digoda oleh hawa nafsu lalu berbuat dosa. Bagi aspek asas ekonomi, asalkan suami dan isteri masing-masing mempunyai kerjaya yang baik, biarpun bermula dengan tangan yang kosong, Tuhan pastinya akan memberkati.

- (1) Peluang yang baik selalunya ada di kalangan rakan sekerja yang dikenali dengan rapat kerana sudah saling mengenali keluarga dan keperibadian masing-masing. Sememangnya tidak semestinya perlu diperkenalkan dengan jodoh yang “jauh” dan “tidak dikenali”. Tambahan pula, saudara saudari yang ada “kecantikan dalaman” selalunya hanya dapat dirasai setelah mengambil masa untuk bergaul bersama.
- (2) Bagi pihak saudara, sila simpan “peluang yang baik” untuk pihak saudari di dalam Tuhan, bahkan untuk saudari yang sedikit berusia. Jika tidak, saudara-saudara semua pergi mengahwini orang kafir dan membawanya datang percaya kepada Tuhan. Saudari-saudari di dalam Tuhan tidak berani mengambil risiko yang besar ini. Mereka bagai si bisu berasian, terasa ada terkatakan tidak.
- (3) Peluang yang baik akan tiba pada bila-bila masa. Saudara dan saudari silalah sentiasa berada di dalam “keadaan yang terbaik”. Percakapan yang sopan, pakaian yang bersesuaian, kehidupan yang bahagia dan berwarna-warni akan memancarkan daya tarikan yang menarik secara semulajadi.

PELAJARAN 2: KUARTET KEDUA

“YA TUHAN! DIAKAH ORANGNYA?” - PEGANG PERINGKAT PERCINTAAN

OBJEKTIF PELAJARAN:

1. Menggalakkan belia utnuk banyak menyertai kerja suci dan meluaskan lingkungan kawan-kawan dalam Tuhan.
2. Membiarkan belia saling memeriksa samada syarat-syarat dalam pencarian pasangan bersesuaian.
3. Pegang kasih karunia Tuhan dalam peringkat ini
 - a) Pegang kehendak Tuhan tentang “berkahwin di dalam Tuhan”
 - b) Pegang berkat “menjalani upacara perkahwinan di dalam gereja”
 - c) Pegang pelajaran “suami mengasihi isteri, isteri tunduk kepada suami”
 - d) Pegang prinsip “hormati ibu bapa, hormati norma gereja”
 - e) Pegang firman “Tuhan melihat hati lebih penting daripada melihat luaran”
 - f) Pegang “peluang yang baik” untuk Say Yes!

CARA PELAKSANAAN PELAJARAN INI:

1. 30 minit - “Benar-benar ingin memesan seorang “dia””

Sediakan dua keping kertas mahjong. Bahagikan saudara dan saudari kepada dua kumpulan. Pemimpin pelajaran bertanyakan soalan dan setiap kumpulan menuliskan jawapan dalam masa yang diberikan. Selepas 15 minit, jawapan ditampal di bahagian depan untuk dikongsikan soalan demi soalan tanpa membuat ulasan panjang.

Aktiviti ini membantu pemimpin pelajaran memahami suara hati para belia dengan lebih mendalam. (Lampiran 1: soalan rujukan)
2. 60 minit - Masa untuk pemimpin pelajaran (dari keadaan teragak-agak kepada pengenalanpastian) (Lampiran 2)
3. 30 minit - Jamuan + suara hati / kesaksian telangkai (atau penatua / diaken)

LAMPIRAN 1: BENAR-BENAR INGIN MEMESAN SEORANG “DIA” - SOALAN RUJUKAN

1. Berdasarkan syarat-syarat dalam pencarian pasangan, senaraikan “top 5” daripada butiran “rupa”, “perwatakan”, “pendidikan”, “kepercayaan”, “syarat ekonomi”, “kesihatan”, “dapat berbual” dan “keseronokan hidup”.
2. Tiga butiran “cadangan dari hati nurani” kepada “saudara” dan “saudari” di dalam Tuhan. (Saudara menulis kepada saudari dan saudari menulis kepada saudara) (Harus mengandungi pembangunan kasih dan jangan menggunakan kata-kata yang melukai perasaan orang lain)
3. Apakah kelebihan menjalani upacara perkahwinan di dalam gereja? (Senaraikan 3 butir)
4. Kekurangan berkahwin dengan orang kafir? (Senaraikan 5 butir)
5. Tulis prosedur untuk perkahwinan di dalam gereja? (Soalan pengetahuan am)
6. Bagi segala perbelanjaan untuk menjalani upacara perkahwinan di gereja, jamuan yang ringkas dan perbelanjaan lain, berapa anggaran belanjawan anda?
7. Pilih sepasang suami isteri yang paling kamu kagumi di gereja tempatan. Mengapa mereka?
8. Apa faktor utama yang boleh menyebabkan kamu rela mengakhiri zaman bujang yang bahagia lalu berkahwin?
9. Peratusan bagi daya pengaruh ibu bapa dalam membuat keputusan untuk perkahwinan diri sendiri. Mengapa?
10. Gambarkan tentang jodoh yang sempurna dalam fikiran anda (Soalan suka-suka, sebenarnya mereka tidak wujud).

LAMPIRAN 2: “YA TUHAN! DIAKAH ORANGNYA?” - PEGANG PERINGKAT PERCINTAAN

Peringkat percintaan selalunya bagai menanti laki pulang maling. Peringkat ini manis tetapi juga bingung. Ketika berdoa kepada Tuhan, kita bertanya: “Ya Tuhan! Diakah orangnya?” Kita benar-benar berharap Tuhan terus bersuara dan memberi petunjuk kepada kita serta memberikan kita jaminan bahawa “hanya dia seorang sahaja dan bahagia selamanya”.

Hakikatnya, tidak ada jodoh yang sempurna. Adam juga memerlukan Hawa untuk membantunya menjadi seorang yang sempurna. Rahsia suami isteri satu daging terletak pada mereka saling membimbing dan saling menarik antara satu sama lain. Kasih Tuhan dapat menghubungkan lelaki dan perempuan yang pada asalnya saling tidak mengenali dan dengan keperibadian yang sangat berbeza untuk menjadi satu daging. Asalkan mereka percaya dan bersandar kepada Tuhan, telangkai yang agung ini, “Ya Tuhan! Diakah orangnya?”

Tuhan akan bertanya kepada kamu: “Adakah kamu sudi mengasihinya dan tunduk kepadanya?”

Asalkan kamu sudi, belajar mengasihi dia dengan kasih Tuhan, dialah orangnya. Sangat mudah dan jelas, bukan?

Apa kasih karunia yang perlu dipegang dalam peringkat bercinta ini?

1. **Pegang kehendak Tuhan tentang “berkahwin di dalam Tuhan”**

Memang benar, kita melihat banyak contoh yang berkahwin dengan orang kafir. Kita juga melihat kekesalan ramai saudari yang belum menemui jodoh di dalam Tuhan walaupun selepas masa yang lama. Hati kita akan berfikir: “Siapa yang bukan berkahwin dulu dan kemudian datang percaya? Bukankan dia juga datang menghadiri kebaktian?” atau “jika terus tunggu lagi, saya akan menjadi sebahagian daripada mereka yang “tidak berkahwin”!”

Kehendak Tuhan tidak akan dikompromikan oleh kacau-bilau zaman dan iman yang kecil. Ramai yang kehilangan kepercayaan kerana berkahwin dengan orang kafir. Bilangan kecil yang bernasib baik dan dipilih oleh Tuhan untuk menjadi orang di dalam rumahNya tidak harus dijadikan sebagai alasan untuk kita berkahwin dengan orang kafir tanpa mempedulikan apa-apa. Orang kafir bukan “orang jahat”. Namun oleh sebab kepercayaan yang tidak sama, suami dan isteri tidak dapat berkongsi tentang kepercayaan yang paling penting dalam kehidupan, tidak dapat melayani dan mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati, ini merupakan perjalanan perkahwinan yang sangat sukar.

A. Berkahwin di dalam Tuhan merupakan kehendak Tuhan yang indah, harus terimanya secara murni. Sila rujuk dan baca (2 Kor 6:14) (1 Kor 9:5) (Ul 7:3-4) (Neh 13:23-27) (Yos 23:11-13)

B. Rebut peluang untuk berkahwin di dalam Tuhan

Nyatakan keperluan sendiri kepada telangkai. Harus selalu menghadiri aktiviti dalam gereja, sediakan “kecantikan kerohanian” diri sendiri dan jangan mengabaikan “kecantikan luaran”, banyakkkan berdoa untuk hal perkahwinan dan jangan terlalu jual mahal.

2. **Pegang berkat “menjalani upacara perkahwinan di dalam gereja”**

A. **Borang permohonan perkahwinan**

Borang permohonan mengadakan perkahwinan di dalam gereja: berkuatkuasa dengan tandatangan pengantin lelaki, pengantin perempuan, orang yang memperkenalkan / telangkai, tuan rumah pihak lelaki dan perempuan, orang yang bertanggungjawab, pendeta (penatua / diaken). Jika pengantin lelaki dan perempuan masing-masing kudus sebelum berkahwin, maka bolehlah mengadakan upacara perkahwinan di dalam gereja untuk mendapatkan berkat Tuhan dan para hadirin

Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian					Lokasi	Tarikh	Perempuan	Lelaki	Nama
<p>1. Pengantin lelaki dan dan pengantin perempuan yang merupakan pemercaya gereja ini, memelihara "kekudusan" sebelum berkahwin, sudi mengadakan upacara perkahwinan di dalam gereja harus mengemukakan permohonan dua minggu sebelum tarikh berkahwin dan berhubung dengan gereja untuk menghadiri kursus kaunseling perkahwinan.</p> <p>2. Borang ini harus diisi bersama oleh lelaki dan perempuan, dan lajur tandatangan hendaklah ditandatangani secara peribadi oleh orangnya.</p> <p>3. Orang di bawah umur undang-undang (lelaki di bawah umur ___ tahun, perempuan di bawah umur ___ tahun) tidak boleh berkahwin. Jika orang yang di bawah umur (di bawah umur ___ tahun) mahu berkahwin, menurut undang-undang sivil, harus dapatkan persetujuan wakil sah dari segi undang-undang (biasanya ibu bapa).</p> <p>4. Tidak boleh mengamalkan perkara takhayul memilih tarikh, masa dan lain-lain seperti orang yang belum percaya.</p> <p>5. Jurukamera dan video di dalam upacara perkahwinan diterhadkan kepada satu atau dua orang sahaja. Tidak boleh naik ke mimbar dan mengambil gambar. Minta juruacara untuk mengumumkan perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian terlebih dahulu untuk memudahkan proses mengambil gambar dan mengelakkan salah faham. Selepas upacara perkahwinan selesai, tidak boleh membuang bunga-bunga kertas atau membunyikan meriam kecil.</p> <p>6. Tidak boleh menjamu tetamu dengan rokok dan arak dalam jamuan perkahwinan. Harus sediakan memo yang sesuai dengan peraturan gereja, "rokok dan arak tidak disediakan" di atas meja jamuan.</p> <p>7. Prosedur perkahwinan seperti petugas, kumpulan koir dan lain-lain harus disusun oleh gereja.</p>					Gereja				Tarikh Lahir
					Masa				Kaum
					Anggaran Bilangan Saudara-Mara Yang Menghadiri Upacara		Gereja	Gereja	Gereja Asal
					Pihak perempuan	Pihak Lelaki			Alamat
									Nombor Telefon
Tandatangan			Petugas	Tuan Rumah Pihak Lelaki	Pengantin Lelaki	Orang Yang Memperkenalkan	Tarikh Pertunangan		
			Pendeta (Penatua / Diaken)	Tuan Rumah Pihak Perempuan	Pengantin Perempuan	Tandatangan Peribadi (Cop)			

- B. Kongsikan pengalaman menghadiri upacara perkahwinan yang indah. Merangsang teak para belia dengan keinginan untuk menjalani upacara perkahwinan di dalam gereja dan mendapatkan berkat.
- C. Perbincangan: Jika ada pertalian saudara yang belum percaya kepada Tuhan, boleh minta penatua, diaken dan ahli jawatankuasa dalam gereja untuk memberikan penjelasan dan bantuan.
- D. incangkan tentang kod “temu janji yang selamat”, memelihara “jarak yang selamat” sebelum berkahwin.

3. Pegang pelajaran “suami mengasihi isteri, isteri tunduk kepada suami”

Nampaknya “kasih dan ketaatan” telah menjadi kemuliaan akhlak yang semakin berkurangan dalam dunia kini. Lihatlah kadar penceraian yang dahsyat di sekeliling kita. Tidak kira betapa baiknya syarat bagi sepasang pengantin baru, betapa hebatnya mereka semasa zaman bercinta, betapa mempesonakannya majlis perkahwinan, tetapi jika kekurangan “kasih dan ketaatan”, maka peribahasa bagai tangguk lerak dengan bingkainya nampaknya akan menjadi mitos kuno.

Perkahwinan umat Kristian tidak sama dengan permainan kanak-kanak (Ef 5:22,28-29, 33) (1 Kor 7:2-5). Perjanjian yang teguh ini adalah untuk seumur hidup dan tidak boleh ditinggalkan. Memandangkan tidak boleh meninggalkannya, maka haruslah menguruskan rumah tangga ini sedaya upaya, menjadikannya sebagai syurga di bumi dan menjadi kerajaan Tuhan.

Harus ada persediaan dari segi psikologi bagi “kasih dan ketaatan” sejak zaman bujang lagi. Jika semasa bujang, kamu berlabelkan “berpusatkan individu (individual-centered), Hedonisme”, “Egalitarianisme”, “tidak mahu rugi”, bahkan “selagi saya suka, apa yang tidak boleh”, “Individualisme” dan sebagainya, adalah dikhuatiri bahawa kamu akan “cedera parah” selepas berkahwin. Disebabkan oleh kerumitan perkahwinan, hal-hal yang melibatkan pertalian saudara juga banyak, ditambahkan dengan kelahiran anak-anak, ramai orang yang telah berkahwin tetapi rindu dengan kehidupan semasa bujang ingin melarikan diri dari rumah.

4. Pegang prinsip “hormati ibu bapa, hormati norma gereja”

- A. Ibu bapa pada hari ini berkata: “asalkan orang muda suka sudah memadai, orang tua tidak ada pandangan!” Ini nampaknya sangat berbeza dan tidak dapat dibandingkan dengan perkahwinan zaman dahulu yang berdasarkan “perkataan telangkai atau perintah ibu bapa”. Anak-anak boleh maklumkan dan laporkan kepada ibu bapa bahawa “saya sudah ada calon. Kelak saya akan perkenalkan kepada bapa dan ibu”. Ibu bapa pastinya akan mengucap syukur kepada Tuhan!

Sebenarnya, jika ada penglibatan ibu bapa dalam hal perkahwinan, hormati pengalaman hidup ibu bapa dan perspektif mereka dalam menilai orang, adalah dipercayai bahawa seisi keluarga pasti dapat bergaul dengan gembira selepas perkahwinan selesai. Betapa bahagiannya anak-anak yang mempunyai keprihatinan ibu bapa.

- B. Jika ibu bapa tidak menyukai orang yang bercinta dengan kamu, apa yang harus dilakukan?

Situasi 1: Jangan bimbang, beri masa untuk saling memperhatikan. Jika tahan uji, calon yang baik semakin dilihat, semakin baik. Bagi “calon yang tidak baik” pula, kamu akan mendapati bahawa kamu “benar-benar” tidak sesuai antara satu sama lain.

Situasi 2: “Cinta tidak takut dengan bom atom!” Jangan bermasam muka dan bermusuhan dengan ibu bapa demi membuktikan bahawa diri sendiri ialah “mangsa percintaan”. Jangan meninggalkan rumah kerana cinta. Jangan sesekali menggunakan cara nasi sudah menjadi bubur untuk memaksa ibu bapa bersetuju dengan hal perkahwinan.

Situasi 3: Apa tampangnya, itulah tumbuhnya. “Hormati ibu bapa” adalah berkenan kepada Tuhan. Ibu bapa pada masa kini umumnya dikira “munasabah” dan “mengetahui keadaan semasa”. Adalah perlu untuk memberi ibu bapa suatu tempoh penyesuaian dan pemahaman. Semasa peringkat bercinta, banyakkannya berjalan ke rumah ibu bapa kedua-dua belah pihak. Bantu kerja rumah, maniskan mulut untuk bertanya khabar, ketahui minat dan kesukaan orang tua, terutamanya ketika memerlukan bantuan dalam keluarga, tidak kira samada sakit, ditahan di wad, batuk atau demam, menjadi pemandu dan pemandu pelancong, bahkan dalam persembahan kelab. Usahakan untuk melibatkan diri dan menjadi sebahagian daripada yang diterima secara ikhlas. Cuba fikirkan, jika selamanya hanya berkepit berdua-duaan dan tidak mpedulikan tentang orang lain, ibu bapa pastinya akan merasakan bahawa anak lelaki / anak perempuan mereka telah diculik, bukan?

Norma gereja yang paling penting bagi saudara saudari yang sedang bercinta adalah memelihara kekudusan. Jika berpisah pun, tidak ada kekesalannya. Selain itu, jangan membuatkan orang lain berasa tidak selesa dalam organisasi. Seterusnya, terdapat norma yang ditetapkan jika ingin menjalani “pencarian jodoh”, “meminang”, “upacara pertunangan” dan “upacara perkahwinan”. Boleh minta tunjuk ajar dan bantuan daripada telangkai (rujuk Buku Panduan Kaunseling Perkahwinan).

5. Pegang firman “Tuhan melihat hati lebih penting daripada melihat luaran”

- A. “Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Allah; manusia melihat apa yang di depan mata, tetapi TUHAN melihat hati.” (1 Sam 16:7)

“maka anak-anak Allah melihat, bahwa anak-anak perempuan manusia itu cantik-cantik, lalu mereka mengambil isteri dari antara perempuan-perempuan itu, siapa saja yang disukai mereka.” (Kej 6:2)

- a) Jangan tertarik dengan kecantikan rupa perempuan kafir. Tidak kira betapa baiknya syarat luaran atau betapa cantiknya rupa dia, jika bukan milik kepada Tuhan yang sama, tetap akan ada banyak jurang dalam perkahwinan dan tidak dapat menjadi satu sepenuhnya di dalam Roh Kudus.
 - b) Ketika memilih calon di dalam Tuhan, jangan terus menolak calon yang tidak memenuhi kriteria kamu dalam aspek “penampilan” hanya berdasarkan “pandangan kali pertama” dalam sesi pencarian jodoh. Harus memahaminya secara positif dan kemudiannya membuat pertimbangan.
 - c) Bagi banyak keadaan luaran yang tidak dapat diubah seperti "tinggi dan pendek", "cantik dan hodoh", “latar belakang keluarga”, kita harus terima keadaan semasa. Tidak dapat dinafikan juga bahawa setiap belia harus “menyempurnakan rohani dari segi dalaman dan luaran” sebanyak mungkin. Selain syarat alamiah yang terkumpul, ditambahkan dengan akhlak baik yang rohani, harus “melaksanakan kewajipan sendiri” baru boleh meminta “peluang yang baik” daripada Tuhan.
- B. Umat Kristian juga perlu menguruskan “syarat alamiah dan luaran” dengan “melaksanakan kewajipan sendiri”. Contohnya: jika saudara dapat bersolek ala kadar, menonjolkan kelebihan sendiri, berhias supaya kelihatan bersemangat, kekalkan senyuman, secara langsungnya kaum saudara tidak akan tertarik dengan perempuan cantik kafir secara “tidak sengaja”. Ini kerana di kalangan rakan kerja perempuan yang “mementingkan luaran”, saudara yang muda ternyata murni dan “kuno”. Oleh itu, secara semulajadinya mereka akan disukai oleh ramai rakan kerja perempuan bahkan ada yang perigi mencari timba. Oleh itu, kita berharap para saudara “jangan tangguh lama-lama”. Berkahwinlah di dalam Tuhan secara positif apabila mencapai umur yang sesuai. Setelah berkahwin, hati telah mempunyai lalu menjadi keluarga contoh yang mana seisi keluarga melayani Tuhan.
- C. Bagi kaum saudara pula, jangan mensasarkan mentaliti kaum saudara yang “tidak berani berkahwin dengan orang kafir” lalu menjadi terlalu cerewet, yang satu ini sedikit gemuk, hidung yang itu agak rata, dan menaikkan nilai sendiri sehingga menjadi terlalu tinggi (jual mahal) atau tidak sudi mempersiapkan diri sendiri dengan sebaiknya. Kaum saudara juga harus berpakaian baik dan sopan, berpenampilan baik, ditambahkan dengan kerohanian yang indah, jadilah lelaki yang berbudi bahasa dan dapat memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

6. Pegang “peluang yang baik” untuk Say Yes!

- A. Kadang-kadang, saudara-saudari bercinta untuk 1, 2, 3 bahkan 7, 8 tahun tetapi masih belum berjalan di atas karpet merah dan tidak juga berpisah. Masa muda disia-siakan dengan begitu sahaja.

Alasan yang biasa diberikan ialah a) pertentangan tegas ibu bapa, b) kedua-dua pihak terlalu berhati-hati dan hampir tidak berani menaruh semua perasaan, c) perasaan cinta tidak cukup kuat, enggan melepaskan kebebasan dan faedah menjadi orang bujang, d) keperibadian yang tertentu, tidak dapat mencapai kesepakatan dalam sesuatu perkara, e) masih ada yang “terlalu sibuk, tiada masa untuk berkahwin”, f) duit simpanan belum lagi mencukupi, g) jarak tempat kerja bagi kedua-duanya terlalu jauh, tidak dapat tinggal bersama, h) ada juga yang “terlalu banyak pilihan sehingga rambang mata”, i) alasan yang paling keanak-anakan ialah salah satu pihak tidak mahu anak, j) atau tidak mahu tinggal bersama mertua.

- B. Hakikatnya, dari zaman bujang hinggalah ke zaman berkahwin, semua syarat sememangnya perlu dipenuhi. Apakah maknanya bagi “Say Yes!”?

“Tidak meninggalkannya untuk seumur hidup”, “sudi bersama-sama memikul tanggungjawab dalam mendirikan rumah tangga”, “terima ahli keluarga satu sama lain”, “kesetiaan terhadap cinta antara satu sama lain”, “melepaskan mentaliti semasa bujang dan kehidupan perseorangan”, bahkan “sanggup meletak jawatan dan mencari kerja yang baru”, “walaupun ekonomi tidak kukuh, namun saya sanggup bermula dari kosong dengan kamu”. Dari makna rohani pula, “meninggalkan ibu bapa, menjadi satu daging di mata Tuhan”, “bersama-sama membina keluarga yang memuliakan Tuhan dan memanfaatkan manusia”, “bersama-sama menerima kasih karunia dalam kehidupan dan bersama-sama menempuh jalan surgawi”. Kita memang harus sangat berhati-hati, tetapi jangan juga tertanggung-tanggung. Janganlah tanggung sehingga keghairahan telah hilang, atau sehingga rambut sudah beruban pun masih lagi memerhati. Itu sememangnya ... Orang berkata, “jadilah terkenal sementara masih awal”. Sebenarnya, “berkahwinlah juga sementara masih muda”. Dengan itu, kebahagiaan akan berlipat-ganda.

- C. Saudari-saudari di dalam Tuhan. Jujurnya, peluang lebih cerah sebelum anda berusia 25 tahun. Jangan berpegang erat kepada kebebasan semasa bujang. Sebenarnya, tidak semestinya perlu mempunyai anak dengan segera jika berkahwin awal. Anda masih juga boleh menikmati kehidupan berdua-duaan dengan gembira. Ingin melanjutkan pelajaran, ingin melancong atau ingin membuat simpanan, ini masih boleh diteruskan selepas berkahwin. Tambahan pula, anak-anak merupakan milik pusaka daripada Tuhan. Kita seharusnya bersukacita dan bersyukur. Jika telah mempunyai anak, “awal beranak, awal menamatkan pelajaran”! Apabila anak-anak berdikari semasa anda berada di pertengahan baya, anda mendapatkan semula kebebasan anda. Ini juga merupakan kehidupan manusia yang tidak kurang baiknya.

- D. Kadang-kadang, tidak dinafikan bahawa “nampaknya” syarat-syarat kaum saudari dalam pelbagai aspek seperti tahap pendidikan, kerohanian, kerjaya, kehidupan adalah lebih matang berbanding kaum saudara. Kaum saudara yang belum berkahwin kelihatan agak “kerdil”. Kita yang telah melaluinya harus berkata: “Hai saudari-saudari! Kahwin dahulu dengannya dan kemudian bantulah dia dengan sebaik-baiknya!” Bukankah kita

dapat melihat ramai saudara yang telah berkahwin yang matang, berhikmat dan bahagia di dalam gereja? “Di belakang mereka semua, adanya seorang isteri yang baik yang membantu mereka.” (Sebenarnya, ketika para saudara ini dalam usia 20-an, mereka juga merupakan anak muda yang tidak matang!)

Oleh itu, kaum saudari silalah memandang jauh ke hadapan. Selepas bertahun-tahun dalam kasih karunia, saudara yang “kerdil” pada hari ini pastinya dapat sedepa jalan ke muka, setelempap jalan ke belakang asalkan dia dapat terpelihara di dalam kasih Tuhan. Maka, silalah “Say Yes!” dengan beraninya!

PELAJARAN 3: KUARTET KETIGA “MENGAPA BEGINI?” - PEGANG PERINGKAT BARU BERKAHWIN

OBJEKTIF PELAJARAN:

1. Tahu bahawa Tuhan menjanjikan berkat bagi orang yang baru berkahwin (Ul 24:5)
2. Fahami bahawa “apa tampangnya, itulah tumbuhnya”. Baru berkahwin bermaksud baru mendapatkan tanah milik sendiri. Harus bekerja keras untuk mendapatkan hasilnya.
3. Fahami bahawa pastinya perlu melalui banyak konflik dan penyesuaian dalam peringkat baru berkahwin. Hanya “kasih” yang matang boleh bertolak ansur dan menuju ke peringkat yang lebih indah.
4. Pegang kasih karunia Tuhan dalam peringkat ini
 - a) Pegang berkat bagi sukacita baru berkahwin
 - b) Pegang latihan “peribahasa kasih”
 - c) Pegang janji “rumah tangga ialah kerajaan Tuhan”
 - d) Pegang rahsia “suami dan isteri satu daging”
 - e) Pegang peluang untuk bertumbuh besar dan menjadi matang
 - f) Pegang seni bergaduh

CARA PELAKSANAAN PELAJARAN INI:

1. 30 minit - jemput dua pasangan A & B yang baru berkahwin (paling baik dalam tempoh 1 tahun). Suami dan isteri bermain “permainan tacit”. (Lampiran 1)
2. 60 minit - masa untuk pemimpin pelajaran (dari bingung-bingung → sedar) (Lampiran 2)
3. 30 minit, jamuan + pasangan yang dipilih bermain “permainan tacit” (Lampiran 3)

LAMPIRAN 1: PERMAINAN TACIT I

Dua pasangan A & B yang baru berkahwin diberikan masing-masing sekeping kertas dan sebatang pen. Dua orang dalam satu kumpulan dengan saling membelakangi dan menuliskan jawapan. Satu markah diberikan jika jawapan yang sama diberikan (jawapan yang betul). (Penonton sebagai pengadil)

1. Sila tuliskan tarikh lahir, jenis darah dan tahun kelahiran pasangan anda.
2. Tuliskan nama dan nombor telefon bagi ibu bapa kedua-dua pihak.
3. Apakah perkara yang paling menggembirakan dalam hari-hari selepas berkahwin?
4. Selalunya bertengkar atas sebab apa?
5. Selepas bertengkar, siapa yang terlebih dahulu meminta maaf?
6. Sebelum dan selepas berkahwin, apakah perubahan terbesar bagi kedua-dua orang?
7. Apakah masakan isteri yang paling hebat?
8. Apakah minat suami?
9. Selain sayur-sayuran dan barang-barang kegunaan harian, apa yang paling sering dibeli oleh isteri?
10. Berapa kali kedua-duanya berdoa bersama dalam seminggu? (masa di gereja tidak dikira)

LAMPIRAN 2: “MENGAPA BEGINI?” - PEGANG PERINGKAT BARU BERKAHWIN

Berapa panjang “tempoh baru berkahwin”? Sesetengah pasangan baru telah manis untuk masa yang lama. Sesetengahnya pula mula bergaduh semasa berbulan madu. Contohnya kita membeli sepasang kasut baru yang cantik. Selepas dipakai beberapa ketika, kasut itu menjadi sesuai dengan kaki dan dipakai dengan selesa dan seolah-olah telah menjadi sebahagian daripada tubuh badan kita. Itu adalah memasuki “tempoh stabil”. Nampaknya, “baru berkahwin” sememangnya dipenuhi dengan “segar / baru”, “manis”, “konflik”, iaitu dari “bingung-bingung” melangkah ke peringkat “sedar”, bukankah begitu? Dari zaman percintaan di mana keduanya berusaha untuk mengekalkan imej, sampailah ke masa melihat orang yang tidur di sisinya bangun dari tidur, dengan nafas yang berbau busuk, rambut berantakan dan ditambahkan lagi dengan berlengah-lengah untuk bangun dari tidur, ini sememangnya membuatkan seseorang benar-benar “sedar”.

(Ul 24:5) “Apabila baru saja seseorang mengambil isteri, janganlah ia keluar bersama-sama dengan tentara maju berperang atau dibebankan sesuatu pekerjaan; satu tahun lamanya ia harus dibebaskan untuk keperluan rumah tangganya dan menyukakan hati perempuan yang telah diambalnya menjadi isterinya.”. Nampaknya Tuhan sudi membiarkan pasangan suami isteri yang baru berkahwin melalui hari-hari mereka dengan bahagia, saling mengenali dan saling memuaskan antara satu sama lain dalam keadaan yang kurang tekanan.

Apa kasih karunia Tuhan yang perlu dipegang dalam peringkat ini?

1. Pegang berkat bagi sukacita baru berkahwin

Kebanyakan orang hanya mempunyai sekali sahaja “tempoh baru berkahwin” dalam seumur hidup dan biasanya adalah pada usia yang muda dan bahagia. Akhirnya, anda dapat bersama-sama dengan orang yang anda kasihi. Tentu sekali, anda akan mempunyai perasaan “Saya mahu menunjukkan prestasi yang baik, saya mahu mengasihi dia dengan sebaiknya”. Tidak kiralah suami membantu mengemop lantai, membasuh pinggan mangkuk, isteri menyediakan masakan (tidak terlalu terlatih), bersama-sama membeli sayur-sayuran dan barang-barang, bersama-sama ke gereja, semuanya adalah begitu segar dan dipenuhi dengan suasana “rumah tangga baru” yang bahagia.

Adalah dicadangkan supaya semua memegang peluang bagi tempoh sebelum kedatangan anak-anak dengan mencuba memainkan peranan baru sebagai menantu perempuan dan menantu lelaki dengan sebaiknya. Binalah model rumah tangga dengan sebaiknya. Selalulah pergi melancong. Tinggalkan lebih banyak kenangan untuk masa-masa yang istimewa ini.

2. Pegang latihan “peribahasa kasih”

Dikatakan “latihan” nampaknya terlalu berat. Namun, kadang-kadangnya memang sedemikian. “Kasih” dalam (1 Kor 13) dimulakan dengan sabar dan diakhiri dengan sabar. Sebelum berkahwin, ia adalah untuk dinyanyikan. Selepas berkahwin, ia digunakan untuk membuat permohonan sendiri di dalam doa. Mengapa ramai yang suka menyanyikan “Kasih”

dalam upacara perkahwinan? “Kasih itu sabar dan murah hati ... Kasih tidak berkesudahan.” Air mata memenuhi mata pengantin baru selepas mendengarnya. Saudara-saudari yang hadir pula sekali lagi membuat refleksi.

“Kasih”! Memang tidak mudah. Kasih manusia terlalu rapuh dan lemah. Rumah tangga baru harus dibasahi dengan kasih Tuhan untuk mendapatkan sumber kasih yang tidak berkesudahan.

3. **Pegang janji “rumah tangga ialah kerajaan Tuhan”**

- A. Mzm 128 menggambarkan bahawa orang yang takut akan Tuhan, yang hidup menurut jalan yang ditunjukkanNya pasti akan terima berkat dalam rumah tangganya. Secara jujurNya, di manakah kerajaan Tuhan dalam zaman akhir? Di gereja dan rumah tangga setiap orang. Rumah tangga juga merupakan kebun anggur yang diberkati oleh Tuhan. Hanya di sini sahaja seisi keluarga dapat melepaskan kerja keras dan beban berat lalu bersama-sama menikmati kasih karunia Tuhan.
- B. Apabila engkau memakan hasil jerih payah tanganmu, berbahialah engkau dan baiklah keadaanmu!
- C. Isterimu akan menjadi seperti pohon anggur yang subur di dalam rumahmu; anak-anakmu seperti tunas pohon zaitun sekeliling mejamu!
- D. “Sesungguhnya demikianlah akan diberkati orang laki-laki yang takut akan TUHAN.” Peganglah janji yang diberkati ini memandangkan telah percaya kepada Tuhan. Jika tidak, ianya sia-sia.

4. **Pegang rahsia “suami dan isteri satu daging”**

Suami dan isteri bukannya dua orang sahabat karib yang tinggal bersama. Hubungan ini adalah unik di dalam dunia iaitu “menjadi satu daging”. Dalam buku yang dituliskan oleh Zhao Yunxia dan rakan-rakan menjelaskan kenikmatan di dalam bilik tidur merupakan mujizat indah yang paling rahsia antara suami dan isteri. Penyatuan yang sejati berasal dari Roh Kudus. Hubungan seks dalam perkahwinan adalah diberkati oleh Tuhan. Selainnya, tidak kira pasangan lelaki dan perempuan yang belum berkahwin, “makan luar” atau pelbagai paparan hiperbola di dalam media massa, semuanya dikeji oleh Tuhan. Apa yang perlu dirindui oleh para belia ialah kasih yang sejati dalam perkahwinan.

Pasangan yang baru berkahwin harus mempunyai sedikit pengenalan tentang kenikmatan di dalam bilik tidur antara suami dan isteri:

- A. Tidak sesekali membenarkan kewujudan pihak ketiga selepas berkahwin. Kita merupakan “kebun tertutup, kebun tertutup dan mata air termeterai”, hanya boleh dinikmati oleh kekasih sendiri sahaja.
- B. Gabungan sempurna dari segi, roh, jiwa dan tubuh jasmani merupakan niat asal Tuhan mengasaskan perkahwinan.

- C. Harus saling melayani dengan memenuhi kewajiban terhadap satu sama lain, penuhi keperluan pasangan.
- D. Kuasa ke atas tubuh badan diserahkan kepada pasangan, tidak berkuasa untuk menolak pasangan.
- E. Tidak boleh berhenti daripada tinggal sebilik sehingga memberi peluang kepada Iblis, (kecuali berpisah bilik sementara untuk berdoa).

5. **Pegang peluang untuk bertumbuh besar dan menjadi matang**

- A. Kongsikan tentang peningkatan kematangan terbesar sebelum dan selepas berkahwin.
- B. Di dalam perkahwinan, tersembunyi kehendak indah Tuhan yang mahu menguji manusia. Pasangan yang baru berkahwin akan mendapati banyak perkara harian yang remeh-temeh dan tindak balas emosi... “Mengapa begini?”
 - Gembirakan pasangan dalam apa jua perkara. Korbankan kebebasan semasa bujang, contohnya bersiar-siar pada waktu malam, bersembang dengan beberapa orang sahabat karib.
 - Rela bekerja keras (kerja rumah, kanak-kanak, kerjaya). Tidak meminta bantuan daripada ibu bapa (terutamanya berdikari dari segi ekonomi, jangan melaporkan semua hal-hal kecil).
- C. Kasih dan mengejar realisasi diri adalah berlawanan
 - Tuhan berkenan andai kita saling berkorban, mengerjakan rumah tangga dan memuliakan Dia.
 - Tuhan akan memberkati pasangan suami isteri yang taat sehingga mendapat kebahagiaan yang melampaui jangkauan.
 - Apabila berhadapan dengan pasangan yang sangat “tidak betul”, 1: sabar, 2: pimpin kehidupan rohaninya, secara semulajadinya akan dapat melihat Tuhan bekerja.
 - Baru berkahwin merupakan peluang untuk bertumbuh besar dan menjadi matang. Jangan membuatkan ibu bapa bimbang.

6. **Pegang seni bergaduh**

Apa? Bukankah itu menggalakkan pergaduhan? Semestinya bukan!

Bergaduh dalam lingkungan yang selamat memang tidak dapat dielakkan. Semakin bergaduh, semakin jelas dengan batasan dan kesengsaraan pihak yang lain. Jangan lagi terpijak periuk api pada masa yang seterusnya. Tambahan pula, suami isteri harus selalu berkomunikasi. Bergaduh kecil dan luahkan perasaan sekali sekala adalah lebih baik daripada gunung api meletup sehingga tahap yang tidak dapat diselamatkan.

Tujuan pergaduhan: Bukannya pihak yang lain mesti mendengar anda. Sebaliknya, luahkan perasaan dalaman masing-masing dan cari jalan penyelesaian.

Adalah disyorkan supaya suami dan isteri mempunyai “perjanjian pergaduhan” yang sudi dipatuhi oleh kedua-dua orang dan jangan melakukannya lagi.

Berikut sebagai rujukan:

- A. Jangan sesekali menyebut tentang bercerai.
- B. Jangan membuat serangan peribadi. Berbincang hanya mengenai perkara itu sendiri tanpa melibatkan topik lain.
- C. Kekalkan dengan seorang panas baran manakala seorang lagi tenang dan sabar. Janganlah hendak memadam api tengah menyala, disiramkan minyak pula ke atasnya.
- D. Jangan libatkan ibu bapa pihak yang lain, jangan mengadu kepada ibu bapa.
- E. Apabila satu pihak meminta maaf, pihak yang lain harus menerimanya.
- F. Jangan angkat tangan, jangan melempar barang-barang, jangan berpisah bilik tidur.
- G. Jangan memberi peluang kepada Iblis, jangan melakukan dosa, jangan mengutuk.
- H. Kekalkan “tabiat yang baik”. Contohnya tetap menghadiri kebaktian, memegang hari Sabat, Tuhan akan membantu melarutkan api kemarahan dalam hati kita.
- I. Jangan bergaduh di hadapan orang luar (termasuk anak, ibu bapa, kawan).
- J. Jangan mengungkit, kurangkan bergaduh. Jika dapat berbincang dengan baik, maka tidak perlu bergaduh.

LAMPIRAN 3: PERMAINAN TACIT II

Pilih dua kumpulan belia (satu saudara dan satu saudari sebagai satu kumpulan). Seorang sekeping kertas dan bermain “permainan tacit”. Satu markah diberikan jika kedua-duanya menjawab dengan betul.

- 1. Sila tuliskan umur dan jenis darahnya.
- 2. Tuliskan makanan kegemarannya.
- 3. Tuliskan berapa kali seminggu dia datang ke kebaktian.
- 4. Tuliskan destinasi pelancongan kegemarannya.
- 5. Tuliskan perkataan yang selalu diucapkannya.
- 6. Tuliskan apa yang dia suka kumpul.
- 7. Tuliskan di mana keluarganya.
- 8. Tuliskan darjah kerabunannya.
- 9. Teka dia lebih takut sejuk atau takut panas.
- 10. Tuliskan bilangan adik-beradiknya.

PELAJARAN 4: KUARTET KEEMPAT “DIA MEMBUATKAN SAYA GILA!” - PEGANG PERINGKAT IBU BAPA BARU

OBJEKTIF PELAJARAN:

1. Membuatkan belia yang belum berkahwin atau yang baru berkahwin faham bahawa dunia berdua selepas ada anak adalah sangat berbeza.
2. Faham bahawa anak ialah amanah dan milik pusaka Tuhan.
3. Fahami bahawa “beranak pinak” merupakan kewajipan manusia di bawah matahari dan berkat Tuhan.
4. Pegang kasih karunia Tuhan dalam peringkat ini
 - a) Pegang janji tentang “anak-anak ialah milik pusaka daripada Tuhan”.
 - b) Pegang peluang “tahu jasa ibu bapa selepas mempunyai anak”.
 - c) Pegang peringkat membina semula kepercayaan “memohon kepada Tuhan dalam segala hal”.
 - d) Pegang dorongan diri tentang “pengajaran melalui teladan lebih penting berbanding pengajaran lisan”.
 - e) Pegang “perkara yang paling indah di bawah matahari”.

CARA PELAKSANAAN PELAJARAN INI:

1. 30 minit - jemput seorang dua bayi yang baru lahir beserta ibu bapanya. Biar mereka belajar mendukung bayi, membuat susu, memberikan susu, menukar lampin, membuat bayi sendawa, memakaikan pakaian. Jemput ibu bapa untuk menjelaskan rutin bayi dan apa yang ibu bapa lakukan untuk bayi. Bincangkan tentang kehidupan sebelum dan selepas menjadi ibu bapa serta perbezaan dan serangan dari segi perasaan.
2. 60 minit - masa untuk pemimpin pelajaran (Bertahan → ibu bapa yang baik) (Lampiran 1)
3. 30 minit, jamuan + perkongsian kumpulan

LAMPIRAN 1: “DIA MEMBUATKAN SAYA GILA!” - PEGANG PERINGKAT IBU BAPA BARU

Apabila terdapat saudara-saudari yang baru menjadi ibu bapa untuk pertama kalinya, kita akan pergi melawat. Ketika itu, kita sering melihat situasi berikut:

Pakaian, lampin, botol susu dan hadiah anak kecil ada di merata tempat. Meja dan lantai juga tidak berkemas. Ibu dan bapa baru dengan lingkaran hitam di bawah mata panda yang tidak cukup tidur, mereka berkata-kata tentang bagaimana bayi menyusu atau membuang air besar. Dengan itu, bermulalah misi baru dalam hidup manusia. Para ibu bapa yang veteran juga tidak dapat menahan diri daripada berkata: “dia membuatkan kamu gila!” Anak kecil itu menceroboh masuk ke dalam dunia dua orang yang pada asalnya murni. Ini benar-benar bom bayi (baby boom)!

Renung kembali situasi ketika baru menjadi ibu bapa, itu benar-benar boleh digambarkan dengan frasa sehari bagaikan setahun. Mereka kemudiannya mempunyai sedikit pengalaman apabila melahirkan anak yang kedua. Sebenarnya, peringkat ini merupakan satu peringkat yang amat perlu diambil berat. Khususnya bagi rumahtangga kecil, jika tanpa bantuan daripada golongan senior, adalah dikhuatiri bahawa ibu bapa yang baru akan makan tak kenyang, tidur tak lena. Apatah lagi jika berbincang tentang komunikasi roh atau penyempurnaan rohani dan membuat kerja suci. “Bertahan”! Itu yang penting. Dari bertahan hinggalah menjadi ibu bapa yang mahir, apakah kasih karunia yang perlu dipegang di antaranya?

1. Pegang janji tentang “anak-anak ialah milik pusaka daripada Tuhan”.

- A. Ya! “Anak” merupakan milik pusaka daripada Tuhan yang diberikan kepada kamu di dalam dunia. Harta yang paling penting bukan hartanah, bukan simpanan, bukan mana-mana kekayaan yang berbentuk di dalam dunia. Harta di dalam dunia perlu didapatkan dengan melaburkan tenaga manakala anak-anak pula ialah sepenuhnya pemberian Tuhan. Maka adalah lebih perlu bagi kita meletakkan “mereka” di tempat yang pertama / tangga teratas. Penjagaan dan masa yang diberikan mestilah lebih banyak daripada harta yang lain.
- B. Mereka ialah milik pusaka daripada Tuhan. Matlamat keibubapaan adalah untuk menjadikan mereka hamba yang berkenan di hati Tuhan, bukannya supaya anak-anak berjaya atau untuk membiayai dan mentaati diri sendiri.

Milik pusaka “daripada Tuhan” dapat “benar-benar” memuaskan ibu bapa. Dia akan bertumbuh besar, akan berubah dan akan membuatkan anda bimbang. Dia perlu diajari dengan usaha keras seumur hidup ibu bapanya lalu bertumbuh besar dan menjadi orang yang berkenan di hati Tuhan untuk menghibur anda.

2. Pegang peluang “tahu jasa ibu bapa selepas mempunyai anak”.
 - A. Orang muda hanya dapat memahami betapa besarnya jasa ibu bapa selepas mereka sendiri merasai kepayahan membesarkan dan mendidik anak. Dengan itu, mereka akan menghormati dan mengasihi ibu bapa dan mertua dengan lebih ikhlas. Sementara mereka juga sedang dilimpahi dengan kegembiraan menjadi datuk dan nenek, banyakkannya membawa bayi kepada mereka untuk didukung dan banyakkannya meminta tunjuk ajar daripada mereka tentang pengalaman membesarkan anak-anak. Jangan rampas nikmat mereka untuk “bermain dan berseronok dengan cucu” kerana sibuk atau lain-lain alasan.
 - B. Terdapat banyak pasangan suami isteri yang kedua-duanya bekerja dalam zaman ini. Oleh itu, anak mereka perlu diserahkan kepada orang lain untuk diasuh. Janganlah mempunyai fikiran bahawa ibu mertua atau ibu “memang patut”, “seharusnya” membantu saya mengasuh anak bahkan terlalu cerewet tentangnya.

Hakikatnya, anda yang melahirkannya, andalah yang patut mengasuhnya. Jika cukup bertuah, ada ibu mertua atau ibu yang “sudi dan bersedia” untuk membantu mengasuhnya, kita harus lebih bersyukur. Ini kerana mengasuh anak-anak merupakan satu perkara yang amat memakan wang dan tenaga. Jika anak-anak diasuh oleh orang tua, kita juga patut membalas jasa mereka secara hormat dari aspek kewangan, ketaatan dan sikap kita.
3. Pegang peringat membina semula kepercayaan “memohon kepada Tuhan dalam segala hal”.

Ibu bapa baru akan berhadapan dengan banyak perkara yang tidak pernah difikirkan. Contohnya: “Apa yang perlu dilakukan jika anak tidak membuang air besar untuk tiga hari?”, “Apa yang perlu dilakukan jika demam pada waktu tengah malam?”, bahkan “Apa yang perlu dilakukan jika asyik menangis?”. Ibu bapa yang tinggal di kota mungkin akan terus pergi ke bahagian rawatan kecemasan tanpa berfikir panjang. Sebenarnya, tidak lama kemudian, semua akan mendapati bahawa “bantuan yang dapat diberikan oleh doktor juga terbatas”. Apabila ibu bapa sedar tentang ini, mereka akan faham bahawa apa yang boleh dilakukan sebagai ibu bapa dalam melindungi anak-anak adalah begitu kecil sekali. Kita hanya berharap kepada Tuhan dan memohon Tuhan mengasihani. Janji Tuhan kepada kita ialah (Mat 18:19, 21:22). Jika Tuhan ingin melatih “hamba yang istimewa”, Dia juga akan memberikan kita “anak yang istimewa”. Tidak kira apa jua ciri-ciri yang aneh dan sukar ditangani, Tuhan mahu supaya kita tidak berputus asa dan hanya berharap kepada Dia lalu melatih iman dan kesabaran yang melampaui orang biasa. Syukur, kasih karunia Tuhan ternyata lebih sempurna dalam kelemahan manusia.
4. Pegang dorongan diri tentang “pengajaran melalui teladan lebih penting berbanding pengajaran lisan”.
 - A. Dalam Alkitab, terdapat banyak bapa yang berdoa dan mempersembahkan korban untuk anak-anak mereka. Contohnya: Daud mempersembahkan korban untuk Salomo dan Ayub selalu mempersembahkan korban untuk anak-anaknya. Sebagai ibu bapa, perkara pertama yang dapat kita lakukan ialah sujud dan berdoa untuk anak-anak.

- B. Adalah tidak mudah untuk menjadi ibu bapa yang berkenan di hati Tuhan. Adalah sukar bagi ibu bapa biasa di dalam dunia untuk membesarkan anak-anak mereka sehingga menjadi orang yang berdikari dan berguna. Ibu bapa Kristian pula perlu lagi mengajar anak-anak untuk mempertahankan kepercayaan yang murni dan bercahaya seperti bintang-bintang di antara dunia kegelapan. Ini dipanggil sebagai “misi luar biasa”. Sebenarnya, apabila ibu bapa mempunyai teladan yang baik, mereka “memberi sebuah keluarga Kristian kepada anak-anak” dan mendirikan asas kepercayaan yang kukuh. Selepas meninggalkan rumah, anak-anak secara semulajadinya dapat takut kepada Tuhan dan mempertahankan kepercayaan yang diwariskan oleh ibu bapa. Dengan itu, ibu bapa dapat melepaskan beban yang berat ini.
- C. Umumnya, ibu bapa yang semakin mempunyai usaha dalam penyempurnaan rohani menunjukkan kaedah percakapan yang “lemah lembut dan berhikmat” di luar. Apabila sesuatu terjadi, berdoa dulu; selalu memimpin seisi keluarga menghadiri kebaktian, tumpukan perhatian kepada hal-hal Bapa, bukannya memusatkan perhatian kepada kenikmatan atau perkara duniawi. Cakap memang mudah. Apabila melakukannya, banyak kegigihan yang diperlukan. Kiranya Tuhan memimpin jejak langkah kita.
5. Pegang “perkara yang paling indah di bawah matahari”.
- A. “Nikmatilah hidup dengan isteri yang kaukasih seumur hidupmu yang sia-sia, yang dikaruniakan TUHAN kepadamu di bawah matahari, karena itulah bahagianmu dalam hidup dan dalam usaha yang engkau lakukan dengan jerih payah di bawah matahari.” (Pkh 9:9)
- Rumahtangga yang bahagia tentunya bermaksud “suami isteri” + “anak” + “orang tua / golongan senior” hidup bersama dengan gembira. Dalam peringkat baru menjadi ibu bapa, “secara tidak sengaja” akan menjadikan anak sebagai orang yang paling penting dalam semua perkara lalu mengabaikan tentang “suami isteri” yang sepatutnya merupakan watak utama dalam rumah tangga. Suami isteri harus mengelak daripada berpisah tempat tidur untuk tempoh yang panjang. Terdapat isteri yang bertimbang rasa yang risau tentang anak akan mengganggu suami. Namun jika berbuat demikian, suami isteri tidak mempunyai masa untuk bergaul berdua-duaan, tidak bercakap, tidak berkongsi, bahkan tidak berkasih sayang, ini memang kerugian yang besar.
- B. Apakah hubungan yang paling penting dalam rumahtangga? Ini sesuatu yang berbaloi untuk diperhatikan oleh suami isteri dalam setiap peringkat. Ada isteri (atau suami) yang terlalu pembersih dan menyebabkan semua orang boleh ditegur atau dihukum pada bila-bila masa dan berasa gementar di dalam rumah. Ada pula yang menjadikan keperluan anak sebagai prioriti. Apabila suami ingin pergi melancong, isteri pula merasakan bahawa itu terlalu memעותkan, takut anak terkena tiupan angin, lalu si suami terpaksa pergi seorang diri ataupun membatalkan niatnya. Semua orang digalakkan untuk menggaji orang lain untuk menjaga anak-anak sekali sekala lalu suami isteri keluar bertemu janji (dating) sebentar. Bagi yang berani pula, boleh ke luar negara untuk beberapa hari bagi berbulan madu kali kedua. Ini kehidupan yang sangat indah!



**PERSAHABATAN
PERTENGAHAN
BAYA**

PELAJARAN 1: PERINGKAT SEKOLAH RENDAH YANG MENYINARI KEBAHAGIAAN

SATU, PENDAHULUAN

DUA, LIHAT BERAPA MARKAH ANDA?

TIGA, MEMBANGUN DASAR (PERKONGSIAN DAN DORONGAN)

1. Biarlah anak-anak benar-benar mengenali Tuhan
2. Kawalan ke atas tiga alat elektronik - televisyen, komputer, permainan video
3. Kebahagiaan rumah tangga terletak pada banyak berbicara
4. Buat kerja di dalam rumah - bukan membantu ibu membuat kerja
5. Saling melayani dengan lemah lembut, tidak risau tentang pergaduhan
6. Semakin sederhana kehidupan, semakin mesra alam

SATU, PENDAHULUAN

Menjadi ibu bapa benar-benar merupakan satu tugas yang... Tanyalah kepada ahli persahabatan pertengahan baya dan saya percaya anda akan mendapat banyak jawapan yang menakutkan. Walau bagaimanapun, selepas anak-anak dilahirkan, apa yang boleh dilakukan hanyalah terus maju ke hadapan dengan berani. Ia merupakan misi hidup yang mana kita tidak boleh putus asa atau lepas tangan terhadapnya. Adakah milik pusaka daripada Tuhan ini dapat menjadi hiburan dan kebanggaan anda untuk sepanjang hayat? Itu bergantung kepada anda. Wah! Ini sangat serius! Sememangnya memang begitu.

Cuba lihat kepada buku-buku keibubapaan yang boleh didapati. Banyak “mazhab” yang mengajar kita untuk menjadi ibu bapa yang kompeten sehingga menimbulkan ketakutan di dalam hati manusia. Yang manakah buku yang paling sesuai dengan saya? Sebenarnya, Tuhan memberikan “naluri mengasahi anak” kepada setiap ibu bapa. Setiap ibu bapa ada “gaya” dan “kelebihan dan kekurangan” masing-masing yang unik. Tidak ada ibu bapa yang sempurna atau anak yang sempurna di dalam dunia ini. Setelah mempunyai pengenalan awal ini, mungkin anda boleh relaks, layan anak-anak dengan ikhlas menurut firman Tuhan, bersikap lemah lembut dan bersyukur untuk berkongsi berkat pisang masak separak.

Mempunyai anak-anak di tahap sekolah rendah (6-12 tahun) merupakan peringkat yang paling indah. Mereka sudah meninggalkan kenifan pada usia 0-6 tahun namun belum lagi “bertanduk” (12-18 tahun). Ibu bapa harus memegang peluang untuk “membangun dasar”. Apa dasar yang perlu dibangunkan?

DUA, MARI KITA UJI BERAPA MARKAH ANDA SEBAGAI IBU BAPA

Soalan-soalan yang menarik untuk membantu anda membuat refleksi. Satu markah untuk jawapan “Ya”. Jangan kecewa jika mendapat markah yang terlalu sedikit. Kiranya Tuhan membantu kita.

1. Dalam aspek status kepercayaan anak anda, berapa markah anda?
 - (1) Adakah anak-anak tahu berdoa kepada Tuhan apabila menghadapi bahaya atau kesusahan?
 - (2) Semasa kebaktian, adakah anak-anak dapat membuka dan membaca mana-mana ayat dalam Alkitab secara berdikari?
 - (3) Adakah anak-anak suka datang ke gereja? Tidak kira apa jua sebabnya.
 - (4) Semasa berada di rumah, adakah anak-anak akan bertanya kepada ibu bapa tentang soal kepercayaan atau Alkitab?
 - (5) Adakah seisi keluarga mempunyai tabiat tetap untuk berdoa?

2. Dalam aspek penggunaan “tiga alat elektronik” - televisyen, komputer, permainan video bagi anak-anak, berapa markah anda?
 - (1) Sebaik sahaja masa penggunaan yang ditetapkan telah dicapai, selepas diingatkan oleh ibu bapa, dapatkah anak-anak mematuhi perjanjian dan menutup “tiga alat elektronik”?
 - (2) Bagi masa penggunaan “tiga alat elektronik” harian, adakah anak-anak dapat mengehadkannya kepada 90 minit?
 - (3) Selain “tiga alat elektronik”, adakah anak-anak juga mempunyai banyak hobi kegemaran yang lain? Contoh: bersukan, bermain dengan jiran, main catur, membaca dan sebagainya.
 - (4) Adakah ibu bapa jelas dengan isi kandungan dan program yang didedahkan kepada anak-anak dalam “tiga alat elektronik” dan boleh membuat tapisan?
 - (5) Adakah kesihatan visual dan kecergasan fizikal anak-anak baik?

3. Dalam aspek komunikasi ibu bapa - anak, berapa markah anda?
 - (1) Adakah anda bercakap dengan anak anda selama lebih daripada 1 jam setiap hari?
 - (2) Apabila mempunyai kekusutan, adakah anak-anak akan mencari ibu bapa untuk menyelesaikannya, bukan mencari kawan?
 - (3) Adakah anda sering bercakap dengan anak-anak dengan sikap dan kata-kata yang memberi galakan dan lemah-lembut?
 - (4) Adakah anda sering memeluk anak-anak, bercakap dengannya sambil memeluk bahunya atau memeluk pinggangnya?
 - (5) Selain kerja sekolah dan markah peperiksaan, adakah terdapat banyak topik perbualan yang menarik antara ibu bapa dan anak-anak?

4. Dalam aspek anak-anak dapat berkongsi membuat kerja rumah, berapa markah anda?
- (1) Adakah anda memberi peluang dan latihan kepada anak-anak dalam hal membuat kerja rumah semasa dia berusia 3, 4 tahun?
 - (2) Adakah anak-anak mempunyai lebih daripada 5 kemahiran dalam hal membuat kerja rumah?
 - (3) Contoh: lipat kain, cuci piring, sapu lantai, mop lantai, buang sampah, siram bunga, jaga haiwan peliharaan ...
 - (4) Adakah anak-anak berminat dan bersemangat dalam membuat kerja rumah tanpa memerlukan balasan tambahan?
 - (5) Ketika anak-anak melakukannya dengan tidak baik, adakah ibu bapa tetap berterima kasih kepadanya di samping memberikan tunjuk ajar?
 - (6) Adakah anda bangga bahawa anak-anak anda boleh berkongsi membuat kerja rumah?
 - (7) (Ataupun berfikir bahawa ianya membuang masa dan dia tidak dapat melakukannya dengan baik, atau berasa kasihan kepadanya apabila dia membuat kerja rumah?)
5. Dalam aspek suasana keluarga, berapa markah anda?
- (1) Adakah hubungan antara ibu bapa harmoni dan rapat?
 - (2) Teman anak-anak berdoa, atau bercerita, berbisik sebelum tidur ataupun pada masa-masa lain?
 - (3) Adakah ibu bapa sering bergaul dengan anak-anak dalam suasana yang santai / relaks?
 - (4) Adakah rumah sering dipenuhi dengan gelak tawa atau suara-suara perbualan?
 - (5) Adakah anak-anak suka berada di dalam rumah dan bukannya selalu mahu keluar?
6. Dalam aspek samada anda mempunyai konsep nilai hidup tentang “kesederhanaan ialah kecantikan”, berapa markah anda?
- (1) Adakah anda selalu masak di rumah dan bukannya selalu makan di luar?
 - (2) Adakah anak mempunyai tabiat mesra alam yang menjimatkan sumber?
 - (3) (Contoh: pakai baju lama, jimatkan penggunaan air dan elektrik, tulis di kedua-dua belah kertas ...)
 - (4) Adakah anak-anak merasakan bahawa barang yang rosak boleh dibaiki, bukannya terus dibuang lalu membeli yang baru?
 - (5) Adakah anak-anak selalu meminta dibelikan barang-barang atau permainan?
 - (6) Adakah anak-anak sudi berpeluh atau berjalan sedikit, bukannya mesti menaiki kereta dan ditiup dengan penghawa dingin?

TIGA, MEMBANGUN DASAR

Masa sekolah rendah merupakan masa yang paling baik untuk membangunkan dasar. Ibu bapa harus menghargai peringkat anak-anak yang masih lembut dan mudah dibentuk ini untuk kehidupan masa depannya dan untuk amanah Tuhan!

1. Biarlah anak-anak benar-benar mengenali Tuhan - “dan meminta kepada Allah Tuhan kita Yesus Kristus, yaitu Bapa yang mulia itu, supaya Ia memberikan kepadamu Roh hikmat dan wahyu untuk mengenal Dia dengan benar.”

Soalan perbincangan:

- (1) Bagaimana saya membahagikan masa untuk anak-anak menghadiri kelas tuisyen, membuat kerja sekolah dan mendekati Tuhan?
- (2) Dalam Alkitab, “ia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau ia akan setia kepada yang seorang dan tidak mengindahkan yang lain.” Adakah kita dapat menyama-ratakan/ membuat keseimbangan di antara pelajaran sekolah dan kepercayaan? Kongsikan kesaksian anda.
- (3) Bagi kepercayaan anak-anak, selain menghadiri kebaktian kanak-kanak dan memegang hari Sabat, apa lagi usaha yang telah anda lakukan?

Dorongan bersama:

- (1) “Bagiku tidak ada sukacita yang lebih besar dari pada mendengar, bahwa anak-anakku hidup dalam kebenaran.” (3 Yoh 1:4)
 - Kepercayaan anak-anak lebih penting berbanding pelajaran sekolah. Jika kehilangan kepercayaan, ibu bapa pastinya sedih.
 - (2) “Jika dua orang dari padamu di dunia ini sepakat meminta apapun juga, permintaan mereka itu akan dikabulkan oleh Bapa-Ku yang di sorga. Sebab di mana dua atau tiga orang berkumpul dalam Nama-Ku, di situ Aku ada di tengah-tengah mereka.” (Mat 18:19-20)
 - Pupukkan tabiat baik di mana seisi keluarga berkebaktian, saling mendoakan dan berkongsi kasih karunia Tuhan.
 - (3) “Jika semua dombanya telah dibawanya ke luar, ia berjalan di depan mereka dan domba-domba itu mengikuti dia, karena mereka mengenal suaranya.” (Yoh 10:4)
 - Mata anak-anak adalah terang. Mereka belajar daripada tingkah laku ibu bapa, bukan daripada galakan berprofil tinggi.
2. Kawalan ke atas tiga alat elektronik - televisyen, komputer, permainan video - “Karena itu, perhatikanlah dengan saksama, bagaimana kamu hidup, janganlah seperti orang bebal, tetapi seperti orang arif.” (Ef 5:15)

Soalan perbincangan:

- (1) Bincangkan tentang kekusutan atau pengalaman anda dalam aspek penggunaan tiga alat elektronik bagi anak-anak.

- (2) Adakah anak-anak sudi menerima penghadan masa dan tapisan isi kandungan daripada ibu bapa bagi penggunaan tiga alat elektronik? Bincangkan tentang pengalaman yang baik.
- (3) Selain tiga alat elektronik, apa lagi aktiviti rekreasi yang anda reka untuk anak-anak? Bagaimana anda mengalihkan obsesi mereka terhadap tiga alat elektronik tersebut?

Dorongan bersama:

- (1) “dan ujilah apa yang berkenan kepada Tuhan.” (Ef 5:10)
 - Sejak darjah satu lagi, bahkan lebih awal, ibu bapa mesti menetapkan masa bagi penggunaan tiga alat elektronik dan tapis isi kandungannya. Semakin awal dimulakan, ia semakin berkesan!
 - (2) “Sebab itu: Keluarlah kamu dari antara mereka, dan pisahkanlah dirimu dari mereka.” (2 Kor 6:17)
 - Rancangan yang tidak berfaedah, membuang masa atau menyesatkan, jangan ditonton sama sekali.
 - Menonton televisyen merupakan satu tabiat, tidak menonton televisyen juga merupakan satu tabiat.
 - Tabiat membaca yang baik akan memberi manfaat kepada anak-kanak untuk sepanjang hidup mereka.
3. Kebahagiaan rumah tangga terletak pada banyak berbicara - “Berbahagialah setiap orang yang takut akan TUHAN, yang hidup menurut jalan yang ditunjukkan-Nya! Isterimu akan menjadi seperti pohon anggur yang subur di dalam rumahmu; anak-anakmu seperti tunas pohon zaitun sekeliling mejamu!” (Mzm 128:1,3)

Soalan perbincangan:

- (1) Kongsi tentang suasana dan keseronokan bagi sekeluarga mengelilingi meja untuk makan bersama.
- (2) Apakah topik-topik perbualan bagi komunikasi ibu bapa - anak dalam keluarga anda?
- (3) Adakah anak-anak suka berbual dengan ibu bapa? Mengapa?

Dorongan bersama:

- (1) “Segenggam ketenangan lebih baik daripada dua genggam jerih payah dan usaha menjaring angin.” (Pkh 4:6)
 - Tidak kira betapa sibuknya dengan kerjaya, kerja suci atau kerja rumah, harus bercakap dengan anak-anak setiap hari dengan penuh perhatian.
- (2) “Berkat Tuhanlah yang menjadikan kaya, susah payah tidak akan menambahinya.” (Ams 10:22)
 - Ketika bercakap dengan anak-anak, harus ubahsuai perasaan, sentiasa menggalakkan mereka dengan optimise, kehangatan dan arah yang betul.

(3) “Perkataan yang diucapkan tepat pada waktunya adalah seperti buah apel emas di pinggan perak.” (Ams 25:11)

- Sepatah perkataan boleh mengubah hidup anak-anak.

4. Buat kerja di dalam rumah - bukan membantu ibu membuat kerja - “Biarlah ayahmu dan ibumu bersukacita, biarlah beria-ria dia yang melahirkan engkau.” (Ams 23:25)

Soalan perbincangan:

- (1) Kongsikan tentang perjalanan anak-anak belajar membuat kerja rumah dan kebaikannya.
- (2) Mengapa anak-anak tidak suka membuat kerja rumah? Renungkan tentang apakah ganjaran daripada anda.
- (3) Bagaimana anda menggalakkan anak-anak membuat kerja rumah? Adakah memberikan ganjaran dalam bentuk wang saku merupakan kaedah yang sesuai?

Dorongan bersama:

(1) “Anak-anakpun sudah dapat dikenal dari pada perbuatannya, apakah bersih dan jujur kelakuannya.” (Ams 20:11)

- Sejak kecil lagi, beri peluang kepada mereka dan puji mereka. Setiap anak merupakan pembantu yang sangat baik.

(2) “Hati si pemalas penuh keinginan, tetapi sia-sia, sedangkan hati orang rajin diberi kelimpahan.” (Ams 13:4)

- Nilai membuat kerja rumah: memupuk anak-anak supaya dapat memdirikan rumah tangga sendiri yang bahagia selepas meninggalkan ibu bapa.

5. Saling melayani dengan lemah lembut, tidak risau tentang pergaduhan - “Hai anak-anak, taatilah orang tuamu di dalam Tuhan. Dan kamu, bapa-bapa, janganlah bangkitkan amarah di dalam hati anak-anakmu, tetapi didiklah mereka di dalam ajaran dan nasihat Tuhan.” (Ef 6:1,4)

Soalan perbincangan:

- (1) Apa pengalaman peribadi tentang (Ef 6:4)?
- (2) Adakah pergaduhan mudah terjadi di antara ibu bapa dan anak-anak di dalam keluarga? Pada pandangan anda, adakah “sikap yang lemah lembut” dan “sikap yang tegas / keras” akan membawa kepada kesan jangka panjang yang berbeza?
- (3) Pernahkah mempunyai pengalaman bergaduh sehingga tahap yang tidak dapat dipulihkan lagi? Jika ada, pada pandangan anda, bagaimana dapat bergaduh “secara baik”? Ada sebarang pengalaman?

Dorongan bersama:

(1) “dan hiduplah di dalam kasih, sebagaimana Kristus Yesus juga telah mengasihi kamu.” (Ef 5:2)

- Pergaduhan memang tidak dapat dielakkan dalam pergaulan keluarga, namun kasih selamanya merupakan pelincir yang paling baik.

(2) “Apabila kamu menjadi marah, janganlah kamu berbuat dosa: janganlah matahari terbenam, sebelum padam amarahmu dan janganlah beri kesempatan kepada Iblis.” (Ef 4:26,27)

- Perhatikan kata-kata yang diucapkan semasa marah. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

(3) “Hendaklah kamu selalu rendah hati, lemah lembut, dan sabar. Tunjukkanlah kasihmu dalam hal saling membantu. Dan berusaha memelihara kesatuan Roh oleh ikatan damai sejahtera.” (Ef 4:2,3)

- Dengan adanya ibu bapa yang lemah lembut, akan adanya anak-anak yang lemah lembut. Berkomunikasi secara munasabah dan harmoni.

6. Semakin sederhana kehidupan, semakin mesra alam - “Tetapi Yesus berkata: “Biarkanlah anak-anak itu, janganlah menghalang-halangi mereka datang kepada-Ku; sebab orang-orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Sorga.” (Mat 19:14)

Soalan perbincangan:

(1) Anak-anak merupakan manusia yang boleh hidup secara sederhana. Di dalam rumah anda, adakah anda membekalkan terlalu banyak barang kepada anak-anak? Adakah anak-anak benar-benar memerlukan begitu banyak barang? (Contoh: mainan, buku, makanan sampah, terlalu banyak daging, telur, susu ...)

(2) Adakah persahabatan pertengahan baya boleh mengadakan satu pasaran lambak untuk bertukar barangan?

(3) Sila kongsi tentang apa-apa tabiat yang mesra alam di dalam rumah.

Dorongan bersama:

(1) “Orang yang kenyang menginjak-injak madu, tetapi bagi orang yang lapar segala yang pahit dirasakan manis.” (Ams 27:7)

- Bekalan kanak-kanak zaman sekarang terlalu banyak. Mereka tidak merasakan perlunya untuk menghargainya dan tidak tahu bersyukur. Kita harus mengendalikan rumah tangga yang sederhana dalam hidup tetapi kaya / berkelimpahan di dalam hati dan rohani.

(2) “Lebih baik sepiring sayur dengan kasih dari pada lembu tambun dengan kebencian.” (Ams 15:17)

- “Lebih baik sedikit barang dengan disertai takut akan TUHAN dari pada banyak harta dengan disertai kecemasan.” (Ams 15:16)
- Luangkan lebih banyak masa untuk menguruskan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak, kurangkan masa untuk mencari keuntungan bagi membeli barang-barang yang telahpun mencukupi.

PELAJARAN 2: ARTIKEL SEKOLAH MENENGAH “TIDAK MELAMPAUI BATAS DALAM PERKARA- PERKARA BESAR, KESILAPAN DALAM PERKARA- PERKARA KECIL DIPERBOLEHKAN”

SATU, PENDAHULUAN

DUA, LIHAT BERAPA MARKAH ANDA?

TIGA, SUKACITA PERKONGSIAN

1. Biarlah anak-anak berkorban, memikul kerja-kerja di dalam rumah tangga dan gereja.
2. Yakin dengan kebolehan dan kelebihan anak-anak.
3. Pendidikan gender bermula dengan ibu bapa.
4. Biarlah anak-anak mempunyai masa-masa muda keremajaan yang gembira dan berwarna-warni.
5. Buat persediaan untuk meninggalkan rumah - disiplin diri dan keupayaan penjagaan diri.

SATU, KATA PENDAHULUAN

Selepas melalui peringkat anak-anak yang naif dan comel, ramai akan datang memberi amaran kepada anda: “Hari-hari baik sudah berakhir, sudah tiba masanya untuk memasuki tempoh berperang...” ataupun memberikan cadangan: “Ketatkan kawalan! Ini ialah usia bila mana mereka mudah menjadi jahat dan berkawan dengan kawan-kawan yang jahat.” Walau bagaimanapun, apabila anak-anak bertambah besar saban hari, adakah bertambah hikmatnya, makin dikasihi oleh Tuhan dan manusia?

Sebelum ini, jika anak-anak dapat berbual tentang apa sahaja dengan ibu bapa, suka menghadiri kebaktian, bahkan mempunyai rakan rapat di dalam gereja, tahniah diucapkan kepada anda. Ini kerana pada peringkat ini, mereka sudah mempunyai titik dasar yang baik. Roh dan kasih karunia ada di atas mereka. Jangan menakutkan diri sendiri dan bergaul dengan anak-anak dengan rasa tidak percaya dan kebimbangan. Sebaliknya, kita harus meluangkan lebih banyak masa untuk menyempurnakan rohani diri sendiri supaya kita dapat menggunakan kelemahan-lembutan dan hikmat yang diberikan oleh Tuhan untuk menyelaraskan mentaliti semasa bergaul dengan anak-anak.

Jika anak-anak “tidak melampaui batas dalam perkara-perkara besar”, maka ibu bapa harus tahu “kesilapan dalam perkara-perkara kecil diperbolehkan”. Contohnya: anak-anak tahu hidup dengan mematuhi firman Tuhan, itulah “tidak melampaui batas dalam perkara-perkara besar”.

Maka jika mereka mengambil masa selama 20 minit ketika menyisir rambut atau bercermin, tutup sebelah mata sahaja. Sekali-sekala, mereka keluar jalan-jalan dengan kawan-kawan, atau membeli barangan yang kecil, ibu bapa juga harus menghormati anak-anak bahawa mereka boleh membuat keputusan sendiri untuk sesetengah perkara. Kawalan penuh dan jaring perlindungan yang kedap udara pastinya akan ditentang dengan hebat. Setelah anak-anak bertumbuh besar, kita harus melepaskan tangan secara berhikmat. Jika pegang anak-anak dengan ketat, hubungan ibu bapa-anak pastinya akan menjadi sangat tegang. Selain itu, anak-anak juga tidak dapat belajar menilai perkara-perkara tertentu. Apabila mereka meninggalkan rumah untuk ke peringkat institusi pengajian tinggi, dikhuatiri mereka benar-benar akan ... pergi tak kembali.

DUA, MARI KITA UJI BERAPA MARKAH ANDA

Mari uji berapa markah anda sebagai ibu bapa. Satu markah untuk jawapan “Ya”. Soalan-soalan yang menarik. Relaks!

1. Dalam aspek anak-anak telah mempunyai kebolehan “memikul sebahagian tanggungjawab di dalam rumah tangga dan gereja” semasa berada di sekolah menengah, berapa markah anda?
 - (1) Anak-anak dapat mengemas bilik sendiri (katil, meja belajar), pada dasarnya cukup kemas?
 - (2) Anak-anak telah memikul kerja melayani Tuhan di dalam gereja secara tetap?
 - (3) Anak-anak dapat bekerjasama dengan seluruh keluarga dalam hal pembersihan, cuci piring, ‘runner’, melayan tetamu dan sebagainya?
 - (4) Bagi tugas yang diagihkan oleh gereja, anak-anak dapat setia dan menepati masa serta mempunyai keghairahan dalam mempelajarinya?
 - (5) Anak-anak mempunyai sedikit pemahaman tentang pendapatan dan perbelanjaan keluarga di samping mempunyai konsep tentang menjimatkan wang?

2. Dalam aspek yakin dengan kebolehan dan kelebihan anak-anak, berapa markah anda?
 - (1) Adakah anda memahami kebolehan dan kelebihan anak-anak?
 - (2) Adakah anda akan meluangkan masa atau wang tambahan untuk memupuk kebolehan dan kelebihan anak-anak?
 - (3) Jika prestasi pelajaran anak-anak tidak memuaskan, adakah anda masih yakin dengan prestasi baiknya dalam bidang lain supaya anak-anak dapat hidup secara positif dan yakin dengan konsep kendirinya?
 - (4) Adakah anda memahami kelebihan anda sebagai ibu bapa?
 - (5) Adakah anda akan berbincang tentang perancangan hidup dengannya di samping membekalkan beberapa maklumat untuk pemahamannya?

3. Dalam aspek pendidikan gender, berapa markah anda?
 - (1) Sejak anak-anak kecil lagi sehingga sekarang, adakah anda secara alami dapat berkongsi tentang pengetahuan seks yang dia mahu tahu?
 - (2) Adakah anda akan membantu mendandan anak-anak untuk menjadi anak lelaki kacak atau anak perempuan cantik?
 - (3) Sebagai suami isteri, adakah anda akan menunjukkan pertuturan dan perbuatan yang saling mengasihi dan saling menghormati di hadapan anak-anak?
 - (4) Adakah buku-buku yang berkaitan dengan pendidikan gender yang sesuai dengan umur anak-anak disediakan di rumah?
 - (5) Apabila mendapati anak-anak mempunyai kawan berlainan jantina yang amat disukai, adakah anda akan menghormati perasaan juvenilnya tanpa mengejek atau menghalanginya?

4. Dalam aspek biarlah anak-anak mempunyai masa-masa muda keremajaan yang gembira dan berwarna-warni, berapa markah anda?
 - (1) Adakah anak-anak selalu tersenyum?
 - (2) Selain kerja sekolah, adakah anak-anak masih mempunyai masa untuk rekreasi kegemarannya?
 - (3) Adakah anak-anak sering berkongsi dengan ibu bapa tentang hal-hal besar atau kecil di antara dia dengan rakan-rakan sekelas dan kawan-kawannya?
 - (4) Berapa banyak perjalanan / pelancongan yang tidak dapat dilupakan yang dibuat oleh seisi keluarga dalam sepanjang tahun?
 - (5) Adakah anda memuaskan perasaan anak-anak secara bersesuaian dalam aspek dandanannya?

5. Dalam aspek buat persediaan dari segi kebolehan berdikari untuk meninggalkan rumah - disiplin diri dan keupayaan penjagaan diri, berapa markah anda?
 - (1) Adakah anak-anak mempunyai kemahiran yang tertentu dalam soal pengurusan masa?
 - (2) Adakah anak-anak dapat mengurus dirinya dalam semua aspek ketika ibu bapa pergi melancong sekali-sekala?
 - (3) Adakah anak-anak mempunyai pengalaman bekerja untuk mendapatkan wang? Atau telah mempunyai konsep tentang mengehadkan perbelanjaan berdasarkan pendapatan?
 - (4) Adakah anak-anak mempunyai kebolehan asas untuk memegang firman, dapat menolak aktiviti-aktiviti dan buku-buku yang tidak baik?
 - (5) Adakah anak-anak tidak lagi bergantung kepada ibu bapa dari segi emosinya?

TIGA, SUKACITA PERKONGSIAN

Ibu bapa yang mempunyai anak-anak di peringkat sekolah menengah harus saling memberi galakan. Dengarlah perkara-perkara indah rumah tangga orang lain. Prinsipnya, jangan sebarkan kepada orang lain!

1. **Biarlah anak-anak berkorban, memikul kerja-kerja di dalam rumah tangga dan gereja**

“Sementara itu makin besarlah Samuel yang muda itu di hadapan TUHAN.” (1 Sam 2:21)

“dan ia menjawab: “Ya, bapa.” “Berbicaralah, sebab hamba-Mu ini mendengar.”” (1 Sam 3, 6,10)

Soalan perbincangan:

- (1) Bagaimana ibu bapa membuatkan anak-anak pada peringkat ini membantu dalam kerja rumah sama seperti ketika mereka berada di sekolah rendah? (Mengatasi tekanan berat kelas tuisyen, kerja sekolah, bakat...)
- (2) Apa pelayanan yang pernah dilakukan oleh anak-anak? Bagaimana anda memberi galakan dan bimbingan kepada mereka?
- (3) Pada pandangan anda, bagaimana keghairahan ibu bapa dalam kerja-kerja gereja dapat mempengaruhi anak-anak?
- (4) Apa pertumbuhan anak-anak semasa membuat kerja rumah dan kerja suci?

Dorongan bersama:

- (1) “Dan Samuel makin besar dan TUHAN menyertai dia dan tidak ada satupun dari firman-Nya itu yang dibiarkan-Nya gugur.” (1 Sam 3:19)
 - “Tuhan menyertai dia”. Inilah yang patut kita usahakan sebagai ibu bapa.
- (2) “karena dosa yang telah diketahuinya, yakni bahwa anak-anaknya telah menghujat Allah, tetapi ia tidak memarahi mereka!” (1 Sam 3:13)
 - Apa yang betul? Apa yang salah? Ibu bapa mempunyai tanggungjawab untuk mengajar anak-anak dan tidak berputus asa tentang anak-anak.

2. **Yakin dengan kebolehan dan kelebihan anak-anak**

Teori Kecerdasan Pelbagai membahagikan kecerdasan kepada tujuh kategori yang berbeza dengan harapan anak-anak dapat mencari minat dan sasaran mereka di dalam dunia masa depan yang pelbagai. Ibu bapa dapat membuatkan kebolehan dan kelebihan anak-anaknya bersinar terang. Anak-anak pula akan dapat mencari posisinya pada masa akan datang.

- (1) Kecerdasan linguistik: Kemahiran berucap dan bertulis sangat tepat dan sangat baik. Mahir membuat promosi dan menggalakkan jualan. Contoh bidang kerjaya: penulisan, pengiklanan, guru, penerbitan...
- (2) Kecerdasan logikal matematik: Teratur / sistematik. Suka membuat induksi, berfikir dan teratur sejak kecil lagi.

- (3) Kecerdasan muzik: Nampaknya tidak sukar bagi ibu bapa untuk mengesan bahawa anak-anak mereka mempunyai bakat dalam muzik. Ketika berumur kira-kira 3 tahun, anak-anak akan menunjukkan kepekaan / sensitiviti kepada bunyi, sangat suka menyanyi dan mengeluarkan bunyi dengan pelbagai instrumen.
- (4) Kecerdasan spatial / visual ruang: Mempunyai bakat khas dalam perihal garis, ruang, dan bentuk. Contohnya: arkitek, pereka dalaman, artis, pencipta, pereka mekanikal.
- (5) Kecerdasan kinestetik: Sangat baik dalam hal keseimbangan. Tingkah lakunya elegan. Sangat cemerlang dalam penguasaan kekuatan fizikal. Contohnya: atlet sukan, pelakon, penari, pemahat, pakar bedah.
- (6) Kecerdasan interpersonal: Mahir dalam memahami niat, motif dan keadaan perasaan orang lain, iaitu “terkilat ikan di air, sudah tahu jantan betinanya”. Merupakan orang yang terbaik untuk memimpin.
- (7) Kecerdasan intrapersonal: Bertimbang rasa, membantu orang lain, sedar dan kenal tentang diri sendiri, tabah, boleh dipercayai, bertanggungjawab. Anak-anak yang memiliki kecerdasan ini tiada prestasi yang terlalu baik atau terlalu buruk. Namun mereka dapat melaksanakan kewajipan dengan diam-diam, membuat kerja dengan serius. Dengan usaha yang tekun dan tabah, mereka selalunya dapat mencapai kejayaan yang sangat tinggi.

Anda dan saya adalah sama. Kita mempunyai kecerdasan dalam pelbagai bidang. Namun di antaranya, pasti ada satu bakat yang sangat baik yang diberikan khas oleh Tuhan kepada kita. Pastikan kita menggunakannya dengan baik!

Soalan perbincangan:

- (1) Bagaimana anda mengetahui kebolehan dan kelebihan anak-anak? Nyatakan dengan contoh.
- (2) Adakah kebolehan dan kelebihan ibu bapa mempunyai pengaruh ke atas anak-anak?
- (3) Apakah kebolehan yang diperlukan untuk menjadi hamba Tuhan yang setia?

Dorongan bersama:

- (1) “berikanlah kepada hamba-Mu ini hati yang faham menimbang perkara untuk menghakimi umat-Mu dengan dapat membedakan antara yang baik dan yang jahat... Lalu adalah baik di mata Tuhan bahwa Salomo meminta hal yang demikian.” (1 Raj 3:9-10)
 - Kasih karunia yang terbesar bagi umat Kristian - jika kekurangan apa-apa, boleh memohon kepada Tuhan.
- (2) “Percayalah kepada TUHAN dengan segenap hatimu, dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri.” (Ams 3:5)
 - Hikmat yang paling besar ialah rendahkan diri di hadapan Tuhan.

3. Pendidikan gender bermula dengan ibu bapa

Ibu bapa Cina jarang membiasakan diri dengan membincangkan tentang konsep gender dengan anak-anak mereka. Namun, kini bukan lagi soal tentang rasa janggal ataupun tidak. Ini merupakan zaman di mana “ibu bapa akan menyesal jika tidak membincangkan tentangnya”, apatah lagi remaja-remaja di dalam Tuhan berada di dalam atmosfera yang terbuka dan cabul. Sebagai “anak-anak Tuhan” yang terhormat, ibu bapa harus menunjukkan demonstrasi hubungan gender yang baik sejak mereka kecil lagi supaya mereka dapat menginginkan perkahwinan yang diberkati oleh Tuhan dan belajar tentang maksud sebenar kasih antara dua gender.

Soalan perbincangan:

- (1) Ada sesiapa yang dapat menerangkan tentang fokus pendidikan gender di sekolah? Bagi umat Kristian, apa percanggahan di antara pendidikan di sekolah dan pengajaran Alkitab?
- (2) Apa perbezaan di antara “pengetahuan seks” dan “pendidikan gender”?
- (3) Kongsikan bagaimana ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak remaja tentang konsep hubungan gender.
- (4) Apa perbezaan pengaruh bagi dua kaedah pendidikan “penghormatan demokratik” dan “penindasan paksaan”? Apa yang anda fikirkan tentang kesan keinginan seksual terhadap anak-anak?
- (5) Apakah prinsip-prinsip Alkitab yang harus diketahui oleh anak-anak di dalam Tuhan?

Dorongan bersama:

- (1) “Bagaimanakah mungkin aku melakukan kejahatan yang besar ini dan berbuat dosa terhadap Allah?” (Kej 39:9)
 - Anak-anak akan mempunyai kawalan / penguasaan jika takut kepada Tuhan.
- (2) “Karena inilah kehendak Allah: pengudusanmu, yaitu supaya kamu menjauhi percabulan, supaya kamu masing-masing mengambil seorang perempuan menjadi isterimu sendiri dan hidup di dalam pengudusan dan penghormatan, bukan di dalam keinginan hawa nafsu, seperti yang dibuat oleh orang-orang yang tidak mengenal Allah.” (1 Tes 4:3-5)
 - Berjaga-jagalah jika media massa mengasimilasikan anak-anak kita tanpa disedari.

4. Biarlah anak-anak mempunyai masa-masa muda keremajaan yang gembira dan berwarna-warni

Penyakit depresi atau kemurungan yang paling popular pada abad ini juga beransur-ansur merebak ke bawah. Apa yang diucapkan oleh pelajar-pelajar muda ialah besar tekanan,

persaingan yang sengit, komunikasi ibu bapa - anak yang tidak baik, kekecewaan percintaan... Hidup mereka nampaknya lebih tertekan daripada orang dewasa. Masa remaja hanya sekali sahaja. Walaupun langit tidak selalu cerah, namun seharusnya tetap mempunyai kenangan indah bagi masa muda dan naif.

Soalan perbincangan:

- (1) Bandingkan antara keadaan persekitaran besar yang dihadapi oleh ibu bapa semasa muda dengan hari ini, apa bezanya? Jika anda merupakan orang muda pada masa ini, apakah tekanan terbesar yang anda rasakan?
- (2) Apa yang dilakukan oleh anak-anak anda yang menampakkan bahawa mereka gembira? Pada pandangan anda, apa erti perkara ini kepada mereka?
- (3) Selain kerja sekolah, apa aktiviti rekreasi yang disukai oleh anak-anak anda? Adakah anda akan bersukacita bersama dengannya? Atau adakah anda membenarkan dia keluar bermain dengan kawan-kawan?

Dorongan bersama:

- (1) “sehingga kamu bercahaya di antara mereka seperti bintang-bintang di dunia... Dan kamu juga harus bersukacita demikian dan bersukacitalah dengan aku.” (Flp 2:15,18)
 - Kehidupan yang sukacita didirikan di atas kepercayaan yang sukacita, kepercayaan yang sukacita didirikan di atas kasih yang sejati.
- (2) “Bersukarialah, hai pemuda, dalam kemudaanmu, biarlah hatimu bersuka pada masa mudamu, dan turutilah keinginan hatimu dan pandangan matamu, tetapi ketahuilah bahwa karena segala hal ini Allah akan membawa engkau ke pengadilan.” (Pkh 11:9)
 - Biarlah hati anak-anak dipenuhi dengan perkataan Tuhan, lalui kehidupan dengan berani dan sukacita.
- (3) “Ada teman yang mendatangkan kecelakaan, tetapi ada juga sahabat yang lebih karib dari pada seorang saudara.” (Ams 18:24)
 - Selalulah jemput kawan-kawan rapat anak-anak ke rumah. Dengan itu, anda dapat lebih memahami anak-anak.

5. **Buat persediaan untuk meninggalkan rumah - disiplin diri dan keupayaan penjagaan diri**

Inilah peringkat terakhir dalam membesarkan anak-anak, iaitu anak-anak meninggalkan rumah dan mendirikan rumah tangga sendiri. Kita berharap agar mereka dapat bersandar kepada Tuhan secara berdikari walaupun tanpa jagaan ibu bapa dan mendirikan rumah tangga yang bahagia. Inilah makna bagi meninggalkan ibu bapa dan menjadi satu dengan pasangannya.

Soalan perbincangan:

- (1) Apa pengetahuan am dan kebolehan yang perlu pada anak-anak yang bakal meninggalkan rumah selepas tamat pelajaran sekolah menengah?

- (2) Ketika kita meninggalkan ibu bapa pada masa dahulu, dalam aspek manakah kita paling tidak dapat sesuaikan diri? Atau dalam aspek manakah kita menghadapi cabaran yang sangat besar?
- (3) Bagi pemuda di dalam Tuhan, “disiplin diri” melibatkan aspek apa?

Dorongan bersama:

- (1) “Anak yang bijak menggembirakan ayahnya, tetapi orang yang bebal menghina ibunya.”
(Ams 15:20)
 - Bagaimana melahirkan anak yang bijak? Dengan penjagaan kasih karunia Tuhan, itu juga merupakan prestasi ibu bapa.
- (2) “Jagalah hatimu dengan segala kewaspadaan, karena dari situlah terpancar kehidupan.”
(Ams 4:23)
 - Keupayaan penjagaan diri boleh dipelajari secara perlahan-lahan. Hati yang takut kepada Tuhan merupakan “modal untuk meninggalkan rumah” yang harus ditanamkan dengan jayanya sementara anak-anak masih berada di sisi kita.

PELAJARAN 3: INTERAKSI ANTARA DUA GENERASI - ARTIKEL MENENGAH ATAS

Kanak-kanak yang dahulunya comel, bertimbang rasa dan jinak kini telah bertukar menjadi orang asing yang tidak disukai oleh orang lain, mementingkan diri sendiri dan merajalela. Yang paling tidak bertanggung adalah bahawa tidak kira apa yang ibu bapa lakukan, reaksi yang diterima ialah penolakan anak-anak ataupun ditolak ke tepi sahaja.

Apa yang berlaku kepada anak saya? Bila mimpi ngeri ini akan berakhir? Bagaimana membuatkan anak-anak kembali kepada rupanya yang asal? Bagaimana mencarikan semula sukacita rumah tangga yang perginya tak kembali?

Adakah ibu bapa ingat tentang masa muda kita? Bukankah kita juga biadab? Bukankah kita juga berbohong kepada ibu bapa? Bukankah kita juga melakukan perkara-perkara yang dilarang? Bukankah kita juga bengkeng dan bersikap acuh tidak acuh? Pada masa itu, ibu bapa kita tidak faham bahawa kita perlu mendekati dunia sebenar dengan cara yang baru. Di satu sisi, kita mahu membebaskan diri daripada belenggu lama, di satu sisi yang lain pula, kita ingin maju ke arah dunia orang dewasa yang belum bersedia untuk menerima penyertaan kita. Kita juga pernah mempunyai masa yang teruk dan pengalaman yang menyakitkan, mengecewakan, menimbulkan kemarahan dan menakutkan. Tidak ada orang yang memberitahu kita tentang segala yang perlu kita ketahui tentang pertumbuhan.

Kita juga telah melalui masa-masa itu. Namun, kini kita sendiri pula yang menjadi ibu bapa yang panik dan bingung seperti pikat kehilangan mata.

FAHAMI KEPERLUAN ANAK-ANAK

Anak-anak tahu bahawa mereka tidak boleh berharap kepada ibu bapa untuk selamanya. Pada masa yang sama, mereka juga tidak mahu berharap kepada ibu bapa untuk selamanya. Persepsi ini adalah intuitif dan merupakan sebahagian daripada pertumbuhan. Mereka harus belajar untuk membuat pertimbangan bagi diri sendiri dan kawal kehidupan sendiri. Walau bagaimanapun, situasi mereka ialah, kehidupan dan kepentingan mereka dipelihara dan diuruskan oleh ibu bapa. Semua keputusan dan tanggungjawab terletak pada bahu ibu bapa. Di satu sisi, mereka perlu bergantung kepada ibu bapa dalam keperluan asas hidup, di satu sisi yang lain pula, mereka ingin berjuang untuk berdikari dan ada kuasa autonomi. Kekecewaannya adalah bahawa mereka belum lagi dapat berdikari, tidak dapat mendominasi dan mengawal nasib mereka sendiri, manakala arahan ibu bapa pula adalah “tidak masuk akal dan ketinggalan zaman”. Fakta ini sudah cukup untuk menimbulkan penolakan dan kemarahan di dalam hati mereka.

Adalah sangat sukar untuk ibu bapa memahami betapa golongan muda mengingini kebebasan. Jika semua yang ada pada mereka adalah daripada rahmat atau bekalan ibu bapa, maka mereka tidak sudi berkongsi dengan ibu bapa biarpun mereka teruja ataupun bersemangat dalam mana-

mana perkara. Kata-kata ibu bapa pula masuk dari telinga kiri, keluar dari telinga kanan anak-anak. Ini kerana mereka merasakan bahawa ibu bapa selalu mempunyai beberapa peraturan yang mengganggu kehidupan mereka tetapi peraturan-peraturan ini pula langsung tidak praktikal. Di dalam hati ibu bapa, mereka merupakan “budak yang tidak tahu diuntung”. Tiada siapa yang tahu segala yang mereka alami. Pertumbuhan adalah sama seperti sebuah kereta yang tidak tahu bagaimana untuk dikendalikan yang dipandu di atas jalan yang penuh dengan ketidakpastian.

Hai ibu bapa yang dikasihi, tidak kira betapa susah hati dan tidak berdaya pun, anda tidak boleh melepaskan tanggungjawab untuk mengajar anak-anak. Apa yang perlu dilakukan oleh ibu bapa adalah membantu anak-anak muda melalui zaman akil baligh mereka di atas jalan yang lebih lancar. Kesabaran, pemahaman dan toleransi yang diperlukan mungkin adalah lebih banyak daripada yang anda bayangkan. Di samping itu, jangan mengharapkan kesan yang serta-merta. Namun akhirnya semua ini adalah berbaloi. Selepas peristiwa-peristiwa ini, anak muda yang baru dewasa ini adalah yang comel, baik, bertimbang rasa dan bahagia. Walau bagaimanapun, ibu bapa hanya dapat melihat sisi yang comel ini apabila mereka sendiri berubah dan bertumbuh besar.

Perbincangan: Adakah anda berasa takut, marah, tertekan dengan tentangan dan penolakan anak-anak?

UBAH DIRI SENDIRI UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN MEREKA

Jika ibu bapa mahu membantu anak-anak menyelesaikan masalah, ibu bapa perlu terlebih dahulu berubah. Langkah yang pertama perlu diambil oleh ibu bapa, dan langkah ini tidak mudah. Ini kerana ini memerlukan ibu bapa untuk mengorbankan beberapa tabiat dan stereotaip dalam mengajar anak-anak, menjadikan diri sendiri sebagai orang dewasa besar yang mengambil berat tentang “orang dewasa kecil”.

Sebagai ibu bapa, anda mesti mengakui bahawa sikap anda mungkin menjadi faktor utama dalam masalah anak-anak. Jangan takut untuk melakukan kesilapan, ibu bapa pastinya pernah melakukan kesilapan. Apa yang penting ialah ibu bapa boleh mengubah diri sendiri seiring dengan hubungan interaksi dengan anak-anak. Jika ibu bapa sanggup mengambil sedikit risiko dan menjadi kreatif, ambil langkah lain untuk mendekati anak-anak, anda akan mendapati bahawa diri anda bersedia mengubah cara anda melayan anak-anak manakala anak-anak pula akan mengubah sikap mereka terhadap anda. Oleh itu, sama seperti ibu bapa, anak-anak juga tidak suka dengan masalah dan tekanan yang terlalu banyak di dalam rumah.

Perbincangan: Adakah anda sanggup mengubah diri anda untuk menyesuaikan diri dengan anak-anak berikutan perubahan mereka?

HAPUSKAN PEMIKIRAN AUTOKRATIK DAN KAEDAH MANIPULASI

Semasa anak-anak kecil, ibu bapa merupakan pihak berkuasa yang baik dalam hati mereka. Selepas meningkat dewasa, anak-anak meneliti semula ibu bapa dari perspektif orang muda. Kebanyakan masanya, mereka merasakan bahawa ibu bapa mereka ialah diktator autokratik.

Masa remaja merupakan masa pemberontakan dan masa untuk memperjuangkan kemerdekaan. Mereka beranggapan bahawa merekalah orang yang paling penting di dalam dunia, orang lain mesti mendengar semua pendapat mereka. Semua yang dilakukan merupakan pengalaman baru dalam hidup, mereka mahu menyahut cabaran secara bersendirian. Oleh itu, mereka harus menolak sokongan dan bantuan daripada ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, tidak mungkin ibu bapa akan melepaskan mereka daripada kawalan. Anak-anak berjuang untuk menguasai nasib mereka sendiri; ibu bapa pula berjuang dalam memikirkan bahawa mereka masih terlalu muda untuk melakukan apa-apa tanpa kawalan ibu bapa. Kini, anak-anak telah mempunyai pendapat dan idea mereka sendiri, dan mereka ada cara untuk melawan balik. Tetapi hakikatnya, kuasa / kewibawaan ibu bapa tidak hilang. Oleh itu, apabila anak-anak mati akal, mereka akan memboikot kuasa / kewibawaan, batasan atau apa-apa jenis bantuan dengan cara menolak dan marah.

Ibu bapa tidak perlu berasa marah dan hampa apabila menghadapi anak-anak yang tidak munasabah. Janganlah mengancam atau menghukum anak-anak atas sebab ini. Apabila ibu bapa berfikir bahawa mereka tahu bagaimana untuk melayan anak-anak, namun kini semua keprihatinan, kasih dan latihan itu telah menjadi sia-sia, janganlah mengawal mereka dengan kaedah yang memberikan tekanan besar. Jika ibu bapa dapat melihat masalah dan membuat keputusan dari perspektif anak remaja, ini merupakan cara yang terbaik bagi ibu bapa dalam memujuk anak-anak mereka untuk berdiri sama tegak, duduk sama rendah. Sudah tentu, ibu bapa tidak perlu melepaskan pendirian sendiri dengan sewenang-wenangnya. Tetapi jika anak-anak percaya bahawa ibu bapa adalah terbuka untuk semua sebab, maka mereka akan lebih bersedia untuk mendengar apabila terdapat perbezaan pendapat antara ibu bapa dan mereka. Sebaliknya, jika ibu bapa adalah sangat tidak fleksibel, kuat mendominasi dan suka mengawal, anak-anak hanya akan menjadi lebih biadab, memberontak atau berasa rendah diri dan mengasingkan diri.

Perbincangan: Adakah anda terlalu menganiaya anak-anak sehingga mereka mempunyai kekusutan tentang keupayaan mereka?

UBAHSUAI PERATURAN DI RUMAH

Adakah memahami dan bertoleransi dengan perubahan remaja bermakna ibu bapa perlu terima segala-galanya tidak kira betapa tidak munasabah dan berbahayanya perangai remaja? Semestinya tidak. Adalah penting bagi ibu bapa menetapkan peraturan dan meminta mereka mematuhi. Walau bagaimanapun, bukan semua peraturan tidak boleh diubah, dan bukan semua peraturan perlu ditetapkan oleh ibu bapa. Ibu bapa harus tahu menghormati resolusi yang demokrasi. Demokrasi di dalam rumah perlu dititikberatkan terutamanya apabila anak-anak telah mempunyai kesedaran tentang autonomi.

Peraturan rumah memang diperlukan, tetapi peraturan rumah boleh dikaji semula. Ibu bapa boleh membuatkan anak-anak faham bahawa terdapat peraturan-peraturan yang mereka wajib patuhi walaupun ibu bapa tidak boleh campur tangan dalam kehidupan mereka. Sekiranya anak-anak menunjukkan kemajuan, peraturan-peraturan lama boleh dilonggarkan. Peraturan juga mungkin menjadi ketinggalan zaman / lapuk. Kadang-kadang, peraturan yang dianggap sesuai dan betul oleh ibu bapa adalah tidak realistik di mata anak-anak. Ianya perlu dikaji dan dibuat semula.

Perbincangan: Pernahkah anda bertanya kepada anak-anak: “Adakah saya seorang ayah (ibu) yang baik?”

BAGAIMANA BERKOMUNIKASI DENGAN ANAK-ANAK

“Anak saya dan saya tidak boleh bercakap antara satu sama lain”. Inilah masalah yang ibu bapa mahu selesaikan.

Pertama sekali, golongan muda berfikir bahawa mereka tahu segala-galanya. Walaupun mereka tahu, mereka tidak mahu berhenti di peringkat kejahilan. Inilah tempoh masa yang mana mereka sangat ingin terokai dengan sendirinya. Malangnya, keberanian mereka sering lebih berkelimpahan berbanding kebijaksanaan. Oleh itu, ibu bapa mahu mengajar dan membimbing mereka apabila menyedari kesilapan mereka. Namun adalah sukar bagi remaja menerima disiplin daripada ibu bapa. Percanggahan yang wujud di antara persepsi ibu bapa terhadap remaja, dengan harapan mereka menjadi baik dan kedogmatikan di dalam hati remaja sering dipanggil sebagai “jurang generasi”. Jika anak-anak menolak walaupun niat baik dan sokongan ibu bapanya, jadi boleh difikirkan, apabila ibu bapa perlu mengenakan sekatan untuk mengajar dan mengawal mereka, bagaimanakah anak-anak akan memberontak? Apabila ibu bapa menghalang aktiviti mereka, anak-anak akan memandang ibu bapa sebagai “diktator” dan bukannya mendengar ajaran. Ini memaksa ibu bapa untuk memainkan peranan “kediktatoran” untuk memberikan pengaruh yang sebenar. Hasil daripada kitaran jahat ini, hubungan antara ibu bapa dan anak-anak menjadi sangat tegang. Kedua-dua pihak tidak dapat berdiri di sisi lain untuk melihat sesuatu perkara, tidak dapat mengkagumi hasil pandangan pihak yang lain. Sudah tentu, ini bermaksud saluran komunikasi tersekat.

Kedua, ketidakpercayaan ialah salah satu masalah umum kaum remaja. Kebanyakan remaja pastinya ada masa-masa tertentu bila mana mereka merasa tidak memahami diri mereka sendiri. Dalam banyak situasi, mereka bagai kucing kehilangan anak. Mereka mengelak daripada bergaul dengan orang untuk mengelak daripada diejek dan dinasihati. Mereka perlu belajar bagaimana untuk menyembunyikan persoalan-persoalan dan ketakutan-ketakutan mereka terhadap diri sendiri dan kehidupan mereka. Mereka menghabiskan banyak masa untuk membina tembok pertahanan diri. Remaja sering meragui jika mereka mampu mengembangkan kemahiran-kemahiran pengurusan orang dewasa ini. Mereka menarik diri dan berdiam diri kerana mereka tidak pasti dan takut. Alangkah baiknya jika mereka dapat mempercayai ibu bapa dan berkongsi ketakutan mereka dengan ibu bapa. Tetapi walaupun mereka dapat mempercayai ibu bapa mereka,

mereka mungkin tidak dapat mengatakannya. Ini kerana mereka sering berkonflik dengan diri sendiri, sering keliru, langsung tidak tahu dari mana mereka harus bermula. Akibatnya, ibu bapa bukan sahaja tidak dapat membantu anak-anak, malah selalu melihat pengunduran jangka pendek anak-anak ini sebagai menolak ibu bapa atau sengaja mengelak daripada ibu bapa.

Adalah normal untuk remaja mempunyai tahap kekeliruan yang tertentu dan ketidakupayaan untuk berkomunikasi. Apabila anak-anak tidak mahu berbual atau tidak dapat menyatakan perasaan batin mereka dengan betul, ibu bapa mesti menggunakan sedikit imaginasi untuk mengetahui apa yang anak-anak benar-benar mahu katakan dalam perkataan anak-anak yang tergagak-gagak dan ragu-ragu. Walaupun anak-anak menginginkan privasi, walaupun mereka tidak mahu mengatakan apa-apa, namun mereka tetap memerlukan pemahaman orang lain. Apabila berhadapan dengan keadaan ini, ibu bapa boleh menggunakan cara bukan lisan untuk menunjukkan keprihatinan dan pemahaman mereka terhadap anak-anak. Kadang-kadang, ianya adalah semudah memberikan hak istimewa yang tidak pernah diberikan sebelum itu. Kadang-kadang, ibu bapa hanya perlu menjadi seorang pendengar. Ibu bapa juga boleh meluahkan kasih di dalam hati mereka dengan mengubah sikap mereka. Ini lebih mudah diterima oleh anak-anak berbanding nasihat atau pujukan yang berulang-ulang.

Perbincangan: Bolehkah anda berbual dengan anak-anak anda tentang segala-galanya?

Anak-anak remaja tidak lagi mahu diperlakukan sebagai kanak-kanak. Mereka mahu mempunyai hubungan dua hala yang lebih sama rata dengan ibu bapa. Mereka mahukan kasih dan rasa hormat yang baru. Jangan biarkan kewibawaan / kuasa menutupi kasih anda terhadap anak-anak!

PELAJARAN 4: INTERAKSI ANTARA DUA GENERASI - ARTIKEL INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

PENDAHULUAN

Remaja telah melalui tiga tahun di peringkat menengah atas. Mereka pada asalnya „dilindungi“ oleh ibu bapa, guru, pengajar, dan peraturan-peraturan. Bila masanya untuk belajar, bila masanya untuk melakukan sesuatu, apa ujian yang diambil, semuanya telah diaturkan. Mereka menjalani kehidupan yang terancang dan berdisiplin. Namun, selepas menjejakkan kaki ke menara gading, mereka terlepas daripada kongkongan umpama burung yang dilepaskan dari sangkar. Mereka tidak tahu bagaimana hendak menyesuaikan diri. Tiada seorang pun yang mengawasi mereka dan semuanya adalah sangat berbeza. Mereka tidak tahu bagaimana untuk mengatur kehidupan kampus dan kehidupan kepercayaan. Kebanyakan belia perlu meninggalkan kampung halaman untuk menghadapi persekitaran belajar yang asing. Oleh itu, bagi anak-anak dalam tempoh ini, bagaimana harus kita memahami, memimpin dan membimbing mereka untuk menghadapi persekitaran sosial yang rumit pada hari ini supaya mereka dapat mencapai keseimbangan di antara kehidupan kepercayaan dan pelajaran sekolah? Selepas menamatkan pengajian, mereka dapat bertanggungjawab dan memegang firman di dalam rumah tangga dan gereja lalu kemudian menjadi tiang penopang / sokoguru bagi gereja / jemaat.

MENGEMBANGKAN CIRI-CIRI

Pertama sekali, kita perlu memahami ciri-ciri perkembangan anak-anak dalam tempoh ini:

1. Kesedaran diri yang tinggi: Tempoh ini merupakan tempoh peralihan bagi zaman remaja. Sistem fisiologi mula menjadi aktif, tubuh jasmani bertumbuh menjadi badan dewasa, mengejar kemahiran pemikiran abstrak, memindahkan kesetiaan terhadap ibu bapa kepada rakan sebaya, membangunkan kemahiran pengenalanpastian diri, kepercayaan kepada Tuhan diperibadikan... Setiap bahagian perkembangan dipengaruhi oleh perubahan-perubahan ini. Mereka tidak dapat memahami makna “tidak boleh” dan “tunggu”. Semua motif adalah berdasarkan keseronokan dan konsep hidup adalah cenderung ke arah menikmati kegembiraan. Ironinya, ketika berada di dalam persekitaran yang penuh dengan perubahan dan masalah global, pelajar-pelajar muda kita hidup dalam dunia yang penuh dengan soalan tetapi tidak ada jawapan.
2. Mengagungkan idola: Mengikut trend. Mereka tidak memahami diri mereka sendiri, ibu bapa dan orang-orang dewasa yang berinteraksi dengan mereka. Kekeliruan ini membuatkan orang dewasa berasa rumit atau merasakan bahawa mereka merupakan kumpulan yang membimbangkan dan menakutkan.
3. Mengejar keseronokan / perasaan teruja.

4. Konsep nilai yang berubah-ubah: Kemahiran pemikiran operasional formal (formal operatory thought) membantu mereka untuk mengumpulkan data, menyusun dan menggabungkannya, sering berdebat untuk berdebat, membuatkan orang dewasa sakit kepala.
5. Tanggungjawab keluarga cenderung ke arah pudar.
6. Keterbukaan kepada seks: Liputan sosial dan media massa memberi pengaruh yang sangat besar kepada orang muda. Sekiranya tidak memahami firman Alkitab, mereka mudah tergoda lalu kehilangan nyawa rohani (1 Kor 6:14-20; Neh 13:27; Ezr 9:13-14). Oleh itu, ibu bapa mesti merebut peluang untuk membekalkan anak-anak dengan pengetahuan seks yang betul di samping membantu mereka mencari kedudukan gender mereka, membangunkan sikap hormat terhadap jantina yang bertentangan, membina hubungan interpersonal yang matang dan mantap supaya mereka memahami maksud memasuki peringkat dewasa secara beransur-ansur.
7. Kurang rasa hormat terhadap pihak berkuasa: Ibu bapa yang ingin mengawal atau memanipulasi anak-anak mereka sering mempunyai hubungan yang tegang dengan anak-anak yang ingin berjuang untuk kebebasan lalu menyebabkan konflik. Tetapi kita tahu bahawa ibu bapa dan anak-anak saling menghormati merupakan sesuatu yang amat digalakkan.

Dari ciri-ciri perkembangan yang disebutkan di atas, dapat dilihat bahawa anak-anak juga menghadapi perubahan dari segi psikologi dan sosial selain menerima perubahan dari segi fizikal.

MASALAH LAZIM BAGI PELAJAR-PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI DALAM TUHAN

1. Ketika anak-anak baru melangkah ke menara gading, mereka perlu mengurus kehidupan kampus, kehidupan gereja dan buat pengagihan masa sendiri. Apabila berlaku krisis dalam pelajaran mereka, 1/2 kredit gagal pun mereka terpaksa berhenti belajar.
2. Menghadapi masalah tekanan: Di institusi pengajian tinggi, selain berhadapan dengan tekanan pelajaran, anak-anak kadang-kadangnya perlu berhadapan dengan tekanan rakan sebaya. Rakan kampus dan seiman dalam persahabatan ialah topik baru dalam menguruskan hubungan interpersonal.
3. Zaman institusi pengajian tinggi merupakan peringkat pengalaman untuk merasakan bagaimana menjadi orang dewasa. Di satu sisi, mereka mula belajar untuk berinteraksi dengan jantina yang berlainan. Di satu sisi yang lain pula, mereka masih memerlukan kasih dan keprihatinan daripada orang lain. Disebabkan keprihatinan dan jagaan daripada orang yang berlainan jantina, mereka mudah bercinta dengan orang yang berlainan jantina tanpa disedari. Jika orang tersebut merupakan orang yang belum percaya kepada Tuhan, ibu bapa akan mempunyai lebih banyak kebimbangan.

4. Dalam hal dominasi wang anak-anak, harus berbincang dengan anak-anak berdasarkan semua perbelanjaan di samping membuat mereka faham tentang pendapatan dan perbelanjaan masing-masing. Dengan itu, anak-anak akan mengetahui tentang situasi kewangan ibu bapa, mengelak daripada berbelanja sesuka hati dan tidak berjimat cermat. Andainya tidak, akhirnya mereka tidak mempunyai wang yang cukup lalu meminjam daripada orang lain atau bahkan menyalahgunakan yuran pelajaran sehingga ke tahap yang tidak terkawal.

Anak-anak merupakan milik pusaka daripada Tuhan (Mzm 127:3). Walaupun anak-anak sudah meningkat dewasa, ibu bapa tetap perlu menjalankan tanggungjawab dalam mengajar. Setiap anak-anak mempunyai keperibadian yang berbeza. Bagaimana Tuhan memperlakukan anak-anak miliknya dengan kemurahan dan kesabaran, dan dengan bijak menggunakan tongkat keadilan ketika mengajar, ibu bapa akan lebih menyedari kasih mesra Bapa Syurgawi semasa mengajar anak-anak. Ini pelajaran yang memerlukan pembelajaran sepanjang hayat.

PERANAN IBU BAPA

Anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke menara gading sangat ingin terbang dan keluar daripada sarang lama mereka untuk menikmati kehidupan yang bebas dan tidak terkawal. Namun sebagai ibu bapa, tidak dapat dielakkan bahawa mereka akan risau tentang anak-anak yang dilepaskan daripada sarang kalau-kalau mereka akan tersesat, mengejar trend dan menjauhi gereja. Pada masa ini, interaksi antara ibu bapa dan anak-anak boleh diringkaskan menjadi tiga kategori yang berbeza:

1. Jenis mengomel: Mahu anak-anak melakukan sesuatu menurut permintaannya dengan nada yang mengajar. Ini menyebabkan anak-anak sering tidak mahu pulang ke rumah. Jambatan penghubung di antara anak-anak dan ibu bapa hanyalah melibatkan pemberian dan permintaan wang. Tidak ada topik perbualan di antara ibu bapa dan anak-anak.
2. Jenis membiarkan: Hanya tahu menggembirakan hati anak-anak, tidak berani bertanya anak-anak tentang tingkah laku mereka di luar. Mereka beranggapan bahawa mereka akan mendapat penghargaan dan maklum balas positif daripada anak-anak jika anak-anak dimanjakan. Seperti yang diketahui oleh semua orang, ini hanya akan melahirkan generasi akan datang yang tidak bertanggungjawab, tidak matang, dan tidak tahan tekanan.
3. Jenis membimbing: Sentiasa berhubung dengan anak-anak dan berkomunikasi dengan baik. Anak-anak bersedia berkongsi dengan ibu bapa tentang kekusutan atau kegembiraan mereka. Ibu bapa membangkitkan kebimbangan atau pendapat mereka pada masa yang bersesuaian supaya anak-anak dapat merasakan keprihatinan ibu bapa dan dapat menerima pandangan ibu bapa. Terdapat ruang untuk ekspresi dan saling menghormati antara satu sama lain.

JADI IBU BAPA YANG BERTANGGUNGJAWAB, BIMBING ARAH TUJUAN ANAK-ANAK

1. Pelajaran: Anak-anak keluar untuk belajar dan kehidupan harian mereka tidak dapat lagi diperhatikan oleh ibu bapa mereka. Namun selepas melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi, anak-anak perlu menumpukan perhatian untuk mempelajari bidang kepakaran yang diambil di kampus. Ibu bapa perlu memerhatikan dan mengambil berat tentang masalah akademik anak-anak. Ramai pelajar yang meluangkan terlalu banyak masa dan sibuk dengan organisasi / komuniti kampus. Akhirnya, yang patut dahulu dikemudiankan, yang patut kemudian didahulukan pula lalu menyebabkan kegagalan dalam akademik. Dalam kes yang lebih serius, ada yang dibuang / digantung daripada kampus.
2. Kepercayaan: Ketika melanjutkan pelajaran ke menara gading, anak-anak harus mengambil inisiatif untuk menghubungi senior-senior dalam persahabatan kampus ataupun pendeta pembimbing bagi persahabatan kampus. Dengan itu, anak-anak akan lebih cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus, memilih kursus dengan lebih mudah dan menjadi sebahagian daripada persahabatan secara semula jadi. Selain itu, ibu bapa harus menggalakkan anak-anak untuk banyak melibatkan diri dalam kerja suci di gereja tempatan. Bagi pil ecstasy, ganja dan dadah lain yang popular di institusi pengajian tinggi, baiklah mereka menyinggung perasaan rakan-rakan mereka daripada mencemarkan diri sendiri.

Apabila berhadapan dengan halangan dalam kerja suci, ajar anak-anak untuk mendapatkan pertolongan daripada atas. Di dalam Alkitab, cabaran iman bagi nabi Elia yang berhadapan dengan empat ratus lima puluh orang nabi-nabi Baal secara bersendirian, peperangan psikologi Tuhan Yesus dalam menghadapi saat-saat genting antara hidup dan mati di taman Getsemani, semua ini merupakan cerita-cerita Alkitab yang kita fasih. Hidup bergaul dengan Tuhan merupakan perlindungan yang paling baik semasa umat Kristian menghadapi tekanan dan kekusutan (Mzm 119:105; 121:2-8). Pertolonganku ialah dari TUHAN, yang menjadikan langit dan bumi (Mzm 121:2). Lebih baik berlindung pada TUHAN dari pada percaya kepada manusia (Mzm 118:8). Jiwa kita menanti-nantikan TUHAN. Dialah penolong kita dan perisai kita (Mzm 33:20).

3. Pengurusan kewangan: Bincang tentang kelebihan dan kekurangan bekerja atau memberikan tuisyen untuk meningkatkan pendapatan dengan anak-anak. Tanam konsep menggunakan kad kredit yang betul supaya anak-anak faham tentang tahap keseriusannya jika melanggar perjanjian dan berhutang. Ingatkan anak-anak tentang memberi persembahan persepuluhan kepada Tuhan apabila mereka mempunyai pendapatan.
4. Peringatan tentang perangkap yang menjerat orang: Di dalam masyarakat, terdapat banyak penipuan yang tersembunyi. Ajar anak-anak untuk tidak peduli dengan notis / makluman tentang carian pekerjaan atau pelbagai hadiah yang dimenangi supaya tidak terpedaya. Ajar anak-anak tentang krisis-krisis serius semasa berkawan di atas talian internet.
5. Konsep perkahwinan: Apabila lelaki dan wanita mempunyai interaksi yang kerap, mereka mudah terperangkap dengan mitos cinta. Mereka yang tidak cukup bertahan dalam kepercayaan akan menjadi harta rampasan orang kafir. Bagaimana cara melihat aktiviti sosial

yang sah secara rasional tanpa dikelirukan? Ini satu topik yang sangat penting bagi golongan muda pada hari ini. Ibu bapa harus mendengar pandangan anak-anak dengan sabar, memujuk dan menasihati mereka dengan kasih, elakkan penggunaan istilah yang mengolok-olok atau melukakan hati. Harus berdoa untuk anak-anak supaya mereka memahami firman di dalam Alkitab (Mat 10:19-20) untuk melaksanakan tanggungjawab dalam memujuk dan menasihati. Kadang-kadang, janganlah disebabkan oleh isu air muka, kita tidak mahu meminta bantuan daripada pendeta, penatua, diaken dan seiman lalu membuat kesilapan yang besar.

6. Keprihatinan sosial: Galakkan anak-anak menyertai aktiviti-aktiviti sukarelawan seperti menyertai organisasi yang memberi perkhidmatan kaunseling kepada belia, menyertai organisasi yang komited dalam perkhidmatan pendidikan sosial, melawat rumah anak yatim dan mengambil anak angkat. Dari sini, mereka dapat menyerap lebih banyak pengalaman sosial. Mereka juga boleh melibatkan diri dalam penginjilan di dalam kampus, guru pendidikan agama, guru misi kaunseling luar bandar (Rural Counselling Mission), sukarelawan sebagai tutor bagi seiman, kaunselor bagi Kebaktian Kebangunan Rohani Murid-murid dan sebagainya di dalam gereja. Semua ini dapat memperkayakan kehidupan di institusi pengajian tinggi, menjadikannya berwarna-warni dan dapat mengejar kehidupan yang bermakna.
7. Buat persediaan untuk kerjaya terlebih dahulu: Dalam menghadapi keperluan denyutan sosial, kemahiran bahasa asing dan kemahiran komputer telah menjadi syarat yang sangat diperlukan untuk memburu pekerjaan. Kepakaran kedua juga boleh dirancang untuk meluaskan peluang pekerjaan pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Apa yang perlu dipelajari oleh orang muda adalah untuk melompat dari konsep hidup yang berpusatkan diri sendiri ke dalam konsep hidup yang mengambil berat tentang orang lain. Bimbingan dan prestasi ibu bapa dalam kehidupan seharian membantu mereka belajar untuk melalui kehidupan yang bermakna, melangkaui tahap memenuhi keperluan jangka pendek atau hanya mencari rangsangan visual semata-mata, sebaliknya mencari matlamat hidup yang lebih bermakna.

Sebagai anak-anak Tuhan, kita harus menjadikan Yesus Kristus sebagai teladan. Ajarlah anak-anak untuk memberikan tumpuan kepada perihal mengasihi Tuhan dan manusia supaya kasih Yesus Kristus dapat memenuhi keperluan mereka dan pada masa yang sama menyatakan kasih Yesus Kristus di dalam mereka. Apabila mempunyai impian hidup yang tinggi, secara semula jadinya mereka akan meletakkan Tuhan di tempat yang pertama. Apabila kasih Tuhan dapat memuaskannya, mereka tidak lagi akan mencari kasih yang tidak sesuai / realistik. Ibu bapa harus bekerja keras untuk membina hubungan yang baik dan mengekalkan komunikasi yang baik dengan anak-anak. Dengan itu, ibu bapa akan mempunyai daya pengaruh dalam perjalanan hidup anak-anak dan memimpin mereka untuk berjalan di atas jalan Tuhan dalam seumur hidupnya.

SOALAN RENUNGAN

1. Apabila umur anak-anak semakin meningkat, kesadaran diri mereka juga meningkat. Sebagai ibu bapa, bagaimana kita mengubahsuaui cara komunikasi?
2. Adakah ibu bapa dapat memahami tekanan anak-anak yang belajar di institusi pengajian tinggi?

Petunjuk:

- a) Tekanan akademik: Dibuang / digantung jika mendapat 1/2 kredit gagal.
- b) Hubungan interpersonal: Kebanyakan orang yang dihadapi bukan pemercaya gereja ini. Jurang konsep nilai mempengaruhi komunikasi interpersonal.
- c) Organisasi / komuniti: Orang baru dipenuhi dengan rasa ingin tahu dan rasa baru dengan organisasi / komuniti. Mereka mungkin terlalu melibatkan diri dengannya sehingga tidak ada masa untuk mendekati gereja. Sebaliknya, jika asyik menolak untuk menyertainya, mereka mungkin akan menjadi "orang kudus yang kesepian".
- d) Dominasi kewangan: Sumber ekonomi datang daripada ibu bapa. Jika terlalu berjimat-cermat, mereka akan dianggap kedekut / lokek. Jika bersikap terlalu pemurah pula, ibu bapa tidak mampu untuk menanggungnya. Kos telefon bimbit yang tinggi terutamanya sering menyebabkan ketegangan di antara anak-anak dan ibu bapa.
- e) Konflik percintaan dan kepercayaan: Orang yang datang memikat hati selalunya merupakan orang yang belum percaya. Bagaimana menolak godaan?

A decorative rectangular frame composed of two parallel lines. The top-left and bottom-left corners are adorned with a laurel wreath, consisting of a stem with several leaves curving upwards and downwards respectively.

PERSAHABATAN WARGA EMAS

PELAJARAN 1: KENALI PERSEKITARAN GENERASI BARU I - KONSEP KELUARGA MASA KINI

SATU, HUBUNGAN KEKELUARGAAN YANG SEMAKIN PUDAR

Dalam ribuan tahun ini, nenek moyang kita telah hidup dalam kehidupan yang berpusatkan keluarga. Kehidupan manusia hampir tidak dapat dipisahkan daripada keluarga. Ketika masih kecil, kita dibesarkan oleh golongan senior dalam keluarga. Setelah dewasa, kita mendapat keprihatinan dan sokongan daripada keluarga. Walaupun sudah lanjut usia, kita juga mendapat penghormatan dan penjagaan yang sepatutnya di rumah. Hakikatnya, tidak kira pada peringkat umur mana pun, “rumah” membekalkan setiap ahlinya dengan penuh keprihatinan dan sokongan. Khususnya dalam pemupukan hubungan interpersonal, keluarga memainkan peranan yang sangat penting. Dalam perasaan kita, apabila disebutkan tentang “keluarga”, kita mempunyai kepuasan yang manis dan hangat di dalam hati. Kita juga mempunyai semangat dan keberanian untuk berkorban untuk keluarga ini. Seiring dengan perubahan struktur sosial, hubungan antara ahli keluarga telah beransur-ansur memudar. Perkembangan pengangkutan dan kemajuan sains dan teknologi telah meningkatkan peluang interaksi antara satu sama lain di dalam seluruh masyarakat. Walau bagaimanapun, ia juga secara beransur-ansur melemahkan hubungan antara ahli keluarga. Khususnya dalam dua dekad kebelakangan ini, “keluarga” kadang-kadang menjadi hampir tidak perlu kepada sesetengah orang.

Pada pandangan anda, adakah anda mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli keluarga anda?

DUA, IBU BAPA DAN GOLONGAN SENIOR TIDAK LAGI MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI MODEL

Lihatlah keadaan huru-hara dalam masyarakat hari ini. Kegagalan pendidikan keluarga merupakan penyebabnya yang utama. Kebanyakan ibu bapa sangat mementingkan akademik anak-anak. Mereka tidak kisah untuk melaburkan wang yang lebih banyak untuk akademik dan bakat anak-anak.

Untuk memupuk (sebenarnya “untuk menggembirakan”) anak-anak, ibu bapa mencari sekolah yang terbaik, guru yang terbaik, kelas bakat yang terbaik untuk anak-anak. Namun kita tidak mendengar tentang mana-mana ibu bapa yang mencari “guru pendidikan moral” yang terbaik untuk anak-anak. Bukan itu sahaja, apabila anak-anak melakukan kesalahan di luar, ibu bapa mencuba sedaya upaya untuk melepaskan anak-anak daripada tuduhan, bahkan menyalahkan guru atau peraturan yang terlalu ketat. Tambahan pula, terdapat sebahagian ibu bapa yang menghabiskan hanya sedikit masa sahaja untuk bergaul dengan anak-anak disebabkan oleh ekonomi keluarga atau keinginan kerjaya yang kuat dan nafsu mereka untuk mencapai kejayaan. Rumah nampaknya hanya merupakan tempat di mana ahli keluarga tidur di malam hari.

“Bekerja apabila matahari terbit dan berehat apabila matahari terbenam”. Itulah ciri kehidupan pertanian. Orang-orang dahulu paling bimbang tentang makanan dan pakaian yang tidak mencukupi. Walaupun ekonomi telah maju dengan pesat dalam beberapa dekad kebelakangan ini dan persekitaran sosial menjadi lebih berbahaya, namun kewujudan etika keluarga tetap dapat menggalakkan perpaduan antara pelbagai keluarga. Pada masa itu, orang lebih bimbang tentang tingkah laku remaja yang memberontak ketika umur mereka semakin meningkat dan perasaan kerenggangan akibat interaksi dengan ahli keluarga yang semakin berkurangan. Tetapi kita mendapati bahawa keluarga pada hari ini sendiri sedang berada di dalam krisis perpecahan. Dalam banyak keluarga, golongan senior yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga kestabilan keluarga telah kehilangan fungsi mereka sebagai model dalam aspek pertuturan dan tingkah laku. Sering kali, kita dapat melihat laporan media tentang banyak tragedi keluarga yang terjadi akibat hubungan antara ibu bapa yang tidak harmoni bahkan hubungan yang retak ataupun suami dan isteri masing-masing ada orang yang ketiga. Oleh sebab remaja tidak mendapat kasih yang sempurna di dalam keluarga, mereka sering berkumpul di luar untuk mencari keseronokan. Ini menyebabkan perlumbaan haram, penagihan dadah, pornografi dan keganasan sering berlaku.

Mengapa terdapat banyak “peristiwa gosip” dalam masyarakat pada hari ini?

TIGA, MASYARAKAT YANG PENUH DENGAN PORNOGRAFI DAN KEGANASAN

Perkahwinan pada masa dahulu merupakan hal yang “besar” bagi kedua-dua buah keluarga. Oleh itu, kedua-dua lelaki dan wanita sangat mementingkan tentang menjaga keharmonian keluarga, mentaati orang tua dan mengasihi saudara-mara sebelum dan selepas perkahwinan. Kini, perkahwinan seolah-olah hanya melibatkan hal antara dua orang sahaja. “Asalkan saya suka, mengapa saya harus mempertimbangkan perasaan orang lain?” Demi keseronokan sementara, orang-orang muda melakukan hubungan intim dan tergesa-gesa untuk berkahwin. Sebelum berkahwin, mereka gagal membuat persediaan dari segi psikologi untuk mentadbir rumah tangga. Generasi yang seterusnya yang diajar oleh mereka juga sering mengabaikan tentang bagaimana untuk berinteraksi dengan ahli keluarga dan bagaimana untuk menggalas sedikit tanggungjawab untuk keluarga. Mereka merasakan bahawa pengajaran, pendidikan, penjagaan dan kasih yang diberikan oleh ahli keluarga adalah biasa dan sepatutnya. Mereka langsung tidak tahu bersyukur. Remaja dalam keluarga Kristian telah dicemari oleh kejahatan sosial dan banyak yang menjadi anak domba yang tersesat lalu berjalan mengikut arus. Ini sememangnya merupakan suatu perkara yang amat merisaukan kita. Terutamanya pada hari ini, rangkaian internet adalah sangat umum. Lebih daripada 50% orang muda mempunyai peluang dan kemahiran untuk melayari internet secara bersendirian. Talian internet telah meluaskan ruang remaja untuk berkawan, namun ia juga telah mengurangkan masa interaksi bersama ahli keluarga dan meningkatkan peluang untuk berbuat dosa. Bagaimana membuatkan setiap ahli keluarga mengasihi diri sendiri, mengasihi ahli keluarga, selanjutnya mengasihi Tuhan dan memberi manfaat kepada manusia di bawah pimpinan Tuhan? Ini benar-benar satu pelajaran untuk kita renungkan sebagai ibu bapa.

Pada pandangan anda, bagaimana untuk membimbing pelajaran tentang pengurusan hubungan interpersonal?

SOALAN PERBINCANGAN:

1. Bagaimana mengatur urusan akademik anak-anak dengan baik supaya tidak menjauhkan mereka daripada ahli keluarga?
2. Bagaimana ibu bapa boleh memperbaiki rutin harian sendiri untuk meningkatkan hubungan yang mesra antara ahli keluarga?
3. Bagaimana ahli keluarga boleh berusaha bersama-sama untuk membina mezbah keluarga?
4. Bagaimana gereja beroperasi untuk meningkatkan hubungan yang harmoni dalam keluarga pemercaya?

PELAJARAN 2: KENALI PERSEKITARAN GENERASI BARU II - INTERAKSI DENGAN GENERASI MUDA: ARTIKEL ANAK DAN MENANTU

SATU, MASYARAKAT DALAM TRANSFORMASI ETIKA KELUARGA

“Membesarkan / menjaga anak-anak untuk mengelak daripada tiada tempat bergantung semasa tua, menyimpan gandum untuk mengelak daripada kebuluran”. Ini merupakan etika ketaatan dalam keluarga di China selama beribu-ribu tahun. Ia juga merupakan harapan besar bagi ibu bapa tua yang bekerja keras dalam membesarkan anak-anak. Lebih tiga puluh tahun yang lalu, ketika menonton filem barat yang memaparkan adegan bapa dan anak membayar bil masing-masing ketika berada di restoran, ada yang merasakan bahawa itu sesuatu yang tidak boleh dibayangkan dan sukar difahami. Mengapa bapa perlu membayar bilnya sendiri? Pada masa itu, mereka beranggapan bahawa adalah tidak munasabah jika anak-anak tidak membayarkan bil bapanya. Namun dalam masyarakat berdekad-dekad kemudian, apa yang sering dilihat ialah, anak-anak bukan sahaja tidak membayarkan bil untuk ibu bapa yang tua, malah mereka ingin membunuh orang tua mereka apabila tidak dapat meminta wang daripada ibu bapa. Apabila warga emas dalam keluarga meninggal dunia, anak-anak bukannya mengadakan upacara pengebumian dengan hati yang sedih, sebaliknya mereka tergesa-gesa untuk berebutkan harta peninggalan si mati. Walaupun upacara perkabungan diadakan secara besar-besaran, namun setiap orang yang “berkabung” mempunyai idea atau agenda yang tersembunyi. Ini membuatkan generasi tua mengeluh dengan penuh emosi bahawa: “Masyarakat telah berubah!”

“Pencapaian anak-anak ialah kebanggaan ibu bapa”. Ibu bapa sering menunjuk-nunjuk tentang “kebanggaan” mereka di hadapan orang lain bahkan mahu memanipulasi kebanggaan “diri sendiri” ini. Tetapi apabila ibu bapa menunjuk-nunjuk tentang pencapaian anak-anak dengan penuh kepuasan, mereka tidak menyedari tentang ketidakselesaan wajah anak-anak mereka. Ini kerana anak-anak masa kini secara beransur-ansur enggan berkongsi kemuliaan masing-masing dengan ibu bapa di khalayak ramai. Mereka juga kurang bersedia untuk menerima pendapat ibu bapa. Ini menyebabkan perasaan yang sangat kekok di antara ibu bapa - anak.

Apa perasaan anda tentang hubungan ibu bapa - anak pada hari ini?

DUA, PERANAN IBU BAPA SEBAGAI SAUDARA DAN KAWAN

Ibu bapa moden harus dapat memainkan peranan sebagai “guru dan kawan” kepada anak-anak, menantu lelaki atau menantu perempuan. Jadi penasihat untuk kerjaya, konsep hidup dan kepercayaan anak-anak berdasarkan pengalaman hidup yang lebih kaya. Ambil berat tentang mereka dengan kasih. Namun, jangan masuk campur secara keterlaluan dalam hal mereka kerana

anak-anak mempunyai pendapat mereka sendiri. Terutama dalam persekitaran dengan konsep “diri sendiri” (Self-Concept) yang kuat, anak-anak perlu mempunyai hak dan kemahiran untuk membuat keputusan sendiri. Tambahan pula, idea / konsep kita tidak semestinya betul. Oleh itu, kadang-kadang, mungkin ibu bapa boleh berdiri di posisi sebagai kawan untuk menghadapi hubungan antara diri sendiri dan anak-anak. Dengan cara ini, mungkin anak-anak lebih dapat menerimanya. Kadang-kadang, kita imbas kembali kepada 30 atau 40 tahun yang lalu, bukankah kita juga berharap untuk mempunyai lebih banyak kawalan terhadap kehidupan kita sendiri? Sudah tentu, apabila anak-anak membuat keputusan untuk urusan mereka sendiri, mereka juga mesti menanggung segala akibat dan tanggungjawab untuk keputusan itu. Semasa berada di dalam konflik, bagaimana dua generasi antara ibu bapa dan anak-anak meluahkan perasaan mereka sepenuhnya dan pada masa yang sama mencapai keseimbangan yang dapat diterima oleh kedua-dua pihak? Tuhan Yesus dan ahli keluarganya memberikan teladan yang baik kepada kita melalui dialog di bait suci ketika Tuhan Yesus berumur 12 tahun.

Sebagai anak-anak, bagaimana berkomunikasi dengan golongan senior tanpa menjejaskan pendirian masing-masing?

TIGA, KEHIDUPAN ANAK-MENANTU YANG SALING MENGASIHI SELEPAS BERKAHWIN JUGA MERUPAKAN KEBAHAGIAAN IBU BAPA

Ibu bapa tentunya mengharapkan agar anak perempuan mereka dapat berkahwin dengan seorang suami baik yang setia kepada percintaan dan sanggup bertungkus lumus untuk isterinya. Walau bagaimanapun, apabila anak lelaki sendiri mempunyai perempuan lain di luar, mereka berfikir, apa yang perlu dirisaukan jika lelaki hanya sekadar main-main / suka-suka sahaja. Apabila anak lelaki membantu isterinya membuat kerja rumah, ibu bapa pula menegur anak lelaki bahawa mereka tidak berguna, hanya “diperhambakan”. Sikap double standard ini sering menjadi batu sandungan kepada anak dan menantu dalam mendirikan kehidupan rumah tangga yang bahagia dan indah. Selama beribu-ribu tahun ini, kita mendapati bahawa banyak menantu perempuan yang bekerja keras dalam mentaati dan melayani ibu dan bapa mertua, namun mereka tetap susah untuk mendapatkan sifat timbang rasa dan kesukaan ibu dan bapa mertua mereka. Tidak kurang juga ibu mertua yang cuba untuk menggembirakan hati menantu perempuan mereka namun apa yang diperolehi hanyalah sikap acuh tidak acuh sahaja. Hakikatnya, terdapat banyak contoh di mana menantu lelaki dan menantu perempuan lebih bertanggungjawab dalam aspek ketaatan berbanding anak-anak sendiri. Ibu bapa sepatutnya melayan menantu lelaki dan menantu perempuan umpama anak-anak sendiri. Jika mereka dapat bergaul dengan saling mengasihi, tentunya mereka juga akan memikirkan tentang ibu bapa yang membesarkan pasangan mereka. Apa yang pasti ialah, kehidupan perkahwinan anak-menantu yang saling mengasihi ialah kebahagiaan kita.

Adakah anda merasa sukar untuk berkomunikasi dengan menantu lelaki / perempuan?

EMPAT, TUHAN YESUS MENUNJUKKAN TELADAN YANG BAIK

Yesus berkata: “jadi jikalau Aku membasuh kakimu, Aku yang adalah Gurumu...” Pada masa lalu, warga emas selalu berfikir dengan sombong: Saya yang lebih dahulu makan garam. Hakikatnya, warga emas tidak semestinya adil dan saksama dalam perbuatan mereka. Walaupun konsep diri sendiri adalah tepat, namun harus juga ada ruang untuk berkomunikasi dengan orang muda. Hari ini, setiap orang berharap agar orang lain “mendengar” cakupnya dan berbuat seperti yang dikatakannya. Walau bagaimanapun, apabila anak-anak meluahkan pandangan mereka, ibu bapa harus menghormatinya. Khususnya, harus saling mendorong dengan menggunakan firman di dalam Alkitab supaya seluruh keluarga dapat menjalani kehidupan yang bahagia dan indah di dalam firman Tuhan.

Pada pandangan anda, adakah ibu bapa harus membuang lagak mereka untuk bergaul dengan anak-anak?

SOALAN PERBINCANGAN:

1. Apabila pendapat anak-anak bercanggahan dengan kita, bagaimana menyelaras dan meleraikannya?
2. Apabila pandangan anak-anak jelas menyimpang/terpesong, bagaimana memperbetulkannya?
3. Apabila konsep kita salah tetapi risau tentang “jatuhnya air muka”, bagaimana kita menyelamatkan keadaan?
4. Bagaimanakah anda dapat menguatkan kepercayaan diri sendiri dan anak-anak dalam keluarga anda?

PELAJARAN 3: KENALI PERSEKITARAN GENERASI BARU III

- INTERAKSI DENGAN GENERASI MUDA: ARTIKEL CUCU

SATU, DAPAT HIDUP DENGAN SELESA DAN BERMAIN DENGAN CUCU JUGA MERUPAKAN KEBAHAGIAAN BAGI USIA TUA

“Bermain dengan cucu dan menikmati pisang masak separak”. Warga emas amat mengharapkan kehidupan usia tua yang selesa. Selepas anak-anak mendirikan rumah tangga dan membina kerjaya masing-masing, hati mereka dipenuhi dengan kepuasan pencapaian. Sekiranya terdapat generasi cucu di sekitar mereka, orang tua dapat menunjuk-nunjuk tentang berkat mereka di merata tempat. Walaupun mempunyai cucu-cucu yang comel yang menemasi usia tua, namun jika tidak ada konsep pengajaran yang betul, akhirnya apa yang diperolehi hanyalah letih dan lesu bahkan bagai arang habis, besi binasa, tukang hembus penat sahaja.

Pada pandangan anda, apa perasaannya dapat “bermain dengan cucu”?

DUA, SUKAR UNTUK MEMBESARKAN “ANAK”, SUKAR JUGA UNTUK BERMAIN DENGAN “CUCU”

Seiring dengan perubahan masa dan persekitaran sosial, tradisi bagi bapa yang penyayang, anak yang taat, abang yang mesra dan adik yang penuh hormat telah diberikan tafsiran baru. Pada masa dahulu, hanya dua keping biskut dan beberapa biji gula-gula sudah mencukupi untuk “bermain dengan cucu” untuk beberapa minit bahkan beberapa jam. Namun, produk teknologi pada hari ini telah berkembang maju dan meluas. Kanak-kanak telah terdedah kepada banyak perkara baru sejak dari kecil lagi. Jika orang dewasa tidak mengikuti perubahan masa dengan mempunyai pengetahuan dan maklumat yang agak moden, sebaliknya hanya berhenti di dalam konsep empat atau lima puluh tahun lalu, akhirnya mereka akan mendapati bahawa terdapat “jurang generasi” di antara mereka dan generasi cucu. Ketika menjadi ibu bapa suatu masa dahulu dalam membesarkan anak-anak sendiri, kadang-kadangnya mereka juga mendapat ilham bahawa: “Memang tidak mudah untuk menjadi ibu bapa! Harus taat kepada ibu bapa!” namun mereka tetap mengekalkan kewibawaan / kuasa sebagai pemimpin. Kini, sebagai generasi datuk dan nenek, mereka hanya “dimainkan” oleh cucu secara “patuh”. Ramai orang yang sudah menjadi datuk dan ibu diseksa teruk oleh cucu-cucu. Gaya semasa menjadi ibu bapa dahulu tiba-tiba tidak wujud pula. Ada pula yang menjadi seperti datuk kepada Maruko dalam “kartun Chibi Maruko-chan” yang memenuhi semua permintaan Maruko seperti dekri, bersetuju dengannya tanpa apa-apa syarat, bahkan sehingga ke tahap terlalu memanjakannya. Ini menyebabkan anak dan menantunya berasa serba salah, ditelan mati emak, diluahkan mati bapa. Orang tua selalunya mempunyai cara disiplin dan membesarkan cucu yang berbeza dengan anak dan menantu lalu menyebabkan ribut di dalam rumah tangga. Melihat situasi ini, anak-anak akan mencari datuk

atau nenek apabila mendapat bantahan daripada ibu bapa mereka. Akibatnya, ini bukan sahaja menimbulkan konfrontasi yang lebih mendalam di antara orang dewasa, tetapi juga menanamkan tabiat buruk “ke mana angin yang deras, ke situ condongnya” dan “personaliti dua sisi” bagi kanak-kanak. Ini sesuatu yang harus diperhatikan oleh kedua-dua generasi. Mereka telah bekerja keras dan berjuang untuk seumur hidup, kini mereka benar-benar ingin menikmati kehidupan pisang masak separak yang selesa. Namun, mereka berhadapan dengan masalah dalam penyelarasan hubungan interpersonal di antara anak-anak dan cucu-cucu. Dalam keluarga besar masyarakat dahulu, tidak ada masalah yang akan timbul jika mendengar kata-kata orang tua dalam semua perkara. Namun apabila anak-anak yang memainkan peranan utama dalam keluarga, bagaimana orang tua mengubahsuai konsep mereka? Ini sesuatu yang harus difikirkan oleh “datuk dan nenek”.

Apabila orang-orang dewasa dalam keluarga mempunyai pendapat yang berbeza tentang mendidik anak-anak, bagaimanakah anda mencari titik keseimbangan daripadanya?

TIGA, SENTIASA BELAJAR DAN BERTUMBUH BESAR DALAM ASPEK KONSEP PENDIDIKAN

Seseorang akan menjadi tua dengan berlalunya masa. Namun persekitaran di sekelilingnya pula sentiasa berubah seiring dengan pembaharuan teknologi. Dalam ribuan tahun tamadun manusia (selepas penemuan sistem tulisan), walaupun pakaian, makanan, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan dan hiburan semuanya sedang berubah, tetapi kadar perubahan ini adalah sederhana. Setiap orang boleh maju ke hadapan seiring dengan roda masa. Sejak kemerdekaan Amerika Syarikat dari Great Britain dan Revolusi Perindustrian (Industrial Revolution) di Barat pada abad ke-18, dalam tempoh lebih daripada 200 tahun, persekitaran hidup manusia tiba-tiba berkembang dengan pesat umpama layang-layang yang terputus tali. Dalam 50 tahun kebelakangan ini, teknologi maklumat dalam bidang angkasa lepas dan komputer telah memimpin kehidupan manusia. Orang muda generasi baru dapat menyaingi masa dengan kadar yang sangat cepat dan “menikmati” kehidupan teknologi. Bagi mereka yang dilahirkan pada tahun 1940-an dan 1950-an, apabila melihat cucu-cucu yang comel bersenang-lenang dalam kehidupan alaf baru ekoran daripada perubahan persekitaran, mereka hanya dapat merasa tidak berdaya umpama perahu papan bermuat intan. Dengan senyuman yang kelat, mereka mengucapkan kata-kata yang tidak berdaya: “Kamu pergi main saja.” Hakikatnya, kemahiran belajar yang diberikan oleh Tuhan kepada manusia dapat dilanjutkan sehingga pertengahan baya, bahkan sehingga lanjut usia. Namun apabila melihat situasi yang berkembang pesat secara tiba-tiba, mereka menjadi bingung bagai jampuk kesiangan hari. Ke mana perginya nada hero seperti “saya lebih dahulu makan garam daripada kamu, saya jauh berjalan banyak dilihat, lama hidup banyak dirasa”? Sebenarnya, ramai dalam golongan pertengahan baya dan warga emas yang maju secara praktikal seiring dengan persekitaran sosial.

Adakah anda mendapati bahawa adalah penting untuk diri sendiri terus bertumbuh besar bagi mengeratkan hubungan antara anda dan generasi cucu anda?

EMPAT, SELARASKAN MENTALITI DIRI SENDIRI, LALUI “MASA MUDA KALI KEDUA” DENGAN PERASAAN KANAK-KANAK BERUSIA SEPULUH TAHUN

Orang yang tidak segan untuk bertanya kepada orang lain dan belajar bersungguh-sungguh dalam hal mengajar anak-anak suatu masa dahulu kini nampaknya juga perlu memberi dorongan kepada diri sendiri selepas lanjut usia: ambil inisiatif untuk buat anjakan paradigma, selaraskan diri sendiri dengan kehidupan bahagia anak-anak, menantu-menantu dan cucu-cucu melalui konsep-konsep yang baru. Apabila anak-anak kita kaki naik, kepala turun untuk kehidupan mereka, jika kita dapat bekerjasama dengan mereka dalam hal mengajar kanak-kanak, itu benar-benar kehidupan yang “bermain dengan cucu dan menikmati pisang masak separak” bagi kita.

Pada pandangan anda, bagaimana dapat membuatkan cucu-cucu anda merasakan bahawa anda comel di dalam hati mereka?

SOALAN PERBINCANGAN:

1. Bagaimana golongan pertengahan baya menyelaraskan konsep diri sendiri tahun demi tahun sebelum menjadi “datuk dan nenek”?
2. Apabila cara pengajaran anak dan menantu membuatkan kita berasa “kasihan”, sikap apa yang perlu diambil untuk menglibatkan diri?
3. Apabila anak dan menantu tidak berpuas hati dengan cara pengajaran “datuk dan nenek” dan mahu “berpindah keluar”, apa yang perlu dilakukan?
4. Walaupun cucu kesayangan kita “comel”, tetapi apabila dia berperangai “tidak rasional”, apa yang perlu dilakukan?

PELAJARAN 4: KENALI PERSEKITARAN GENERASI BARU IV - KEHIDUPAN PERSARAAN

SATU, IDEA UNTUK BERTUKAR PENTAS EBRCAMBAH

Saya berfikir tentang persaraan sejak beberapa tahun yang lalu. Dalam sepuluh tahun kebelakangan ini, setiap kali loceng kelas dibunyikan, saya selalu masuk ke dalam kelas dengan rasa tanggungjawab untuk “melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran ini dengan baik”. Walau bagaimanapun, adalah amat mengecewakan apabila melihat murid-murid tidak memberikan tumpuan dan tidak mematuhi disiplin di dalam kelas di samping merasakan ibu bapa terlalu memanjakan dan memberi terlalu banyak kelonggaran kepada anak-anak selepas kelas lalu menyebabkan murid-murid bertindak ego dan sombong. Apabila saya meluahkan idea saya tentang persaraan kepada rakan-rakan, beberapa orang daripada mereka memberi amaran kepada saya: “Jangan berundur sembarangan. Itu akan menjadikan kehidupan kamu lebih teruk. Kamu pasti akan menyesal.” Melihat kepada lelaki tua yang telah bersara di hadapan saya, penampilannya itu benar-benar menunjukkan rupa yang “sangat menyesal”. Namun saya berfikir: Selepas bersara, saya ada ruang aktiviti yang lain. Rasanya saya tidak akan menjadi seperti dia.

Lebih kurang tiga puluh tahun yang lepas, ketika berusia kira-kira dua puluh tahun, saya telah masuk ke dalam masyarakat dan bekerja keras untuk menyara kehidupan. Oleh sebab tahun-tahun pendidikan telah dilanjutkan, kerja hanya menjadi stabil ketika berusia kira-kira dua puluh lima tahun. Sekiranya jangka hayat purata adalah kira-kira tujuh puluh lima tahun, saya menguntukkan dua puluh lima tahun yang akhir untuk diri sendiri, itu sememangnya munasabah. Tambahan pula, orang-orang yang mengundurkan diri daripada perjuangan kerjaya masing-masing kini tidak mempunyai masalah dalam kehidupan mereka. Persoalannya, bagaimana menjalani kehidupan supaya tidak “terlalu menyesal”?

Adakah anda sudi memberikan diri sendiri sebuah ruang yang diatur sepenuhnya oleh diri sendiri?

DUA, KEHIDUPAN PERSARAAN MERUPAKAN KEHIDUPAN YANG PELBAGAI. CARI YANG PALING SESUAI DENGAN DIRI SENDIRI UNTUK “MENIKMATI KEHIDUPAN”

“Pentas” kehidupan yang diatitkan oleh Tuhan untuk manusia adalah luas. Terutamanya di dalam dunia dengan kepelbagaian tamadun sains dan teknologi, ruang yang diberikan adalah sangat besar. Jika seseorang tidak melakukan apa-apa selain menonton televisyen selepas makan, bukankah dia sama seperti berhala-berhala di kuil yang “menonton” persembahan boneka? Isi kandungan kehidupan orang zaman moden adalah pelbagai. Contohnya: sastera, muzik, seni, arca, teknologi, agama dan sebagainya. Bagi orang yang tidak lagi bekerja secara rasmi sepatutnya lebih dapat menumpukan perhatian dalam minat dan kepakaran mereka sendiri, khususnya apabila maklumat tentang teknologi komputer adalah sesuatu yang perlu difahami oleh orang moden.

Orang yang telah bersara sebelum ini boleh bermain dengan cucu di rumah. Namun keadaan sudah berbeza sekarang. Generasi cucu sekarang menghadiri sekolah dwibahasa. Mereka belajar bahasa Inggeris dan komputer. Mereka bermain Pikachu dan mainan gabungan. Jika pesara masih tidak dapat bersaing dengan masa, cucu-cucu tidak mahu lagi bermain dengan mereka. Pada masa itu, mereka hanya mampu terus menatap televisyen dan ‘tidur’ di hadapan televisyen secara keseorangan. Walaupun organ-organ dalam tubuh manusia akan menjadi tua selepas mencapai usia tertentu, namun jika organ-organ ini boleh terus digunakan selepas bersara, ia akan memperlambatkan penuaannya sama ada secara psikologi ataupun secara fizikal. Dengan cara ini, kehidupan persaraan akan menjadi lebih bermakna.

Pernahkah anda berfikir tentang gaya hidup kegemaran anda selepas bersara?

TIGA, KEHIDUPAN BARU YANG BERMAKNA

Sesetengah orang takut bahawa pentas kehidupannya akan hilang selepas bersara. Tetapi sebenarnya, jika mereka hilang dari pentas kehidupan selepas bersara, mereka sendiri yang sepatutnya menanggung sebahagian besar tanggungjawabnya. Kerja-kerja selepas bersara kurang melibatkan hubungan berkepentingan yang berkaitan dengan wang dan kuasa serta disambut baik oleh masyarakat umum. Bila lihat kembali perjuangan dalam sebahagian besar hidup pada masa lalu, mungkin itu akan membuatkan kita mempunyai perasaan bahawa “sumbangan saya tidak boleh dinafikan”. Namun, apa yang kita perolehi daripada masyarakat juga tidak sedikit. Bukankah ini masa yang terbaik untuk memberi kembali kepada masyarakat? Persoalannya, adakah kita dapat melibatkan diri dengan semangat dedikasi? Adakah kita dapat belajar daripada orang lain dengan sikap yang rendah hati di dalam kehidupan? Apabila bekerjasama dengan junior, jangan selalu mengungkit tentang “pencapaian / kejayaan besar” anda pada masa lepas dengan bangga lalu mengkritik junior dengan nada yang menghina. Ini kerana masa bergerak maju ke hadapan. Segala yang kita ada pada masa lepas mungkin hanya dipandang sebagai “budaya antik” sahaja oleh orang-orang muda di mana ianya hanyalah untuk dikenang dan dihargai tanpa apa-apa nilai pelajaran. Pada masa yang sama, masalah “berleter” juga sangat tidak disukai. Adalah lebih baik jika kita dapat banyakkkan melihat dan mendengar dengan senyuman untuk belajar. Kadang-kadang, junior akan menjemput kita untuk bercakap tentang masa lalu. Pada masa itu, gunakan masa yang tepat dan isi kandungan yang bersesuaian untuk berkongsi dengan junior.

Dalam perasaan kita sendiri, apa yang anda ingin dengar daripada senior?

EMPAT, KEHIDUPAN PERSARAAN YANG TIDAK BEREHAT TETAPI MEMBERI KEMBALI KEPADA MASYARAKAT

Hari ini, apabila berjalan ke stesen, hospital, taman dan pelbagai tempat awam yang lain, kita dapat melihat para pesara yang bekerja dengan penuh bersemangat sebagai sukarelawan. Pada pendapat saya, pengalaman dan perjalanan hidup para pesara merupakan sumber sosial yang sangat baik. Masyarakat amat memerlukan penglibatan sukarelawan yang banyak. Khususnya dalam gereja kita, dari ibu gereja, zon, gereja tempatan dan juga pelbagai persahabatan, banyak sekali

pelayanan yang boleh kita libatkan diri: memimpin kebaktian, memimpin kidung, menyertai kumpulan koir, menyertai kumpulan lawatan, menyertai pasukan kerja di pedalaman, membantu menaip, artikel kampus, penginjilan, pengurusan dewan, penerimaan tetamu, hal-hal dapur, membuat lawatan dan memberi dorongan, kaunseling moraliti dan akademik remaja dan kanak-kanak ... Jika anda sudi, adakah anda masih mempunyai masa untuk duduk menonton televisyen di rumah? Tentu sekali, orang-orang dalam masyarakat tidak boleh memandang rendah terhadap golongan pesara. Sebaliknya, mereka haruslah mengambil berat tentang golongan pesara secara positif dan proaktif. Begitu juga dalam keluarga. Ahli keluarga harus bersyukur dan sentiasa memperhatikan kehidupan seharian mereka. Jangan jadikan mereka sebagai buruh murahan ataupun orang gaji. Mereka seharusnya mendapat kredit yang besar di atas sumbangan mereka kepada kehidupan kita yang baik pada hari ini.

Jika anda telah bersara, bagaimana anda mahu memberikan kembali kepada masyarakat?

LIMA, ITU BENAR-BENAR KEHIDUPAN YANG INDAH

Persaraan merupakan sejenis nikmat. Semasa bekerja, kita ingin sekali pergi melancong, makan dan melihat di tempat-tempat yang lain. Namun cita-cita itu tidak dapat dicapai disebabkan oleh pelbagai masalah. Kini, kita boleh mengaturnya dengan baik. Selagi ianya baik untuk badan dan minda, ia adalah satu perkara yang indah. Semestinya, berdoa dengan hati yang tenang untuk diri sendiri, ahli keluarga dan gereja juga merupakan satu pekerjaan yang indah.

SOALAN PERBINCANGAN

1. Bagaimana orang yang bakal bersara bersiap sedia untuk menikmati kehidupan persaraan?
2. Jika terdapat “pesara” yang lanjut usia di dalam keluarga, bagaimana ahli keluarga harus melayaninya?
3. Bagaimana pesara melibatkan diri di dalam kerja suci secara “proaktif”?
4. Bagaimana gereja harus membantu golongan pesara untuk menjalani kehidupan persaraan yang bahagia?

SIRI PERTAMA

BAHAN PERSAHABATAN GOLONGAN DEWASA

Penerbit:

Gereja Yesus Benar, Jabatan Penginjilan & Penggembalaan

5.2 Km Jalan Tuaran, Dah Yeh Villa, Peti Surat 10510, 88805

Kota Kinabalu, Sabah.

Tel: 088-239720, 230327

Fax: 088-233661

Website: <http://ga.tjcsabah.com>

<http://www.tjcsabah.com/>

Pencetakan Oleh:

WE & Co.

Shop Lot 6, Nountun Industrial Estate,

88450 Kota Kinabalu, Sabah
